

SATU KAJIAN KES DI BANDAR KOTA BHARU MENGENAI
PEMINTA-PEMINTA SEDEKAH YANG MENJADIKAN AKTIVITI
MEMINTA-MINTA SEBAGAI SATU CARA HIDUP

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh: 7/7/87

OLEH

AFFENDI BIN ABDULLAH

No. Matrik: 45960

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Minggu keempat,.....

Sesi 1986/87

Alamat perjalanan hidup.

Orang tuar, di luar semasa.

Agar ditulis dalam bahasa.

SINOPSIS

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang dirujukkan khas kepada bandar Kota Bharu, Kelantan. Tujuan utama kajian ini ialah untuk memperlihatkan kegiatan atau aktiviti meminta-minta yang telah menjadi suatu bentuk atau cara hidup bagi sekumpulan kecil masyarakat di Kelantan.

Pada keseluruhannya, penulisan ini terbahagi kepada enam bahagian. Dalam bab pertama, pengkaji telah menghuraikan mengenai aspek-aspek kajian ini yang berkaitan dengan tujuan dan bidang kajian, latar tempat dan komuniti yang dikaji, method-method yang digunakan dalam kajian dan masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan.

Di dalam bab kedua pula, pengkaji mengemukakan beberapa konsep dan teori yang berhubungan dengan persoalan peminta sedekah. Perkara yang diberikan tumpuan di sini ialah seperti pengertian tentang peminta sedekah dan kedudukannya dari sudut undang-undang serta kedudukan mereka dari sudut sosiologi. Seterusnya cuba mengaplikasikan kes peminta berdasarkan kepada teori-teori mengenai perlakuan-perlakuan yang mendorong kepada aktiviti meminta-minta berdasarkan kelompok yang berlainan serta penerimaan dan penafian peminta sedekah terhadap penyelewengan mereka.

Manakala dalam bab tiga, pengkaji menyentuh tentang latar-belakang peminta sedekah di segi kedudukan sosial dan ekonomi. Perkara-perkara yang disentuh mengenai mereka dalam aspek

tersebut ialah seperti dari segi jantina, tempat asal mereka, status perkahwinan serta juga mengenai pendapatan dan corak-corak perbelanjaan mereka. Dalam aspek tertentu pengkaji turut mengasingkan bagi keterangan antara peminta dewasa dan tua dengan peminta kanak-kanak.

Di dalam bab keempat pula, pengkaji menekankan kepada persepsi peminta sedekah mengenai corak kehidupan mereka dengan berdasarkan status mereka serta terhadap pihak-pihak berkuasa. Dalam bab ini juga pengkaji turut memberikan perhatian khusus dalam aspek faktor-faktor yang menyebabkan mereka meminta-minta.

Seterusnya dalam bab kelima pula, pengkaji menjelaskan tentang peranan khusus dan juga langkah yang secara tidak langsung yang dimainkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan dalam menyelesaikan persoalan meminta-minta di Kota Bharu. Pengkaji juga dengan secara ringkas turut menjelaskan tentang peranan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK) dalam soal mengatasi masalah fakir miskin.

Akhirnya dalam bab keenam, pengkaji mengulas tentang kebenaran-kebenaran teori yang telah diperlihatkan ke dalam kes peminta-peminta sedekah. Pengkaji juga turut memberi saranan saranan yang berupa sarana umum dan juga saranan kepada pihak berkuasa untuk diteliti dan dipertimbangkan.

Perlu juga diingatkan di sini, dalam soal menerapkan persepsi masyarakat terhadap kegiatan meminta-minta pengkaji hanya menerangkan secara tidak langsung misalnya dalam aspek kesan-kesan

KANDUNGAN

	Halaman
Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Kandungan	vi
Senarai Jadual dan Rajah	x
BAB I : PENDAHULUAN	1
1.Tujuan Kajian	1
2.Bidang Kajian	3
3.Responden-responden Pengkaji	7
4.Teknik-teknik Penyelidikan Yang Digunakan	12
a) Temubual	12
b) Penggunaan Rekod-rekod Sulit serta -	15
c) Pemerhatian	14
d) Penyelidikan Perpustakaan	14
5.Kesulitan Dalam Masa Kájian	15
6.Tempat Tumpuan Peminta-peminta	19
BAB II : TEORI DAN KONSEP	22
1.Perlakuan Meminta-minta dan Peminta Sedekah	22
Dari Sudut Undang-undang	22
2.Aktiviti Meminta-minta dan Peminta Sedekah	22

Halaman

Dari Sudut Sosiologi	28
3. Rangka Teori	32
3.1 Unsur-unsur Penyelewengan Yang Membawa Kepada 'Criminal Behaviour'	33
3.2 Penyesuaian dan Pemberian Penyelewangan	37
a) The Denial of Responsibility	38
b) The Denial of Injury	39
c) The Denial of Victim	40
d) The Condemnation of the condemners	40
e) The appeal of higher loyalties	41

BAB III: LATAR BELAKANG SOSIAL DAN EKONOMI

1. Komposisi Jantina Peminta-peminta	43
2. Tahap Umur Peminta-peminta	45
3. Tempat Asal Peminta	50
4. Status Perkahwinan	52
5. Keluarga	55
6. Tempat Tinggal Serta Penginapan	65
7. Tingkat Pelajaran Peminta-peminta	67
7.1 Tingkat Pelajaran Anak-anak Peminta Sedekah	69
8. Kadar Pendapatan	72
9. Keadaan Fizikal Peminta-peminta	76

Halaman

BAB IV : <u>PERLAKUAN, SIKAP DAN FAKTOR MEMINTA-MINTA</u>	79
1.Sikap Peminta-peminta Terhadap Masa Depan	79
1.1 Sikap Peminta Kanak-kanak Terhadap - Masa Hadapan	84
2.Sikap Dan Tanggapan Peminta-peminta Terhadap Kegiatan Meminta-minta dan Terhadap Pihak Berkuasa	86
3.Faktor-faktor Meminta Sedekah	94
3.1 Sebab-sebab Meminta Sedekah bagi Peminta Dewasa dan Tua	95
3.2 Sebab-sebab Meminta Sedekah bagi Peminta Kanak-kanak	102
4.Teknik-teknik Meminta Sedekah	105
 BAB V : PERANAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN DALAM USAHA MENYELESAIKAN MASALAH - PEMINTA-PEMINTA SEDEKAH DI KOTA BHARU .	109
a)Rumah Orang-orang Tua	110
b)Menghantar Peminta Sedekah ke Pusat Pemu- lihan di Mersing	112
c)Menghantar Peminta Sedekah Kanak-kanak ke- Rumah Kanak-kanak	113
d)Skim Bantuan Orang-orang Tua Berkeperluan	114
e)Elaun Perangsang Untuk Orang-orang Gacat	115

Halaman

f) Skim Bantuan Kanak-kanak	116
g) Lain-lain Langkah Yang Dimainkan oleh Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat	116
BAB VI : <u>PENUTUP</u>	120
1. Rumusan Teori	120
1.1 Rumusan Terhadap 'The Theory of Diffe- rential Association'	120
1.2 Rumusan Daripada 'Techniques of Neut - ralization Theory'	123
2. Kesan-kesan Daripada Masalah Peminta Sedekah	126
3. Langkah-langkah Yang Disarankan Untuk Menga- tasi Masalah Peminta Sedekah	129
i) Saranan Kepada Pihak Berkuasa	129
ii) Saranan Umum	132
4. Kesimpulan	134
5.10. Pendekatan Sosial dan Psikologi Detasen	136
5.11. Pendekatan Psikologi Detasen	137
5.12. Pendekatan Psikologi Detasen	138
5.13. Pendekatan Psikologi Detasen	139
5.14. Pendekatan Psikologi Detasen	140
5.15. Pendekatan Psikologi Detasen	141

SENARAI JADUAL

<u>Bil.Jadual</u>	<u>Halaman</u>
1.1 Komposisi Umur Peminta Sedekah	8
1.2 Komposisi Jantina Peminta Sedekah	8
1.3 Taburan Tempat Asal Responden	9
1.4 Tempat Tumpuan Peminta Sedekah	21
3.1 Status Perkahwinan Peminta-peminta	61
3.2 Taburan Umur Peminta Kanak-kanak	62
3.3 Saiz Keluarga Peminta Kanak-kanak	62
3.4 Pekerjaan Ibu dan Bapa Peminta Kanak-kanak	62
3.5 Peminta Kanak-kanak dan Hubungannya Dengan Ibu Bapa	63
3.6 Bilangan Anak-anak Peminta Sedekah	63
3.7 Tanggungan Peminta-peminta Sedekah	64
3.8 Sebab-sebab Kenapa Peminta-peminta Sedekah Tidak Bergantung Kepada Anak-anak	64
3.9 Tempat Tinggal Serta Penginapan Peminta-peminta	66
3.10 Kadar Persekolahan Peminta-peminta	68
3.11 Tingkat Pelajaran Anak-anak	71
3.12 Pendapatan Purata Bulanan Bagi Peminta Sedekah	86
3.13 Kederaan Dan Kecacatan Peminta-Peminta Sedekah	78
4.1 Rancangan Masa Depan Peminta-peminta	84
4.2 Rancangan Masa Depan Peminta Kanak-kanak	86

4.3	Sikap Peminta Terhadap Kegiatan Meminta-minta	94
4.4	Faktor-faktor Meminta Sedekah Bagi Peminta - Dewasa Dan Tua	101
4.5	Faktor-faktor Meminta Sedekah Bagi Peminta - Kanak-kanak	105
4.6	Teknik-teknik Meminta Sedekah	108
5.1	Peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan Kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan Bagi Tahun - 1986 dan 1987	118

Berdasarkan ukuran makar di atasalah serta bagi memenuhi syarat pencairan dan mematuhi setiap riasan manusia satu istilah lama yang pengkaji telah melaunggah yaitu penyelidikan mengenai kesedaran kecil masyarakat iaitu kumpulan peminta-peminta kecil yang terdapat di sekitar kota Bharu.

Tujuan utama dijelaskan penyelidikan ini ialah untuk menyelidik permasalahan tentang mengapa aktiviti meminta-minta menjadi pilihan sebagai kerjaya hidup sedangkan perniagaan sebenarnya adalah bertentangan dengan norma-norma sosial, sebaliknya masyarakat memandang rendah dan ring kewala perlakuan terhadap mereka yang menyatakan orang cari nafkah. Tambahan

BAB IPENDAHULUAN1. Tujuan Kajian

Persoalan tentang peminta-peminta sedekah sebenarnya bukan sahaja merupakan beban kepada kerajaan tapi ianya juga adalah merupakan masalah kepada masyarakat. Dengan demikian, masalah ini tidak seharusnya disandarkan kepada kerajaan semata-mata melalui peranan agensi-agensi berkaitan seperti polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam dan lain-lain institusi yang berkaitan. Pengelibatan secara langsung oleh semua anggota masyarakat adalah perlu bagi mengawal, mengurangkan dan seterusnya dalam usaha membasmi atau menghapuskan terus fenomena tersebut.

Menyedari akan hakikat di ataslah serta bagi memenuhi syarat pengajian yang memerlukan setiap pelajar membuat satu latihan ilmiah maka pengkaji telah melakukan satu penyelidikan mengenai sekumpulan kecil masyarakat iaitu kumpulan peminta-peminta sedekah yang terdapat di sekitar Kota Bharu.

Tujuan utama dijalankan penyelidikan ini ialah untuk menyelesaikan persoalan tentang mengapakan aktiviti meminta-minta menjadi pilihan sebagai kerjaya hidup sedangkan perlakuan tersebut adalah bertentangan dengan norma-norma sosial, contohnya masyarakat memandang rendah dan hina kerana perlakuan tersebut hanyalah menyusahkan orang ramai sahaja. Tambahan

pula perlakuan tersebut yang boleh diistilahkan sebagai 'deriant behaviour' juga didapati bertentangan dengan undang-undang negara contohnya terdapat Akta Orang-orang Papa 1977, yang memberikan kuasa kepada pihak-pihak berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas mereka.

Pada dasarnya masalah tentang kumpulan peminta sedekah adalah tanggung jawab pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan ini dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan dalam penjagaan, membuat dasar-dasar yang berkaitan serta mengenal-pastikan teknik-teknik pemulihan ke atas mereka. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut pengkaji ingin meninjau serta mengetahui apakah peranan serta langkah-langkah yang telah diambil oleh jabatan tersebut bagi masalah peminta sedekah. Sejajar dengan ini juga pengkaji secara tidak langsung ingin mengaitkan secara ringkas mengenai peranan Jabatan Agama Islam negeri Kelantan dalam menghadapi masalah yang sama iaitu membantu golongan-golongan yang tidak bernasib baik seperti peminta-peminta sedekah.

Sudut lain daripada tujuan kajian ini ialah bagi melihat kesan-kesan dari segi ekonomi serta sosial yang dihadapi oleh peminta sedekah tersebut seperti dari segi jumlah pendapatan, tanggungjawab mereka terhadap anak-anak serta pasangan, cita-cita masa depan serta bagaimana hubungan serta interaksi antara sesama mereka dengan masyarakat. Pengkaji juga ingin mengetahui secara ringkas bagaimanakah tanggapan masyarakat terhadap mereka.

Akhirnya dalam tujuan kajian ini, pengkaji ingin juga menguji andaian-andaian yang telah difikirkan sebelum kajian dilakukan iaitu:-

- a) Sejauh manakah faktor kemiskinan yang menjadi tekanan hidup serta membawa kepada aktiviti meminta-minta.
- b) Apakah taraf atau peringkat pendidikan yang rendah punya kaitan dengan perlakuan meminta-minta.

2. Bidang Kajian

Dalam objektif kajian ini, secara umumnya pengkaji cuba memperihalkan tentang masalah pengemis atau peminta sedekah. Di samping itu pengkaji juga mengadaptasikan teori-teori yang boleh dikaitkan dengan aktiviti meminta-minta seperti yang dikemukakan oleh Edwin H. Sutherland dan Donald R. Cressey (1970) iaitu 'The Theory of Differential Association', Gresyam M. Sykes dan David Matza iaitu 'Techniques of Neutralization Theory'. Pengkaji juga cuba mencari jalan keluar dengan mengesyurkan beberapa saranan untuk menghadapi masalah pengemis.

Bagi mencapai serta menepati objektif umum di atas, pengkaji akan meneliti beberapa aspek yang berkaitan. Aspek utama yang ditinjau ialah mengenai latarbelakang sosial serta ekonomi golongan pengemis. Ianya akan dilihat keadaannya sebelum dan selepas individu tersebut menjalankan kegiatan meminta.

Contoh aspek-aspek yang diberi penekanan oleh pengkaji seperti latarbelakang keluarga peminta, pekerjaan sebelum menjadi peminta atau latarbelakang pekerjaan penjaga bagi peminta kanak-kanak. Bentuk hubungan antara anggota keluarga peminta serta dengan saudara-mara atau masyarakat, pengetahuan mereka dari segi pendidikan sekular dan ugama, pemilikan harta dan pendapatan, sikap serta pegangan dalam kehidupan iaitu samada mempunyai azam yang tinggi untuk memperbaiki taraf hidup mereka atau sebaliknya. Kajian ini juga perlu bagi melihat stratifikasi ataupun penjenisan terhadap pengemis-pengemis yang terdapat di sekitar Kota Bharu. Stratifikasi peminta-peminta sedekah yang dibuat oleh pengkaji secara kasarnya dapat dirumuskan:-

1. Dari segi jantina
2. Dari segi biologi - dilihat semasa responden itu merupakan pengemis dewasa atau kanak-kanak juga samada pengemis tersebut cacat atau tidak.
3. Dari segi kekerapan meminta-minta - aspek ini perlu bagi melihat samada individu tersebut menjadikan aktiviti meminta sebagai kerjayanya bagi menampung kehidupannya serta keluarganya ataupun cuma menjalankan kegiatan meminta di waktu-waktu tertentu sahaja seperti pada hari-hari perayaan, bulan puasa dan sebagainya. Ini bererti individu tersebut menggunakan kegiatan meminta sebagai mata pencarian sampingan sahaja.

Analisa juga dibuat bagi meneliti tentang sikap serta perlakuan meminta-minta. Teknik-teknik yang digunakan oleh peminta sedekah untuk menjalankan aktiviti meminta diberi perhatian. Biasanya teknik-teknik yang digunakan oleh para peminta sedekah boleh dikelaskan kepada dua pendekatan yang umum iaitu teknik yang berdasarkan ataupun menekankan kepada aspek fizikal seperti kecacatan anggota serta teknik yang lebih bersifat saikologi seperti merayu-rayu, membawa anak-anak kecil serta menunjukkan rupa paras yang sedih dan pilu. Aspek dalaman yang ada pada pengemis juga dianalisa. Perkara tersebut, seperti sikap dan pandangan golongan pengemis pada status mereka sendiri, terhadap masyarakat serta perihal yang mencemuh mereka. Turut diberi perhatian ialah tentang kesedaran dan cita-cita ingin dicapai oleh peminta itu sendiri, samada mereka ingin meninggalkan penyelewengan tersebut serta apakah harapan mereka terhadap anak-anak mereka suatu masa nanti. Melihat kepada ruanglingkup aspek ini, iaanya dirasakan sesuai juga bagi menguji 'Technique of Neutralization Theory' yang dikemukakan oleh Sykes dan Matza (1957).

Seterusnya kajian ini akan menumpukan kepada faktor-faktor yang membawa kepada kegiatan mengemis secara khusus. Pengkaji menumpukan kepada faktor-faktor sosial seperti kecacatan fizikal, kelemahan ikatan kekeluargaan, konflik dalam budaya yang membawa kepada penyisihan individu dan seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti meminta sedekah. Pengkaji juga meninjau bagaimanakah seseorang individu itu melibatkan dirinya

sebagai peminta sedekah secara langsung iaitu untuk memastikan apakah individu tersebut mempelajarinya terlebih dahulu, melihat teknik-teknik yang digunakan dan sebagainya.

Akhirnya objektif khusus kajian ini ialah meneliti langkah-langkah serta peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berhubungan dengan persoalan peminta sedekah. Aspek yang ditekankan di sini ialah bagaimana keadaan penjagaan, pengawalan serta corak-corak pemulihan yang dilakukan ke atas peminta-peminta sedekah, supaya mereka dapat kembali hidup sebagai anggota masyarakat yang normal. Tinjauan serta analisa yang sedemikian adalah perlu bagi meneliti apakah dasar-dasar yang dijalankan selama ini memuaskan atau sebaliknya. Lain-lain aspek khusus yang dilihat oleh pengkaji ialah tentang persepsi masyarakat iaitu sikap serta tanggapan orang ramai terhadap aktiviti meminta sedekah di bandar Kota Bharu. Selain daripada boleh dijadikan bidang khusu dalam kajian ia juga secara tidak langsung dapat menjelaskan tentang faktor-faktor 'external' kepada perlakuan meminta-minta.

Sebagai kesimpulan, hasil daripada analisa data-data secara empirial yang dikumpulkan dari kawasan kajian pengkaji, hasil-hasil maklumat akan dapat mencerminkan keadaan sebenar yang dialami oleh kumpulan peminta sedekah serta membantu para pembuat dasar dalam membuat keputusan, khususnya dasar kerajaan mengenai peminta-peminta sedekah ini.

3. Responden-responden Pengkaji

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua kumpulan responden yang terdiri dari sekumpulan peminta sedekah dan satu lagi kumpulan yang bukan peminta sedekah. Bagi responden yang terdiri daripada peminta sedekah, pengkaji berjaya dan mencapai matlamat iaitu jumlah sampel yang diperlukan seramai 40 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai lima orang daripada mereka bolehlah disifatkan sebagai peminta sedekah kanak-kanak kerana mengikut Akta Orang-orang Papa 1977, mereka-mereka yang berada di bawah umur 17 tahun adalah disifatkan sebagai peminta kanak-kanak.

Responden-responden yang bukan peminta sedekah pula boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu:-

- 1) Mereka-mereka yang mempunyai tugas berkaitan dengan masalah peminta sedekah. Contoh responden ini ialah beberapa orang pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sedia memberikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan peminta sedekah serta bertukar-tukar pandangan dengan pengkaji.
- 2) Mereka-mereka yang tidak mempunyai tugas berkaitan dengan peminta sedekah. Seramai 10 orang daripada mereka telah diambil oleh pengkaji sebagai responden bagi mewakili pandangan masyarakat terhadap kumpulan peminta sedekah.

JADUAL 1.1: KOMPOSISI UMUR PEMINTA SEDEKAH

Umur (tahun)	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
8 ke bawah	-	-	-	-	-	-
8 - 16	4	14.3	1	8.3	5	12.5
17 - 25	-	-	-	-	-	-
26 - 34	1	3.6	-	-	1	2.5
35 - 43	1	3.6	-	-	1	2.5
44 - 52	3	10.6	1	8.3	4	10.0
53 - 61	4	14.3	2	16.7	6	15.0
62 - 70	6	21.4	3	25.0	9	22.5
71 - 79	8	28.6	5	41.7	13	32.5
80 - 88	1	3.6	-	-	1	2.5
Jumlah	28	100 %*	12	100 %	40	100 %
Purata Umur	56 tahun		62 tahun		57.9 tahun	

* Angka dibulatkan kepada 100 %

JADUAL 1.2: KOMPOSISI JANTINA PEMINTA SEDEKAH

Jantina	Bil. Responden	%
Lelaki	28	70
Perempuan	12	30
Jumlah	40	100 %

JADUAL 1.3: TABURAN TEMPAT ASAL RESPONDEN

Kelantan adalah terdiri daripada tiga buah daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Krai dan Kelantan. Kelantan adalah terdiri daripada tiga buah daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Krai dan Kelantan.

Kawasan	Bil. Responden	%
Bandar	5	12.5
Luar Bandar	35	87.5
Jumlah	40	100 %

yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.3. Tempat asal responden yang paling ketua umur antara 6 tahun hingga 10 tahun adalah secara automatik boleh diambilkan sebagai angka kawalan-kawalan bagi responden yang mempunyai umur dasar pada kelas tersebut. Berikutnya, responden yang mempunyai umur dasar pada kelas tersebut boleh diluluskan sebagai responden muda dan tua. Dari segi tempat asal responden pula, peratusan membahagikannya kepada dua sahaja iaitu yang berada di luar bandar dan yang berasal dari bandar seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.3. Pengkaji menganggap tempat asal iaitu tempat mereka dibesarkan adalah penting bagi mengelakkan sifat atau peraturan dilengah pengemis bandar dan luar bandar.

Berhubung dengan umur responden, tempat asal serta jantina, pengkaji hanya fokuskan kepada responden dari ladsa kumulan sebab sekiranya sebahagian kerana ia merupakan sampel terpenting sekali bagi menjelaskan maklud kejadian ini.

Kesemua responden pengkaji adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Keadaan ini disebabkan majoriti penduduk negeri Kelantan adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Tambahan pula, faktor tersebut lebih memudahkan pengkaji dalam berhubung dan berinteraksi dengan peminta-peminta sedekah tersebut.

Dari segi taburan umur responden, bagi menyenangkan analisa kajian, pengkaji menggunakan komposisi umur yang dapat membezakan antara peminta kanak-kanak dengan pengemis dewasa iaitu dengan bermula daripada 8 tahun hingga 10 tahun dan seterusnya seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.1. Responden-responden yang peringkat umur antara 8 tahun hingga 10 tahun adalah secara otomatis boleh disifatkan sebagai peminta kanak-kanak dan bagi responden yang melebihi umur daripada kadar tersebut bolehlah dikelaskan sebagai peminta dewasa dan tua. Dari segi tempat asal responden pula, pengkaji membahagikannya kepada dua sahaja iaitu yang berasal dari luar bandar dan yang berasal dari bandar seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.3. Pengkaji menganggap tempat asal atau tempat mereka dibesarkan adalah penting bagi mengaitkan kadar atau peratusan bilangan pengemis bandar dan luar bandar.

Berhubung dengan umur responden, tempat asal serta jantina, pengkaji hanya fokuskan kepada responden daripada kumpulan peminta sedekah sahaja kerana ia merupakan sampel terpenting sekali bagi menjelaskan maksud kajian ini.

Berdasarkan kepada jadual 1.1, menunjukkan tentang kedudukan komposisi umur peminta sedekah yang dikaji. Purata umur bagi peminta sedekah lelaki ialah 56 tahun, manakala peminta sedekah wanita pula ialah 62 tahun. Kadar ini menunjukkan purata umur bagi peminta sedekah lelaki adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan peminta wanita iaitu perbezaan sebanyak 6 tahun. Purata umur bagi keseluruhan peminta sedekah pula ialah 57.9 tahun. Kadar ini menunjukkan kebanyakan peminta-peminta sedekah adalah terdiri daripada mereka yang telah berumur. Dari segi peratus pula, bagi pengemis kanak-kanak iaitu di antara 8 hingga 16 tahun, peratusnya ialah 12.5 %. Kadar umur di antara 71 hingga 79 tahun merupakan kadar yang terbesar iaitu sebanyak 32.5 %, manakala golongan yang kedua terbesar pula ialah yang berumur di antara 62 hingga 70 tahun iaitu sebanyak 22.5 % sementara kadar umur 53 hingga 61 tahun merupakan kadar yang ketiga banyaknya iaitu sebanyak 15 %.

Jadual 1.2 pula menunjukkan tentang komposisi jantina para peminta sedekah. Daripada perangkaan tersebut didapati kaum lelaki adalah mewakili bahagian yang terbesar yang melakukan kegiatan meminta sedekah iaitu sebanyak 70 %, sementara kaum wanita pula hanya sebanyak 30 % sahaja.

Jadual 1.3 pula ialah bagi melihat taburan tempat asal peminta-peminta sedekah. Sebanyak 87.5 % daripada peminta-peminta sedekah ini datangnya dari kawasan luar bandar dan terdapat hanya 12.5 % sahaja dari mereka ini yang datang daripada kawasan bandar.

Bagi menjelaskan lagi sebab-sebab dan bukti-bukti terhadap keadaan tersebut pengkaji akan menjelaskannya di dalam bahagian yang seterusnya terutama dalam bab tentang latarbelakang sosial dan ekonomi serta faktor-faktor ke arah perlakuan meminta-minta.

4. Teknik-teknik Penyelidikan Yang Digunakan

Semasa melakukan kerja lapangan, pengkaji telah menggabungkan beberapa teknik penyelidikan dalam usaha mendapatkan data-data primar dan juga sekunder. Antara teknik-teknik yang digunakan ialah:-

a) Temubual

Pengkaji telah membuat teknik temubual secara tidak formal semasa mengumpulkan maklumat-maklumat secara langsung daripada peminta sedekah. Teknik tersebut dilakukan sewaktu mereka menjalankan aktiviti harian mereka iaitu meminta-minta. Tempat-tempat temubual dijalankan ialah seperti di ruang-ruang lapang di Pasar Pusat Buluh Kubu contohnya di tepi-tepi tangga yang menuju ke tingkat pertama pasar tersebut. Biasanya pengkaji akan duduk mencangkung bersama pengemis tersebut. Di pasar malam yang terletak di Jalan Parit Dalam pula, kebiasaannya pengkaji mempelawa peminta-peminta itu untuk minum bersama-sama sambil menemubual mereka. Lain-lain tempat di mana pengkaji melakukan teknik temubual secara tidak formal tersebut ialah

di kawasan Masjid Mashad Muhammadi. Kesemua kawasan-kawasan tersebut adalah terletak di pusat bandar Kota Bharu.

Teknik tersebut sebenarnya mempunyai kelebihan tersendiri contohnya hubungan yang lebih rapat dapat dilakukan dengan pengemis tersebut serta jawapan atau maklumat juga dirasakan lebih tepat kerana teknik tersebut dilakukan secara spontan dan kelihatan seolah-olah tiada langsung unsur-unsur tekanan atau paksaan. Walau bagaimanapun, sewaktu pengkaji mengutip data-data daripada pihak-pihak tertentu seperti pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan, pengkaji lebih menggunakan teknik temubual secara formal memandangkan kesemua kakitangan di situ adalah tertakluk kepada peraturan pejabat dan begitu jugalah terjadi kepada pengkaji yang terpaksa mengikuti peraturan tersebut.

b) Penggunaan rekod-rekod sulit serta maklumat-maklumat

Rekod-rekod sulit yang dimaksudkan di sini ialah mengenai latarbelakang peminta sedekah yang diambil kenyataan daripada mereka setelah ditangkap oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan tujuan untuk diambil tindakan yang sewajarnya ke atas mereka. Lain-lain dokumen yang diselidik ialah seperti laporan-laporan tahunan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat terutama yang khusus kepada persoalan peminta sedekah serta juga dokumen yang berkaitan dengan aspek perundangan contohnya undang-undang Akta Orang-orang Papa 1977. Pihak-pihak yang terlibat dalam penelitian rekod-rekod sulit dan dokumen oleh pengkaji ialah

pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan serta juga di Kuala Lumpur dan secara ringkas sahaja di Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan.

c) Pemerhatian

Teknik ini dilakukan setelah pengkaji merasakan sukar untuk mendapatkan maklumat-maklumat melalui kaedah temubual serta dirakamkan kemudianya. Aspek-aspek tersebut seperti melihat tentang kecacatan mereka, teknik-teknik meminta yang digunakan, pakaian peminta serta juga jalinan kemesraan yang wujud sesama mereka contohnya pengkaji sering melihat mereka berbual-bual dalam waktu-waktu yang terluang serta juga tempat-tempat yang selalu menjadi kunjungan peminta-peminta sedekah. Kesemua aspek-aspek ini penting bagi pengkaji dalam usaha melengkapkan lagi data-data yang dipungut melalui kaedah temubual.

d) Penyelidikan Perpustakaan

Beberapa buah bahan bacaan telah digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan dan juga sebagai asas untuk menyatakan maksud kajian ini iaitu bagi mendapatkan teori-teori yang berkaitan dengan 'derient behavior' yang dapat diaplikasikan dalam masalah peminta sedekah. Latihan-latihan ilmiah yang berkaitan dengan perlakuan yang menyeleweng juga turut diperhatikan bagi mendapatkan gambaran kasar secara lebih jelas sebelum pengkaji melakukan kerja lapangan dan analisa kajian yang seterusnya.

Selain daripada itu pengkaji juga turut mengumpulkan data-data daripada majalah-majalah keluaran tempatan seperti Dewan Masyarakat serta juga daripada akhbar-akhbar harian yang turut memperkatakan tentang persoalan peminta sedekah.

5. Kesulitan Dalam Masa Kajian

Pengkaji dalam masa menjalankan 'field work' telah menghadapi berbagai-bagai masalah seperti yang lazimnya dihadapi oleh lain-lain pengkaji sebelum ini. Adalah sukar bagi seseorang untuk mendekatkan diri dengan kumpulan peminta sedekah bagi mendapatkan butir-butir yang diperlukan secara langsung dari mereka. Hal ini disebabkan mereka selalunya sangsi, serta selalu resah bila terdapat seseorang yang cuba mendekatkan diri mereka dan bertanyakan tentang hal ehwal dirinya. Sebenarnya salah satu sebab yang menyebabkan mereka bimbang ialah kerana takutkan tindakan dari pihak berkuasa. Peminta-peminta sedekah juga sibuk untuk melayan kehendak-kehendak pengkaji walaupun untuk bercakap tentang aspek-aspek yang menyenangkan. Mereka ini juga adakalanya merasa segan untuk menceritakan tentang keadaan dan kedudukan diri mereka. Kesemua kenyataan ini adalah merupakan kesulitan yang terpaksa dialami oleh pengkaji semasa melalukan kerja lapangan. Hal seperti ini sebenarnya telahpun dialami oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti kata Encik Lee Beng Guan:

"The problem involved in interviewing and especially in interviewing such a group as beggars, are considerable. Like other people, they are busy getting a living, sometimes means for them a considerable outlay of what energy they are left with, and they do not like being hindered. Again to be seen talking to them often arouses awkward enmosity or passerby. Lastly, they tend to be shy and reluctant to talk" (Central Welfare Service and Council, hal 2)

Bagi menghadapi masalah seperti di atas, pengkaji terpaksa menggunakan strategi ataupun teknik-teknik yang dirasakan paling bersesuaian dengan kehendak dan citarasa mereka bagi membolehkan pengkaji memasuki golongan mereka serta menemubual mereka. Penulis terlebih dahulu melahirkan rasa ramah mesra bagi menghilangkan kegelisahan mereka, mengenalkan diri penulis, menyatakan tujuan kajian serta memberikan sedikit sumbangan kepada mereka sebagai tanda simpati dan ucapan terima kasih.

Dalam menjalankan kajian luar juga, disebabkan oleh method kajian yang lebih menekankan kepada temubual secara tidak formal, penulis terpaksa mengingatkan apakah aspek-aspek serta fakta-fakta yang diperlukan dari mereka. Sungguhpun penulis telahpun bersedia untuk menghadapi mereka sebelum ini, tetapi disebabkan responden pengkaji (peminta sedekah) adalah berbeza dari segi gaya hidup dan perlakuan seperti yang pernah diperingatkan oleh pengkaji sebelumnya iaitu:

"It must be remembered that the respondent is a rather timid person." (Central Welfare Service and Council, hal 3)

Disebabkan itu maka sebelum dan semasa temubual dijalankan

penulis terpaksa menghadapi berbagai keranah sewaktu sedang menjalankan temuduga, peminta tersebut berdiam diri atau buat tak kisah dan seolah-olah melupakan soalan yang perlu dijawab, sebaliknya mereka menceritakan hal-hal lain yang tidak berkaitan dengan soalan yang diajukan. Ini menyebabkan penulis terpaksa mengikut serta membiarkan sahaja keranah mereka di samping cuba mengingati apakah soalan-soalan yang telah ditanya dan apakah aspek-aspek yang perlu disentuh. Ada juga berlaku soalan-soalan yang tercicir atau terlupa untuk ditanyakan menyebabkan penulis terpaksa mengulang semula soalan tersebut.

"The interviews thus took the form of general friendly conversation but were based upon a standard list of question. Since the field workers were compelled to memorise these questions." (Central Welfare Service and Council, hal 3)

Dalam kajian kes ini juga, pengkaji menghadapi masalah bagi mencukupkan bilangan responden yang dikehendaki iaitu seramai 40 orang. Hal ini paling ketara sekali bagi mendapatkan pengemis kanak-kanak. Daripada pengalaman pengkaji, pengemis akan banyak kelihatan dan berkeliaran di tempat-tempat tertentu pada hari-hari dan musim-musim tertentu sahaja. Bagi hari-hari biasa, hari Jumaat merupakan pilihan bagi kebanyakan pengemis untuk keluar mengemis secara beramai-ramai. Ini adalah kerana selain daripada merupakan hari minggu (bagi Kelantan), hari Jumaat juga merupakan hari bagi umat Islam

mengerjakan sembahyang Jumaat. Dengan itu pengemis banyak kelihatan di tempat-tempat tumpuan ramai seperti di pasar-pasar serta di masjid-masjid. Musim menjelang perayaan, seolah-olah merupakan satu pesta kepada mereka. Keadaan ini disebabkan kebanyakkan fakir miskin daripada seluruh negeri Kelantan akan bertumpu di Kota Bharu dan kebanyakannya akan berkeliaran di perkarian atau berhampiran dengan masjid bagi mendapatkan zakat dan lain-lain sedekah. Masalah untuk mendapatkan bilangan responden yang diperlukan adalah kerana jadual kajian yang asal pada bulan April bukanlah musim perayaan. Lagipun, pada bulan tersebut terdapat persidangan P.A.T.A (Persidangan Galakan Pelancungan Asia Pasifik) yang menyebabkan kebanyakkan peminta-peminta sedekah jarang keluar untuk meminta sedekah kerana bimbangkan tindakan dari pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi mengatasi masalah tersebut jadual kajian terpaksa dilanjutkan sehingga ke musim perayaan (iaitu di antara bulan Mei dan Jun).

Lain-lain masalah kecil yang dialami oleh pengkaji ialah seperti adanya perasaan rendah diri serta malu pada diri pengkaji sendiri. Setiap kali penulis melakukan temubual dengan peminta sedekah maka setiap kali itulah ramai orang yang lalu lalang akan mengerumuni diri pengkaji dan peminta sedekah tersebut. Mereka memerhatikan dan tersenyum sinis seolah-olah mengejek pengkaji. Dalam pada itu juga iaitu sewaktu temubual sedang dijalankan penulis terpaksa mengolahkan

atau menerangkan soalan-soalan yang ditujukan supaya ia mudah difahami. Bagi mengatasi masalah tersebut penulis lebih suka menggunakan loghat daerah dan istilah-istilah yang paling senang dan mudah difahami tetapi tidak tersimpang atau terkeluar dari skop yang dikehendaki. Tetapi, apa yang menjadi masalah pula ialah cara tersebut memakan masa yang agak panjang untuk satu-satu soalan dan jawapan yang diberikan tetapi penulis merasakan lebih praktikal dan berfaedah bagi kajian tersebut.

6. Tempat Tumpuan Peminta-peminta

Kawasan yang strategik adalah amat penting bagi peminta-peminta sedekah untuk menjalankan aktiviti harian mereka. Tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai, keadaan serta suasana yang sesuai untuk meminta sedekah contohnya di kawasan masjid terdapat ramai peminta sedekah kerana di sini terdapat ramai orang-orang Islam yang bermurah hati untuk menghulurkan sedekah.

Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut, pengkaji telah memilih tiga kawasan yang menjadi tumpuan peminta-peminta sedekah di Kota Bharu, iaitu di Pasar Pusat Buluh Kubu yang terletak di Jalan Pintu Pong, Pasar Malam yang terletak di Jalan Parit Dalam serta di kawasan Masjid Mashad Muhammadi. Kesemua kawasan tersebut terletak di pusat bandar Kota Bharu.

Kawasan Pasar Pusat Buluh Kubu adalah menjadi pilihan utama bagi peminta sedekah di sini. Buktinya, sebanyak 55 %

daripada keseluruhan responden yang diperolehi oleh pengkaji diperolehi dari kawasan ini. Kawasan ini sebenarnya lebih merupakan kompleks urusniaga harian terutamanya bagi bahan makanan serta pakaian. Dengan ini tidak hairanlah mengapa kawasan ini menjadi tumpuan ramai terutamanya pada hari Khamis di mana orang ramai hanya bekerja setengah hari sahaja. Begitu juga pada hari Jumaat yang merupakan hari minggu bagi Kelantan.

Kawasan yang menjadi pilihan kedua kepada peminta sedekah di sini ialah di kawasan Masjid Mashad Muhammadi. Sebanyak 35 % daripada keseluruhan peminta sedekah bertumpu di sini. Keadaan ini disebabkan kawasan tersebut merupakan tempat bagi umat Islam beribadat. Dari apa yang dilihat oleh pengkaji, pengunjung-pengunjung yang datang ke sini juga lebih bermurah hati untuk menghulurkan sedekah. Di musim perayaan kawasan ini menjadi pilihan utama kepada peminta-peminta sedekah di Kelantan. Buktinya, pada musim perayaan pada tahun 1986, pengkaji menganggarkan terdapat lebih kurang 300 hingga 400 orang peminta sedekah berkumpul di sini bagi mendapatkan sedekah serta zakat.

Pada kebiasaan aktiviti mereka ini tidak mengikut aturan masa yang tertentu. Peminta-peminta bebas untuk memilih masa yang sesuai bagi aktiviti mereka. Dengan itu tidak hairanlah terdapat juga peminta yang menjalankan aktiviti mereka pada sebelah malam. Terdapat sebanyak 10 % daripada peminta sedekah menjalankan aktiviti mereka di pasar malam di Jalan Parit Dalam. Kawasan ini menjadi rumpuan ramai kerana selain daripada

menjadi tempat untuk menjamu selera, ianya juga menjadi tempat berehat bagi anak-anak muda di Kota Bharu dan juga pelancong asing. Kebanyakan peminta sedekah di sini menjalankan aktiviti mereka sambil berjalan dari meja ke meja di mana orang ramai sedang menjamu selera atau sedang berbual-bual.

JADUAL 1.4: TEMPAT TUMPUAN PEMINTA PEMINTA SEDEKAH

Tempat	Bil.	%
Pusat Membeli belah / Pasar Pusat Buluh Kubu	22	55
Di kawasan Masjid	14	35
Pasar Malam di Jalan Parit Dalam	4	10
Jumlah	40	100

BAB IITEORI DAN KONSEP

1. Perlakuan Meminta-minta dan Peminta Sedekah Dari Sudut Undang-undang.

Sebagai asas kajian, adalah perlu bagi pengkaji menjelaskan istilah serta konsep meminta-minta dan peminta sedekah dari sudut undang-undang. Bahagian ini amat penting bagi mana-mana kajian dalam memahami tentang kepentingan kajian dan seterusnya kepada matlamat kajian iaitu aspek-aspek yang ingin dijelaskan.

"It is necessary to clarify the following terms as they will need to understood in the survey." (Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1975, hal II).

Dalam kajian yang dilakukan seorang pengemis telah definisikan sebagai:-

"one who habitually solicits alms in money or kind and who does not pretend to offer any service in exchange... A child beggar was a beggar, according to this definition but under 17 years of age." (Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, , 1975, hal II)

Berpandukan kepada definisi yang diberikan di atas, sekiranya seseorang itu menjual sesuatu samada menjual mancis atau menjual belon di tepi jalanraya ataupun seorang ahli silap mata yang berada di tepi-tepi jalan, mereka ini tidak boleh dianggap sebagai peminta sedekah kerana:

"They offer some sort of quid pro quo a beggar as defined does not." (Central Welfare Service and Council, hal 4).

Manakala perlakuan meminta-minta atau 'begging' seperti yang ditulis oleh Cik Zaitun Bachik (Tesis 1974/1975) itu adalah:

"The action or habit of asking earnestly of as ing alms." (Dictionary of English Oxford).

Perbuatan-perbuatan yang dilakukan supaya sedekah diberi ialah seperti membaca ayat-ayat Al Quran, menunjukkan kecacatan diri, membawa anak-anak kecil, berkelakuan seperti orang yang tidak bermaya serta tidak berkemampuan untuk melakukan sebarang kerja lain, berpura-pura menawarkan barang bagi mengelirukan pandangan pihak berkuasa dan masyarakat. Pemandangan yang sebegini banyak kelihatan di pusat-pusat bandar terutamanya pada hari-hari cuti umum, musim perayaan serta lain-lain hari kebesaran. Di bandar Kota Bharu, kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan ialah seperti di perkaranan masjid terutamanya di pintu-pintu masuk dan keluar, di tangga-tangga pusat membeli belah terutamanya di Pusat Pasar Buluh Kubu dan adakalanya yang merayau dari setempat ke tempat yang lain.

Pengertian tentang pengemis adalah amat berkaitan dengan istilah kutu rayau (vagrant). Apa yang membezakan antara keduanya ialah seorang 'kutu rayau' itu tidak mempunyai tempat tinggal serta mata pencarian yang tetap dan tidur di merata-rata tempat yang disukainya. Seseorang 'kutu rayau' ini juga

tidak menjalankan aktiviti meminta-minta. Mereka juga menafikan yang diri mereka itu sebagai peminta sedekah. Dengan yang demikian apabila pengkaji melakukan penyelidikan luarnya terhadap sekumpulan pengemis, jika kedapatan antara mereka yang menafikan diri mereka sebagai pengemis maka ia adalah seorang 'kutu rayau'. Apa yang perlu ditegaskan di sini mengenai kaitan antara pengemis dan 'kutu rayau' ialah seorang pengemis itu adalah mungkin juga seorang 'kutu rayau' tetapi seorang 'kutu rayau' adalah bukan seorang pengemis.

"A person who does not have a fixed place of abode and who was found sleeping in the five foot ways of shops, in temples, mosques, parks and other public places. For the survey purposes what distinguished the beggar from the vagrant was the fact of begging, not the lack of a fixed place of abode. So that a beggar who slept in public places could also be a vagrant but a vagrant never begged." (Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1975, hal 12).

Didapati adalah sukar sekali untuk membezakan 2 kategori manusia tersebut iaitu 'beggar' dan 'vagrant'. Sebelum ini pun tiada percubaan dibuat kerana ianya saling punya kaitan iaitu terdapat banyak persamaan dalam corak dan gaya hidup mereka. Pengemis-pengemis yang mempunyai rumah sendiri tidak dianggap sebagai 'vagrant'.

"In common usage the term vagrant is generally taken to mean and idle person who has no lived place of abode. Thus a beggar who has a home may not be as a vagrant. On the other hand, a vagrant need not be a beggar as for example a person who wanders about depending on his wits

for a living. Indeed in all practical purposes, it is extremely difficult to draw the line between these two classes of people and the term 'beggar' and 'vagrant' are used in a sense throughout...." (Social Survey on Beggers and Vagrant: Central Welfare Council, 1957, hal 23).

Sebelum ini masalah tentang pengemis dimasukkan di bawah 'Vagrant Act 1965'. Di bawah seksyen 3 (1) seseorang didapati menjalankan kegiatan meminta-minta di tempat awam sehingga menyusahkan orang ramai di situ tanpa mengira samada mereka itu papa atau sebaliknya akan dihantar ke pusat pemulihan.

"A person (whether destitute or not) may be required by order of magistrate to reside in a centre (i.e. Rehabilitation Centre) if that person is found begging in a public place in such way as to cause or be likely to cause annoyance to persons frequenting the place or otherwise to create a nuisance."

Selanjutnya diterangkan dalam seksyen 3 (b) bahawa 'public place' termasuklah mana-mana tempat di mana orang ramai boleh memasuki dengan dikenakan bayaran ataupun percuma dan seseorang yang melakukan perbuatan supaya diberi sedekah samada secara menyanyi, permainan, menawarkan sesuatu barang jualan atau sebaliknya.

"further classifies that 'public place' includes any place to which the public are admitted without payment or on payment, and a person begs if his conduct is calculated to induce the giving of alms whether or not there is any preference of singing, playing, performing, offering anything for sale or otherwise."

Seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 3 (7) iaitu

kenyataan dalam seksyen tidak sekali-kali boleh digunakan bagi individu yang di bawah umur 18 tahun.

"Further state that this section 'shall not apply to any person who is under 18 years of age."
 (Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1975, hal 11 dan 12)

Bagi menghadapi masalah pengemis dan mengemaskinikan tentang penjagaan dan pemulihan golongan pengemis supaya dapat kembali semula kepada cara hidup yang normal, maka akta 'vagrant' 1965 telah diperbetulkan dan digubal semula. Dengan ini, di bawah undang-undang Malaysia akta 183, iaitu 'Destitute Persons Act 1977' telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan bermula daripada tarikh yang telah dipersetujui dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong.

Di bawah akta ini, 'destitute person' adalah sama sahaja di bawah akta sebelumnya iaitu 'vagrant act 1965' di mana 'begging' bererti perbuatan supaya diberi sedekah samada secara menyanyi, permainan, menawarkan barang atau sebaliknya. Akta 'destitute person' juga didapati lebih praktikal sekiranya ia dibandingkan dengan 'vagrant act 1965'. Ini adalah kerana ia memberikan lebih banyak kuasa kepada pihak-pihak berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengemaskinikan lagi segala urusan berkaitan dengan pengemis. Akta ini juga dapat memberi penjagaan dan pemulihan ke atas pengemis-pengemis dengan lebih berkesan. Di bawah Seksyen 7, seseorang menteri boleh membuat peraturan seperti:

7 (a) mengendalikan rumah kebajikan dan kemasukan pengemis, penjagaan, disiplin dan pemulihan para pengemis yang menginap.

7 (b) Bagi membuat perlembagaan dan tugas majlis pelawat.

7 (c) Bagi menjalankan keberkesanan akta ini secara am.

Mengikut Seksyen 8 (1), seseorang pengemis, samada mereka masuk secara memohon atau sebaliknya boleh dikeluarkan oleh penguasa:-

- a) Jikalau beliau puashati bahawa penghuni dapat bekerja bagi menyaradiri; atau menyerahkannya
- b) kepada penjagaan sesiapa yang bersedia memberi perlindungan yang sesuai.

Seksyen 9 pula menyebut:

"Sesiapa yang tinggal di rumah kebajikan dikehendaki membuat aktiviti bagi tujuan melatih untuk kerja di luar rumah kebajikan atau menyumbang perbelanjaannya di rumah kebajikan."

Dengan ini pengemis-pengemis yang mendiami rumah kebajikan dapat melatih diri mereka supaya bekerja sendiri dengan tidak mengharapkan simpati daripada orang lain untuk meneruskan hidup mereka. Di bawah Seksyen 11 dan 12 pula bolehlah dirumuskan kepada mana-mana pengemis yang meninggalkan rumah kebajikan tanpa izin penguasa ataupun setelah dibenarkan keluar tetapi tidak kembali ke rumah kebajikan seperti yang telah ditetapkan tanpa

sebab musabab adalah salah dari segi undang-undang dan boleh didenda setelah dibicarakan ataupun dipenjara bagi jangkamasa tidak lebih daripada 3 bulan. Seseorang pegawai polis dibenarkan menangkap tanpa waran sesiapa yang diyakini melakukan kesalahan seperti di atas. (Law of Malaysia Act 183: Destitute Person Act 1977).

Meneliti daripadauraian di atas sikap meminta-minta dan peminta sedekah adalah menyeleweng dan salah di sisi undang-undang. Selain daripada mengganggu orang ramai, ia juga secara tidak langsung memperlihatkan betapa luasnya jurang perbezaan di segi struktur masyarakat dan pemilikan harta. Seterusnya ianya boleh menjelaskan imej masyarakat dan negara dari kacamata luaran dan dalaman.

2. Aktiviti Meminta-minta dan Peminta Sedekah Dari Sudut Sosiologi.

Penjelasan di segi sosiologi mengenai kegiatan meminta-minta adalah agak sulit memandangkan beberapa pernyataan atau penerangan mengenai definasi yang diberikan kepada 'deviant behavior' adalah agak kabur. Daripada definasi yang diambil di dalam kamus mengenai maksud 'deviant behavior' iaitu: "differing from a norm or from accepted standards of society." (The American Heritage Dictionary of the English Language, m.s 361).

Ianya membawa maksud sesuatu perlakuan yang berlainan atau tidak bersesuaian dengan norma-norma yang dipegang oleh masyarakat. Mengikut pengertian yang diambil daripada buku 'Introductory Sociology' iaitu:

"Deviant behavior is that behavior which does not conform to social expactations" (Rose, 1971, hal 298).

Kenyataan ini membawa maksud sesuatu perlakuan yang menyelweng itu adalah disifatkan sebagai perlakuan yang bertentangan atau berlawanan dengan kehendak-kehendak iaitu diluar daripada jangkaan sosial masyarakat.

Daripadauraian mengenai definisi 'deriant behavior' yang akan diaplikasikan ke dalam kes peminta sedekah di Kota Bharu, didapati ianya masih boleh dipersoaljawabkan lagi. Agak kabur untuk menentukan dengan jelas perlakuan yang sebagaimanakah boleh disifatkan sebagai di luar jangkaan masyarakat. Berhubung dengan kes peminta sedekah secara umumnya kita mengetahui bahawa ianya suatu bentuk perlakuan yang bersifat 'universal' iaitu di mana-mana sahaja di dunia ini terutamanya di bandar-bandar besar akan terdapat sekumpulan manusia yang menjalani hidupnya dengan aktiviti meminta-minta. Tetapi suatu rumusan yang harus diperhatikan di sini ialah apakah kegiatan meminta-minta itu merupakan suatu perlakuan yang menyelweng? Pada dasarnya, mengikut sistem hidup masyarakat serta pandangan umum mengatakan bahawa manusia seharusnya bekerja bagi meneruskan hidupnya dan bukan dengan cara meminta-minta iaitu dengan harapan mendapat

belas kasihan orang lain.

Tetapi persoalan yang timbul ialah, apakah yang dimaksudkan dengan bekerja atau pekerjaan? Tidakkah boleh dikatakan bahawa aktiviti meminta-minta itu adalah juga merupakan salah satu daripada jenis pekerjaan yang dilakukan oleh manusia. Tetapi adalah jelas aktiviti meminta-minta ini hanyalah suatu bentuk perlakuan yang boleh melemahkan atau melembabkan sistem ekonomi negara kerana boleh membawa atau menggalakkan sikap malas berusaha di kalangan orang ramai sedangkan mereka semua mempunyai kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang harus dipenuhi. Dengan perkataan lain, kumpulan peminta sedekah adalah terdiri daripada mereka yang boleh diistilahkan sebagai 'pengguna' dan tidak bersedia untuk bekerja dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.

Dikaitkan dengan faktor keugamaan pula, contohnya ugama Islam di mana kegiatan meminta-minta adalah suatu cara hidup yang dipandang rendah dan hina. Tetapi ugama tidak menyuruh kita menjauhi atau mengasingkan diri daripada mereka sebaliknya mereka ini haruslah dibantu samada di segi material ataupun bimbingan yang berbentuk nasihat dan tenaga. Dengan ini tidak hairanlah jika kita dapati ramai orang-orang Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa selalu menghulurkan sedekah walaupun adapula seolah-olah kerana terpaksa.

Di sudut sistem nilai sosial yang diamalkan oleh masyarakat, peminta sedekah adalah dianggap sebagai satu kumpulan yang terasing dari masyarakat yang normal. Keadaan ini disebabkan

pada penilaian masyarakat, aktiviti meminta-minta adalah suatu kelakuan yang tidak baik atau perlakuan di luar jangkaan masyarakat. Keadaan ini dapat dilihat dengan kurangnya interaksi antara mereka dengan orang ramai. Oleh itu dalam persoalan aktiviti meminta-minta ianya merupakan suatu perlakuan yang bertentangan dengan norma-norma, sistem hidup serta nilai sosial dan juga ugama. Dengan kata lain, ia merupakan satu perlakuan yang diluar jangkaan masyarakat. Sungguhpun 'deriant behavior' tidak semestinya bertentangan dengan undang-undang, contohnya seorang lelaki tetapi bersifat seorang perempuan adalah tidak menjadi kesalahan dari segi undang-undang tetapi perlakuan meminta-minta adalah sebaliknya iaitu merupakan 'deriant behavior' serta juga bertentangan dengan undang-undang. Buktinya Akta Orang-orang Papa 1977 yang menghalang seseorang itu daripada bebas melakukan aktiviti meminta-minta.

Sungguhpun begitu masih terdapat pandangan-pandangan di sudut sosiologi yang menafikan kegiatan meminta-minta sebagai perlakuan yang menyeleweng dari norma-norma kehidupan masyarakat, contohnya George Orwell dalam karyanya memberi pandangan;

".... I do not think there's anything different about a beggar that sets him in a different class right to despise him." (George Orwell, 1933, hal 153)

Walaupun terdapat juga pandangan-pandangan sedemikian, pengkaji dalam analisa kajiannya nanti akan menerangkan secara lebih jelas lagi mengenai perlakuan meminta-minta dari sudut pandangan sosiologi.

3. Rangka Teori

Bagi melihat bagaimana individu-individu melibatkan diri mereka sebagai peminta sedekah, pengkaji akan menggunakan rangka yang telah dikemukakan oleh Edwin H. Sutherland serta Donald R. Cressey (1970). Mereka ini telah mengatakan bahawa setiap perlengungan atau 'deviance' di mana kehidupan sebagai pengemis adalah satu bentuk perlengungan adalah didasarkan kepada beberapa unsur yang dapat merangsangkan kepada perlakuan tersebut. Untuk ini mereka berdua telah mengemukakan atau menyarankan ke dalam satu teori iaitu "The Theory of Differential Association." Secara dasarnya teori ini cuba menunjukkan bagaimana individu melibatkan diri mereka ke dalam persoalan 'criminal behavior' iaitu melalui pembelajaran ke atas sikap tersebut, hubungan atau interaksi individu dengan kumpulan yang rapat atau akrab 'personal groups', teknik-teknik, kurangnya kemahiran di kalangan peminta sedekah yang menggalakkan kepada perbuatan tersebut, penyatuan serta pengasingan di antara 'criminal and anticriminal association' dan sebagainya yang akan diterangkan dengan lebih jelas dalam bahagian 'unsur-unsur penyelewengan yang membawa kepada criminal behavior.'

Dalam melihat penyesuaian dan pemberian penyelewengan di kalangan pengemis-pengemis tersebut, pengkaji berpanduan kepada 'Techniques of Neutralization Theory.' Teori tersebut telah dikemukakan oleh Gresham M. Sykes dan David Matza (1957). Beliau sarankan sebanyak 5 kenyataan yang mana keseluruhan

kenyataan tersebut boleh diaplikasikan untuk menguji bagi melihat bagaimana pengemis tersebut menyelewengkan kegiatan mereka serta cuba mempertahankan kegiatan yang mereka amalkan dengan hujah yang akan diterangkan nanti.

3.1 Unsur-unsur Penyelewengan Yang Membawa Kepada 'Criminal Behavior.'

Bahagian awal dalam teori 'Differential Association' menerangkan setiap peminta sedekah iaitu menjalani kehidupannya secara meminta-minta tanpa perlu bekerja dan berusaha sendiri adalah hasil daripada pembelajaran yang dipelajari oleh mereka iaitu 'criminal behavior is learned.' Sikap meminta-minta tersebut bukanlah satu perlakuan yang turun-temurun atau warisan daripada satu jennerasi kepada satu jennerasi. Teori ini dengan lebih tepat lagi menjelaskan bahawa bukanlah bermakna sekiranya seseorang itu mengamalkan cara hidupnya dengan meminta-minta maka tidaklah bermakna anak-anaknya akan mengikut jejak langkahnya menjadi peminta sedekah. Tetapi sebaliknya amalan meminta-minta adalah dipelajari terlebih dahulu oleh individu yang berminat ke arah itu dan kemudian diperaktikkan sebagai satu cara hidup mereka. Hal ini bolehlah dilihat kepada andaian yang diberikan oleh 'A person does not make mechanical invention unless he has had training in mechanics.'

Kegiatan mempelajari aktiviti meminta-minta itu pada awalnya dipelajari oleh individu tersebut melalui kumpulan peminta

peminta sedekah yang mempunyai hubungan akrab atau rapat dengan individu tersebut. Pembelajaran mengenai aktiviti meminta-minta itu adalah hasil daripada proses interaksi di antara mereka. Proses perhubungan antara individu yang baru ingin mencuba menjalankan aktiviti meminta-minta dengan kalangan peminta yang lainnya biasanya melalui bahasa lisan iaitu pertuturan secara biasa dan juga dilakukan melalui gerakan tubuh badan ataupun isyarat bagi menambahkan lagi keberkesanan dalam perhubungan tersebut. Dengan kata lain, individu tersebut akan selalu mendampingi pengemis-pengemis yang lebih dewasa, matang serta mempunyai kewibawaan dalam menghayati perilaku kehidupan sebagai peminta sedekah. Oleh itu secara tidak langsung hasil daripada pengalaman, perbincangan serta memahami isyarat-isyarat yang dilakukan maka individu tersebut dijangka akan dapat memainkan peranan meminta-minta dengan lebih berkesan lagi. Haruslah ditekankan di sini juga bahawa 'criminal behavior' iaitu salah satu daripadanya kehidupan meminta-minta pada asasnya hanyalah boleh dipelajari oleh individu yang mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan peminta-peminta sedekah tersebut. Dengan yang demikian hubungan yang sebaliknya iaitu hubungan secara 'inpersonal' dengan lain-lain agensi perhubungan seperti cerita filem, suratkhabar kurang mendapat mempengaruhi individu-individu supaya melibatkan diri dengan 'criminal behavior' pada amnya dan aktiviti meminta-minta secara khususnya.

Individu-individu yang mempelajari aktiviti meminta-minta ini perlulah juga mengetahui tentang teknik-teknik yang berkesan

dan tidak berkesan dalam kegiatan tersebut. Seperti yang diketahui umum, teknik yang digunakan dalam mengemis banyak bertumpu kepada pendekatan yang bercorak fizikal dan psikologi. Teknik yang menekankan aspek fizikal seperti sengaja menunjukkan kelemahan diri, menunjukkan kecacatan, manakala yang bercorak psikologi pula seperti membaca ayat-ayat suci Al Quran, merayu-rayu, membawa anak-anak kecil semasa mengemis dan sebagainya. Teknik-teknik yang dipelajari tersebut adakalanya sukar untuk diperaktikkan contohnya individu yang buta huruf adalah sukar untuk menghafal dan membaca al Quran dan adakalanya senang untuk dilakukan seperti menunjukkan kecacatan yang sudah sedia ada. Kenyataan ini seperti yang dinyatakan;

"techniques of committing the crime, which are sometimes very complicated, sometimes very simple."
 (Sutherland and Cressey, 1970, hal 114)

Individu tersebut juga haruslah menyedari akan tujuan teknik-teknik tersebut mereka gunakan, sikap-sikap yang harus dilahirkan serta alasan-alasan yang sesuai. Individu yang melibatkan diri sebagai peminta sedekah juga mengetahui akan kedudukan mereka seperti mereka menyedari tujuan penyelewengan dan akibatnya jika dikaitkan dengan kod undang-undang. Dengan itu seseorang peminta sedekah adalah berkebolehan untuk mengatasi ancaman atau tindakan ke atas mereka kerana mereka mengetahui kod undang-undang samada yang baik atau sebaliknya. Contohnya, peminta sedekah itu tidak keterlalui menjalankan aktiviti meminta-

minta sekiranya mereka mengetahui adanya operasi yang dijalankan untuk menahan kegiatan mereka.

Seseorang itu juga akan menjalankan aktiviti meminta-minta kerana mereka lebih cenderung untuk mengemis berbanding dengan lain-lain bidang yang tidak menyeleweng seperti bekerja di mana-mana sahaja. Keadaan ini seperti kenyataan;

"A person becomes delinquent because of an excess of definition favourable to violation of law over definitions unfavourable to violation of law."
 (Sutherland and Cressey, 1970, hal 114)

Individu tersebut dikatakan menjalankan aktiviti meminta-minta disebabkan oleh terasingnya fahaman kepada bidang-bidang lain selain daripada mengemis yang tidak menyeleweng. Golongan peminta sedekah juga cuba mengamalkan nilai-nilai budaya di kawasan mereka tetapi tidak tercapai sekiranya di antara mereka dengan masyarakat dominan terhadap semacam suatu konflik. Sebenarnya pengaruh terhadap 'criminal behavior' khususnya aktiviti meminta-minta adalah bermula dan berkembang pada diri individu tersebut semenjak masih di peringkat kanak-kanak dan ianya akan berterusan dari masa ke semasa.

Akhirnya adalah sukar untuk mencari faktor-faktor yang dominan ke arah 'criminal behavior' khususnya peminta sedekah seperti yang dinyatakan;

"While criminal behavior is an expression of the general needs and values." (Sutherland and Cressey, 1970, hal. 115)

Tetapi umumnya menerangkan aktiviti meminta-minta ini atas dorongan dan nilai-nilai yang umum seperti untuk mendapatkan wang, kekeciwaan dalam hidup tapi yang sebenarnya teori ini juga tidak dapat membezakan dengan jelas antara 'criminal behavior' dengan 'non criminal behavior' di segi sebab-sebab yang khusus kepada perlakuan tersebut. Hal ini seperti yang dinyatakan;

"They are similar to respiration, which is necessary for any behavior, but which does not differentiate criminal from non criminal behavior." (Sutherland and Cressey, 1970, hal. 115)

3.2 Penyesuaian Dan Pemberian Penyelewengan

Sikap meminta-minta di kalangan peminta sedekah seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah dipersetujui ramai oleh ahli-ahli sains sosial seperti kenyataan;

"It is not largely agreed that delinquent behavior like most social behavior is learned and that is learned in the process of social interaction."

Kenyataan ini adalah sama seperti yang dinyatakan dalam 'The Theory of Differential Association'. Akibat daripada adanya faktor-faktor kemudahan untuk seseorang itu melibatkan dirinya sebagai pengemis maka senanglah untuk individu tersebut menceburinya. Tetapi apa yang harus ditekankan di sini, ialah

didapati pengemis-pengemis tersebut juga menghadapi masalah untuk menyesuaikan perlakuan penyelewengannya seperti kegagalan mereka untuk mengadakan interaksi yang efektif dengan orang lain dari golongan yang lebih dominant. Keadaan yang demikian menyebabkan golongan peminta-peminta sedekah cuba 'membenarkan' perlakuan mereka dengan menggunakan beberapa teknik pemberian dan penyelewengan terhadap sikap mereka.

Bagi melihat tentang penyesuaian dan pemberian penyelewengan di kalangan pengemis, pengkaji telah berpandukan kepada teori yang dikemukakan oleh Gresham Sykes dan David Matza (1957) iaitu 'Technique of Neutralization Theory' yang dapat menjelaskan tentang kesempatan bagi pengemis untuk melepaskan diri dari ikatan sosial. Berdasarkan kepada teori ini dapat dilihat bagaimana kelakuan-kelakuan 'deviance' khususnya mengemis dapat mempertahankan kedudukan kegiatan mereka dengan menghujah kepada aspek-aspek seperti penafian tanggungjawab, kecederaan dan mangsa, mencari dan membantu orang-orang yang lebih penting.

a) The denial of responsibility

Dalam kes ini pengemis menganggap diri mereka sebagai 'lacking responsibility for his deviant action'. Mereka mengaku bahawa mereka telah melakukan penyelewengan. Tetapi apa yang diperjelaskan ialah aktiviti meminta-minta itu terjadi bukannya kerana telah dirancangkan tetapi 'the denial of responsibility extends much further than the claim that deviant acts are an 'accident' or some similar negation of personal accountability.'

Hal yang sedemikian berlaku kerana adanya tekanan-tekanan terhadap peminta-peminta tersebut serta perkara-perkara yang di luar kekuasaannya. Keadaan itu adalah seperti tidak mendapat didikan dan kasih sayang daripada kedua ibubapa, hubungan yang buruk dengan masyarakat sekitar, faktor kemiskinan contohnya penghuni-penghuni di kawasan setinggan. Disebabkan faktor-faktor tersebutlah, tambahan individu tersebut tidak dapat mencari jalan keluar selain daripada dengan hidup meminta-minta. Jadi dengan alasan-alasan seperti itu jugalah mereka tidak mengaku bersalah di atas perbuatan mereka sebaliknya menyalahkan masyarakat serta keadaan-keadaan yang menyebabkan keadaan mereka sedemikian rupa. Dengan kata lain mereka ini telah menafikan rasa tanggungjawab bahawa diri mereka sendiri yang menjadi sebab mengapa mereka hidup meminta-minta.

b) The denial of injury

Aspek ini menyatakan bahawa peminta-peminta sedekah itu menafikan bahawa masyarakat telah menjadi mangsa akibat daripada aktiviti meminta-minta mereka. Sebaliknya masyarakat haruslah menghulurkan sedekah kepada mereka. Di dalam 'criminal law' terdapat perbezaan interpretasi di antara jenayah 'Mala in se' dengan jenayah 'Mala Prohibita' yang menyatakan;

"That is between acts that are wrong in themselves and acts that illegal but not immoral." (Marvin E. Wolfgang, 1970, hal. 296).

Berdasarkan hal tersebut seperti yang ditulis oleh Zaitun

Bachik (1974/75), pengemis-pengemis boleh membuat perbezaan-perbezaan yang sama dalam memberikan penilaian atas kesalahan perlakuan mereka. Interpretasi yang digambarkan oleh mereka iaitu dari kacamata peminta-peminta sedekah pemberian sedekah oleh orang ramai tanpa dipaksa. Lantaran itu perbuatan mereka yang suka meminta-minta bukanlah satu masalah masyarakat sebaliknya lebih merupakan masalah persendirian.

c) The denial of victim

Peminta-peminta sedekah juga menafikan bahawa masyarakat telah menjadi mangsa penipuan mereka hasil daripada teknik-teknik yang digunakan untuk meminta sedekah. Sebaliknya mereka menjelaskan bahawa kegiatan meminta-minta itu terpaksa dilakukan kerana desakan keadaan serta telah menjadi gaya hidup mereka. Malahan pula individu-individu yang menghulurkan sedekah itu bukanlah orang yang miskin dan seharusnya membantu mereka. Sebaliknya golongan peminta sedekah pula yang menjadi mangsa kerana terpaksa hidup dalam keadaan serba kekurangan.

d) The condemnation of the condemners

Pembahagian yang keempat dalam 'technique of neutralization' ialah peminta-peminta sedekah menafikan akan kenyataan-kenyataan kebenaran daripada pihak yang mencemuh serta mengambil tindakan terhadap penyelewengan mereka. Kenyataan ini sama seperti yang dikatakan oleh Mc Corkle and Korn iaitu;

"a rejection of the rejectors" (Mc Corkle and Korn, 1954, p.s 88 - 98)

Peminta-peminta sedekah ini menyifatkan pihak-pihak yang berkuasa seperti polis, pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya sebagai penghalang serta jahil iaitu tidak memahami keadaan yang sebenar seperti yang disifatkan 'police, it may be said, are corrupt, stupid, and brutal'. Keadaan ini disebabkan pihak-pihak yang berkuasa selalu sahaja membuat operasi bagi menahan mereka, akibatnya aktiviti meminta-minta yang menjadi sara hidup bagi peminta-peminta ini terancam.

e) The appeal of higher loyalties

Pada kenyataan yang terakhir, didapati peminta-peminta sedekah itu menjalankan aktiviti meminta-minta kerana dikatakan membantu kumpulan kecil (kumpulan pengemis) daripada keseluruhan kumpulan masyarakat yang lebih besar. Keadaan ini sama seperti yang dinyatakan;

"The most important point is that deviation from certain norms may occur not because the norms are rejected but because other norms hard to be more pressing or involving higher loyalties."

Ini menunjukkan hubungan di antara peminta-peminta sedekah itu seperti 'sibling pair', 'the gang' ataupun 'friendship cliques'.

Dengan terdapatnya tanggapan hubungan seperti itulah maka peminta-peminta sedekah itu sanggup meninggalkan kehendak-kehendak dan norma-norma masyarakat besar bagi menyertai dan mengikuti

norma-norma kumpulan kecil iaitu kumpulan peminta sedekah.

Daripada kajian yang dibuat oleh pengkaji, walaupun peminta-peminta sedekah itu tidak mengenali antara satu sama lain, tetapi mereka dapat merasakan keharmonian dalam kehidupan sesama mereka. Suasana ini berikutan terdapatnya persamaan gaya hidup dan nilai-nilai budaya mereka yang dikatakan sebagai 'subculture'. Di antara mereka tiada rasa cemburu, iri hati dan lain-lain konflik kerana masing-masing memahami persoalan dan corak hidup antara satu sama lain. menurut an tentang komposisi jantina peminta sedekah. Dari data analisa statistik yang dibuat, diugati kaum lelaki berjumlah 70 % daripada keseluruhan peminta sedekah di Kota Bharu. Manakala kaum wanita hanya berjumlah 30 % sahaja. Oleh sebab perangkaan tersebut, di dapat jarak berbezanan luas di segi kadar peratusan antara peminta sedekah lelaki dengan peminta wanita. Peransihan antara menunjukkan jumlah peminta sedekah lelaki adalah melebihi 40 % daripada jumlah peminta sedekah wanita. Secara sebalajinya, wanita itu akan lebih bersifat bergantung ataupun daya untuk beraktiviti atau soal tanggungjawab sosial sangat kurang dibandingkan dengan kaum lelaki. Atas dasar tersebutlah maka kaum wanita mempunyai kelebihan dibandingkan dengan kaum lelaki dari segi mendapatkan simpati, pertolongan ataupun apa-apa bantuan daripada masyarakat. Keum wanita juga biasanya tidak digalakkan untuk mencari rezeki secara langsung. Mereka cuma disuruh duduk di rumah, menguruskan hal rumah tangga serta menerima bantuan daripada orang ramai dengan tidak payah meminta-minta secara langsung.

BAB III

LATARBELAKANG SOSIAL DAN EKONOMI

1. Komposisi Jantina Peminta-peminta

Bagi menjalankan atau memainkan peranan dalam satu-satu bidang sosial, status jantina adalah perlu diambil kira. Begitu juga dalam aspek peminta sedekah, pengkaji juga mempersoalkan status tersebut. Dalam jadual 1.2 ada menunjukkan tentang komposisi jantina peminta sedekah. Daripada analisa statistik yang dibuat, didapati kaum lelaki berjumlah 70 % daripada keseluruhan peminta sedekah di Kota Bharu. Manakala kaum wanita hanya berjumlah 30 % sahaja. Daripada perangkaan tersebut, didapati jurang berbezaan yang luas di segi kadar peratusan antara peminta sedekah lelaki dengan peminta wanita. Perselisihan antara menunjukkan peminta sedekah lelaki adalah melebihi 40 % daripada jumlah peminta sedekah wanita. Secara semulajadinya, wanita itu adalah lebih bersifat bergantung ataupun daya untuk berdikari atau soal tanggungjawab adalah sangat kurang dibandingkan dengan kaum lelaki. Atas dasar tersebutlah maka kaum wanita mempunyai kelebihan dibandingkan dengan kaum lelaki dari segi mendapatkan simpati, pertolongan ataupun apa-apa bantuan daripada masyarakat. Kaum wanita juga biasanya tidak digalakkan untuk mencari rezeki secara langsung. Mereka cuma disuruh duduk di rumah, menguruskan hal rumahtangga serta menerima bantuan daripada orangramai dengan tidak payah meminta-minta secara langsung.

Dalam kes ini penulis mendapat bukti terdapat peminta sedekah lelaki tidak membenarkan atau tidak mahu isteri-isteri mereka turut serta menjalankan aktiviti meminta-minta. Mereka memberi alasan cukuplah hanya mereka sahaja yang mencari rezeki dengan meminta-minta. Tambahan pula tempat mereka menjalankan aktiviti itu adalah jauh dengan tempat tinggal mereka. Kaum wanita lebih gemar mencari rezeki sebagai pembantu rumah, mengambil upah membasuh pakaian dan lain-lain pekerjaan selain daripada menjadi peminta sedekah.

Manakala wanita-wanita yang terlibat dengan aktiviti meminta-minta pula adalah kerana tekanan kemiskinan tambahan pula sekiranya wanita tersebut adalah janda, maka bagi menanggung keperluan dan menjalankan tanggungjawab terhadap anak-anak terutama dari keperluan materal, mereka terpaksa lah meminta sedekah. Terdapat juga keadaan di mana sisuami yang juga seorang peminta sedekah inginkan isteri mereka turut serta dalam perlakuan tersebut kerana ini akan menambah pendapatan mereka. Tetapi biasanya pasangan suami isteri tersebut tidaklah menjalankan kegiatan mereka di tempat yang sama. Dari pada tinjauan pengkaji juga, terdapat wanita yang menjadi peminta sedekah kerana dipaksa oleh suami mencari rezeki untuk keperluannya. Wanita yang menjadi peminta sedekah tersebut akan dipukul, dimaki dan anak-anak juga turut sama dimarahi oleh suami sekiranya wanita tersebut gagal mendapatkan wang atau menyediakan makanan untuknya. Faktor lain yang menyebabkan wanita turut menjadi peminta sedekah ialah kerana

sikap wanita itu sendiri yang berminat mendapatkan wang dengan tidak payah bekerja walaupun mereka masih berkemampuan untuk berdikari tambahan lagi mereka juga turut mendapat bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kota Bharu.

Bagi pihak lelaki pula, jumlah mereka lebih ramai daripada jumlah peminta sedekah wanita adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor asas atau secara semulajadinya ialah lelaki merupakan pemimpin atau ketua dalam keluarga, maka sewajarnyalah tanggungjawab yang utama terletak di bahunya. Mereka terpaksa mencari rezeki bagi menampung keperluan serta kehendak isteri dan anak-anak dengan cara meminta-minta. Lelaki yang cacat, tiada kemahiran yang diperlukan serta hubungan yang renggang dengan saudara mara adalah di antara faktor-faktor yang turut menyebabkan bilangan peminta sedekah lelaki begitu ramai jika dibandingkan dengan peminta sedekah wanita. Pengkaji juga akan menerangkan tentang sebab-sebab kepada perlakuan meminta-minta ini dalam bab yang khusus seterusnya.

2. Tahap Umur Peminta-peminta

Daripada data yang dipungut semasa kajian ke atas peminta-peminta sedekah, pengkaji juga dapat mengkelaskan tentang umur-umur mereka. Kadar umur adalah penting dilihat bagi membolehkan pengkaji membahagikannya kepada 3 peringkat peminta sedekah. Tiga peringkat tersebut, mengikut laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah:

- 1) Peminta kanak-kanak iaitu mereka yang bawah umur 17 tahun.
- 2) Peminta sedekah dewasa iaitu mereka-mereka yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun.
- 3) Peminta-peminta tua iaitu kadar umur melebihi 55 tahun.

Sebenarnya tahap-tahap umur yang dikelaskan oleh pengkaji kepada peminta kanak-kanak, dewasa dan tua itu adalah juga hasil maklumat yang diperolehi secara perbincangan dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka menyatakan peminta-peminta yang di bawah umur 17 tahun dikenali sebagai peminta kanak-kanak dan mereka ini sekiranya ditangkap akan ditempatkan di rumah kanak-kanak. Perminta-peminta dewasa iaitu dari umur 18 hingga 55 tahun pula biasanya akan dimasukkan ke pusat pemulihan Mersing untuk menjalani latihan kerjaya di sana supaya dapat kembali hidup secara normal di samping masyarakat. Dengan kata lain, peminta dewasa mempunyai masa, tenaga dan daya usaha, maka tentulah peluang untuk membina gaya hidup yang baru adalah cerah. Manakala peminta-peminta yang mencapai tahap umur melebihi 55 tahun digelar peminta tua kerana mereka ini dirasakan sudah tiada harapan di mana tenaga dan daya motivasi mereka adalah amat kurang sekali. Pada kebiasaan mereka ini sekiranya ditangkap akan ditempatkan di rumah-rumah kebajikan untuk orang-orang tua seperti Taman Kenangan Orang-orang Tua Kemumin, Pengkalan Chepa di Kelantan.

Bagi mengulas lebih lanjut lagi secara perangkaan dan bukti-bukti yang didapati, pengkaji akan merujuk kepada jadual yang dikemukakan sebelumnya iaitu jadual 1.1 yang menunjukkan tentang komposisi umur peminta-peminta sedekah. Di dalam jadual peminta kanak-kanak adalah merupakan kelas minoriti di antara ketiga-tiga kelas peminta sedekah tersebut. Peminta kanak iaitu kadar umur antara 8 hingga 16 tahun hanya berjumlah 12.5 % sahaja dari keseluruhan peminta-peminta yang ditemui. Didapati juga peminta kanak-kanak lelaki adalah jauh melebihi peminta kanak-kanak wanita di mana jumlah peratusan kanak-kanak lelaki ialah 10 % manakala peminta kanak-kanak wanita cuma 2.5 % sahaja. Secara ringkasnya, faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak turut terlibat dalam aktiviti meminta-minta adalah disebabkan oleh kemiskinan yang dialami oleh ibubapa, hubungan yang tidak baik dengan keluarga serta suka meminta-minta kerana senang mendapatkan wang. Pada interperitasi pengkaji sendiri pula tentang mengapa peminta kanak-kanak adalah paling kurang dibandingkan dengan lain-lain kelas peminta ialah kerana pada kebiasaannya status kanak-kanak adalah lebih mendapat perhatian dan simpati daripada masyarakat umum. Jadi kanak-kank yang miskin serta yang tidak terjaga oleh keluarga sendiri senang diterima oleh orang lain untuk dipelihara sebagai anak angkat ataupun dijadikan rakan sepermainan anak-anak mereka. Kanak-kanak yang terbiar juga biasanya diserahkan terus kepada institusi-institusi yang berkaitan seperti pusat anak-anak yatim, pusat kanak-kanak nakal dan lain-lain rumah kanak-kanak yang disediakan dan di-

selenggarakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dengan demikianlah secara tidak langsung bilangan kanak-kanak yang menjalankan aktiviti meminta-minta berkurangan.

Untuk menunjukkan tentang bilangan peminta dewasa secara perangkaan, pengkaji akan menggunakan kadar umur di antara 17 hingga 52 tahun bagi disesuaikan dengan kadar umur kajian yang dirangka. Daripada jadual menunjukkan peminta dewasa adalah mewakili sebanyak 15 % daripada keseluruhan peminta. Sebenarnya walaupun mereka masih mempunyai tenaga dan minat untuk memajukan diri sendiri tetapi terdapat faktorfaktor yang lain yang menghalang mereka. Jadi terpaksa mereka menjalankan aktiviti meminta-minta ini. Antara lain faktor-faktor tersebut ialah seperti kecacatan anggora seperti buta dan lain-lain anggota badan seperti lumpuh, tiada tangan dan sebagainya, tiada kemahiran untuk berdikari dan juga lain-lain kesusahan akibat daripada kemiskinan. Sungguhpun begitu peminta-peminta dewasa ini tidaklah menjalankan aktiviti meminta-minta secara berterusan atau sepanjang masa dibandingkan dengan peminta-peminta tua . Dengan kata lain, peminta dewasa tidaklah bergantung sepenuhnya kepada aktiviti meminta sedekah sebagai punca pendapatan tetapi mereka juga mempunyai pekerjaan sampingan yang lain sebagai punca pendapatan. Tahap umur yang mewakili bilangan terbesar dalam kategori peminta dewasa seperti yang ditunjukkan dalam jadual ialah di antara 44 hingga 52 tahun iaitu sebanyak 10 %.

Pada keseluruhannya bilangan majoriti kumpulan peminta sedekah di segi umur di Kota Bharu adalah diwakili oleh peminta-

peminta sedekah yang telah tua. Mereka ini pada tanggapan umum serta pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah mereka yang lemah segala-segalanya di dalam aspek kehidupan. Maka sudah sepatutnyalah mereka perlu dijaga dan diberi rehat contohnya di rumah-rumah kebajikan orang tua. Daripada data yang dikutip peminta tua adalah 72.5 % daripada keseluruhan peminta-peminta. Kadar umur seperti yang diperlihatkan dalam jadual ialah di antara 53 hingga 88 tahun. Dibandingkan dengan peminta-peminta dewasa, didapati peminta-peminta tua lebih aktif atau lebih kerap di segi hari dan masa dalam menjalankan aktiviti meminta-minta ini.

Daripada data-data yang dipungut dan jadual perangkaan yang dibuat juga menunjukkan majoriti bilangan peminta disegi tahap umur ialah di antara 71 hingga 79 tahun iaitu sebanyak 32.5 %. Manakala majoriti kedua ialah kadar umur antara 62 hingga 70 tahun iaitu sebanyak 22.5 % dan yang ketiga terbesar ialah kadar 53 hingga 61 tahun iaitu sebanyak 15 %. Bilangan atau peratusan yang terkecil sekali bagi kumpulan-kumpulan umur peminta sedekah ialah kadar umur antara 26 hingga 34 tahun, 35 hingga 43 tahun dan 80 hingga 88 tahun di mana masing-masing mewakili hanya 2.5 % sahaja bilangan peminta sedekah. Faktor umur dikaitkan dengan jantina juga didapati pada keseluruhan tahap umur bilangan lelaki adalah jauh lebih besar daripada bilangan wanita contohnya pada kadar umur 71 hingga 79 tahun, lelaki mewakili 20 % daripada keseluruhan responden manakala

wanita pula cuma 12.5 % sahaja. Tetapi satu hal yang nyata daripada jadual kajian didapati kaum wanita lebih cenderung kepada aktiviti meminta-minta setelah mencapai umur agak lanjut contohnya pada kadar umur 53 hingga 79 tahun didapati 83.4 % daripada keseluruhan peminta wanita. Purata umur bagi peminta-peminta lelaki ialah 56 tahun manakala bagi peminta wanita pula ialah 62 tahun. Keadaan ini adalah kerana jumlah peminta wanita adalah kecil dibandingkan dengan jumlah peminta lelaki. Purata umur bagi keseluruhan peminta-peminta sedekah tanpa mengira jantina di Kota Bharu ialah 57.9 tahun.

3. Tempat Asal Peminta

Kebanyakan peminta-peminta yang terdapat di Kota Bharu bukannya berasal atau penduduk tetap bandar Kota Bharu. Daripada penyelidikan yang dijalankan serta dikelaskan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.3 sebelumnya menunjukkan bahawa peminta-peminta yang berasal dari bandar Kota Bharu itu sendiri hanyalah 12.5 % daripada keseluruhan peminta-peminta manakala selebihnya iaitu 87.5 % terdiri dari peminta-peminta yang berasal daripada luarbandar yang datang ke Kota Bharu bagi menjalankan aktiviti meminta-minta.

Peminta-peminta yang berasal daripada bandar Kota Bharu biasanya mempunyai kediaman yang tetap seperti menumpang di rumah saudara mara atau rumah keluarga mereka sendiri. Manakala

peminta-peminta daripada luar bandar pula ada di antara mereka yang datang ke Kota Bharu secara ulang alik dengan tempat tinggal mereka. Terdapat juga yang menyewa rumah-rumah yang berupa bangsal sahaja sebagai tempat penginapan serta tidak kurang pula yang tidur di merata-rata tempat terbuka seperti di masjid, stesyen bas atau teksi, kaki-kaki lima kedai dan sebagainya. Bagi mereka yang selalu berulang-alik daripada Kota Bharu dengan tempat kediamana biasanya yang mempunyai keluarga dan keadaan ekonomi yang agak kukuh sedikit. Manakala mereka yang menyewa pula melakukannya secara berkongsi dengan peminta-peminta yang lain. Ada juga kes di mana kesemua anggota keluarga peminta telah berhijrah ke bandar untuk menetap di situ. Jadi terpaksaalah mereka menyewea rumah sebagai tempat perlindungan. Boleh dikatakan keseluruhan peminta-peminta yang menginap di merata-rata tempat terbuka terdiri daripada mereka-mereka yang berasal daripada luar bandar. Mereka terpaksa menginap di tempat-tempat yang sebegini kerana keadaan kewangan yang menekan.

Pada pandangan penulis juga jadual 1.3 yang menunjukkan bahawa kawasan luar bandar merupakan kawasan utama kelahiran para peminta sedekah secara tidak langsung juga menunjukkan bahawa kadar kemiskinan penduduk di luar bandar adlah jauh lebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan kadar kemiskinan penduduk di kawasan bandar. Jadi tidaklah menghairankan kenapa sebahagian besar daripada peminta-peminta sedekah yang terdapat di Kota Bharu adalah berasal daripada kawasan luar bandar.

4. Status Perkahwinan

Dalam kajian yang dijalankan didapati sebahagian besar daripada peminta-peminta adalah terdiri daripada mereka yang berkahwin atau pernah berkahwin. Bagi melihat dengan lebih jelas lagi status perkahwinan di kalangan peminta sedekah, pengkaji telah merangka jadual yang menunjukkan bilangan dan kadar peratusan status perkahwinan. Dalam jadual 3.1 di dapati sebanyak 52.5 % adalah terdiri daripada peminta-peminta yang masih dalam ikatan kekeluargaan melalui perkahwinan. Sebanyak 30 % lagi terdiri daripada peminta-peminta yang telah mengalami perceraian. Peminta-peminta yang menjadi duda atau janda adalah disebabkan perceraian samada kerana pasangannya mati ataupun bercerai kerana tidak bersefahaman. Daripada jadual juga menunjukkan sebanyak 17.5 % daripada kalangan peminta-peminta adalah terdiri daripada mereka-mereka yang tidak pernah berkahwin atau masih bujang. Yang termasuk dalam kategori ini ialah peminta sedekah kanak-kanak yang belum matang dan tidak bersedia untuk berkahwin. Sebagai kesimpulan daripada data tersebut dapatlah dinyatakan bahawa sebahagian besar daripada peminta-peminta tersebut adalah terdiri daripada daripada mereka yang telah atau pernah berkahwin. Kategori ini mewakili sebanyak 82.5 % manakala peratus bagi peminta-peminta yang belum berkahwin hanyalah sebanyak 17.5 % sahaja.

Berpandukan kepada jadual perangkaan mengenai status perkahwinan juga dapat dikaitkan dengan aktiviti meminta-minta

di kalangan mereka. Daripada maklumat yang diperolehi, terdapat di kalangan peminta-peminta menyatakan bahawa mereka mula menjadi peminta sedekah setelah menempuh alam perkahwinan. Mereka mengatakan tanggungan yang bertambah untuk menanggung isteri dan lain-lain keperluan memaksa mereka untuk menjalankan aktiviti itu kerana pendapatan yang diperolehi selama ini tidak mencukupi serta tidak berpadanan dengan daya usaha mereka. Tambahan pula setelah mereka dikurniakan anak dan memiliki bilangan anggota keluarga yang ramai menyebabkan mereka terpaksa menggandakan aktiviti meminta sedekah. Pekerjaan yang dibuat oleh peminta sedekah sebelum berkahwin sebenarnya merupakan bentuk pekerjaan yang tidak tetap serta tidak memerlukan apa-apa kemahiran seperti menolong mengangkat dan memungah barang-barang, membasuh di samping menerima ganjaran daripada belas kasihan orangramai. Ringkasnya kerja-kerja yang dibuat sebelumnya adalah merupakan kerja-kerja kasar serta tidak memerlukan apa-apa kebolehan istimewa serta tidak ada mempunyai ciri-ciri ke arah perlakuan meminta-minta. Kenyataan yang sebegini biasanya diperolehi daripada peminta-peminta sedekah yang cacat. Ada juga kes peminta wanita yang terpaksa melakukan aktiviti meminta-minta setelah berkahwin bagi keperluan dirinya dengan apa cara sekalipun. Dengan itu wanita tersebut terpaksa melakukan aktiviti meminta

sedekah ini.

Bagi mereka yang mengalami penceraian serta menjadi janda atau duda juga dapat dikaitkan dengan aktiviti meminta-minta. Keadaan ini banyak berlaku di kalangan janda-janda yang telah berumur (tua). Pada awalnya kehidupan mereka ini sudah sememangnya hidup dalam keadaan serba kekurangan. Tambahan pula setelah menjadi janda maka kehidupan mereka bertambah sulit lagi disebabkan tiada wang saraan hidup dari si suami ditambah pula dengan anak-anak yang kurang mengambil berat akan hal ehwal ibubapa mereka. Bagi peminta-peminta yang belum berkahwin, alasan kecacatan dan tidak mempunyai kemahiran dan keluarga yang miskin menjadi sebab mereka meminta sedekah.

JADUAL 3.1: STATUS PERKAHWINAN PEMINTA-PEMINTA

Status Perkahwinan	Bil.	%
Berkahwin	21	52.5
Cerai / Janda / Duda	12	30
Belum berkahwin	7	17.5
Jumlah	40	100

5. Keluarga

Bagi melihat tentang aspek keluarga, pengkaji turut mengaitkan dengan status perkahwinan yang dibicarakan sebelum ini. Berdasarkan kepada jadual 3.1 sebahagian besar iaitu 82.5 % terdiri daripada peminta-peminta yang masih dalam ikatan perkahwinan dan yang telah berkahwin tetapi bercerai kemudiannya. Cuma 17.5 % sahaja yang belum berkahwin. Bagi melihat aspek keluarga secara khusus, pengkaji hanya membahagi-kan kepada dua dimensi keluarga sahaja iaitu:-

- 1) Keluarga yang dibentuk oleh pengemis dewasa dan tua melalui proses perkahwinan.
- 2) Keluarga yang dianggotai oleh peminta kanak-kanak.

Majoriti peminta yang masih dalam ikatan perkahwinan dan pernah berkahwin tetapi bercerai iaitu 82.5 %, daripada penyelidikan yang dijalankan didapati keseluruhan daripada mereka iaitu seramai 33 orang mewakili 100 % telah mempunyai anak hasil daripada perkahwinan mereka. Dalam jadual 3.6 yang menunjukkan tentang bilangan anak-anak peminta sedekah didapati peratusan terbesar iaitu sebanyak 36.4 % mewakili golongan peminta-peminta yang mempunyai anak di antara 4 hingga 6 orang. Manakala peminta-peminta yang mempunyai anak kurang daripada 2 orang adalah yang kedua terbesar iaitu 24 % dan yang ketiga terbesar iaitu 21.2 % mempunyai anak di antara 2 hingga 4 orang. Didapati sedikit sahaja bilangan peminta yang berkahwin dan pernah berkahwin ini mempunyai bilangan anak yang ramai iaitu di antara 6 hingga 10

orang yang mewakili 18.2 % sahaja dari keseluruhan peminta.

Umumnya purata bilangan anak untuk tiap-tiap peminta sedekah seramai 4 orang.

Analisa yang dibuat mendapati sungguhpun peminta-peminta sedekah tersebut mempunyai anak-anak sebagai tanggungan mereka tetapi tidak semestinya kesemua mereka bertanggungjawab atau bersedia menguruskan tanggungan mereka itu. Di antara mereka ada yang bersikap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tanggungan mereka serta ada pula yang tidak mahu memikul tanggungjawab mereka iaitu mereka menafikan bahawa mereka mempunyai tanggungan. Untuk penerangan yang lebih jelas pengkaji telah merangkakan s cara teratur seperti yang ditengahkan dalam jernel 3.7 mengenai tanggungan-tanggungan pengkaji hanya membahagikan kepada dua sahaja iaitu peminta-peminta yang tiada tanggungan langsung yang bermakna peminta tersebut hidup sendirian tanpa perlu memikirkan tanggungjawab mereka untuk membiayai atau membantu sesiapa selain daripada diri mereka sendiri dan yang keduanya pula menunjukkan tentang peminta-peminta yang punya tanggungan tersebut ialah seperti tanggungan terhadap ayah dan ibu, teman hidup (suami atau isteri) serta anak-anak. Daripada jadual 3.7 menunjukkan peminta-peminta yang tidak mempunyai tanggungan langsung ialah kira-kira 37.5 % dari keseluruhannya. Manakala peratusan terbesar adalah mewakili bilangan peminta-peminta yang mempunyai tanggungan iaitu sebanyak 62.5 %. Secara lebih mendalam lagi hasil perangkaan tersebut menunjukkan

keseluruhan peminta-peminta yang berkahwin serta masih kekal dalam ikatan tersebut ialah 100 % menyatakan bahawa mereka mempunyai tanggungan dan bertanggungjawab terhadap teman hidup (suami atau isteri) serta anak-anak. Dibandingan dengan keseluruhan peminta-peminta seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.7 menunjukkan bahawa kumpulan mereka juga adalah majoriti yang mempunyai tanggungan iaitu sebanyak 52.5 %. Keadaan ini disebabkan peminta-peminta tersebut terpaksa tinggal bersama keluarga yang dibentuk di rumah-rumah sendiri hasil daripada warisan orang tua mereka, menumpang tanah orang dengan mendirikan bangsal kediaman serta ada yang menyewa rumah dengan harga murah semata-mata untuk menempatkan keluarga mereka.

Golongan peminta-peminta yang bercerai pula majoriti dari-pada mereka tidak mempunyai tanggungan langsung iaitu 83.3 % dan hanya 16.7 % sahaja antara mereka yang mempunyai tanggungan iaitu anak-anak sahaja. Keadaan ini terjadi kerana setelah pasangan peminta-peminta itu berpisah, mereka akan bebas ke mana-mana sahaja untuk meminta sedekah tanpa perlu memikirkan anak-anak serta teman hidup mereka. Lagipun, tekanan hidup iaitu kemiskinan memaksa mereka bertindak demikian. Peratusan kecil antara mereka yang masih mempunyai tanggungan walaupun berlaku penceraian ialah kerana anak-anak mereka masih dibawah tanggungan peminta sedekah itu, dan akan mengikut ke mana sahaja mereka pergi. Lagipun, anak-anak tersebut masih kecil dan masih memerlukan penjagaan yang sebaik-baiknya. Manakala golongan yang masih

bujang pula, peratusan terbesar antara mereka adalah mewakili bilangan yang tidak mempunyai tanggungan iaitu sebanyak 71.4 % dan hanya 28.6 % sahaja yang mempunyai tanggungan terhadap ayah dan ibu. Keadaan ini adalah kerana mereka tidak mempunyai keluarga yang dibentuk sendiri, tambahan pula mereka majoritinya adalah terdiri daripada peminta kanak-kanak.

Analisa kajian juga dibuat bagi menyelidik kenapakah peminta-peminta sedekah tua tidak bergantung kepada anak-anak mereka bagi mengelakkan daripada menjadi peminta sedekah. Untuk aspek ini pengkaji hanya menggunakan seramai 20 orang responden sahaja. Dalam jadual 3.8 mengenai sebab-sebab kenapa peminta-peminta tidak bergantung kepada anak-anak mereka. Sebab yang utama yang diberikan oleh peminta-peminta tersebut sebanyak 35 % ialah kerana anak-anak mereka juga sangat miskin serta keberatan untuk membantu mereka. Tambahan pula anak-anak mereka itu tidak mempunyai apa-apa kemahiran istimewa dan cuma bekerja sebagai buruh kasar sahaja. Sesungguhnya ada juga di antara anak-anak peminta sedekah tersebut mempunyai taraf penghidupan yang sederhana tetapi mereka juga keberatan untuk membantu peminta sedekah tersebut langsung menggalakkan aktiviti meminta-minta. Sebanyak 30 % daripada peminta-peminta tersebut menyatakan bahawa anak-anak mereka masih budak-budak walaupun anak-anak tersebut tidak bersekolah ataupun sudah berhenti sekolah. Ini disebabkan anak-anak tersebut masih tidak bekerja dan tidak dapat meringankan beban peminta tersebut. Sebanyak 20 % pula

menyatakan bahawa anak-anak mereka masih muda serta masih lagi di bangku sekolah. Jadi sebaliknya peminta-peminta tersebut terpaksa pula menanggung segala keperluan anak-anak tersebut dalam persekolahan mereka. Sebanyak 10 % lagi memberi alasan bahawa mereka tidak mengetahui di mana anak-anak mereka berada iaitu tempat tinggal serta tempat mereka bekerja. Jadi adalah sukar bagi peminta-peminta tersebut menghubungi anaknya untuk mendapatkan bantuan dari mereka. Hal ini berlaku kepada peminta-peminta yang cacat serta telah mengalami penceraian dengan pasangannya. Peratus terkecil sekali iaitu sebanyak 5 % daripada peminta-peminta sedekah tersebut menyatakan mereka seboleh-bolehnya tidak mahu bergantung kepada anak-anak mereka. Peminta-peminta sedemikian biasanya jarang sekali mengharapkan bantuan daripada anak-anak mereka. Mereka merasa senang dengan cara hidup mereka sendiri, dengan alasan ianya tidak menyusahkan sesiapa.

Sudut aspek keluarga yang kedua ialah mengenai keluarga yang dianggotai oleh peminta sedekah tersebut. Dalam jadual 3.2 secara khusus mengenai taburan umur peminta kanak-kanak. Didapati majoriti daripada mereka berumur sekitar antara 8 hingga 11 tahun yang mewakili 60 % daripada mereka. Manakala 40 % lagi berumur 11 hingga 14 tahun. Sungguhpun demikian jadual statistik yang dibentuk ini kurang tepat bagi memberikan gambaran sebenar tentang peminta kanak-kank jumlah responden terlalu kecil iaitu seramai 5 orang sahaja. Walaupun begitu pengkaji akan cuba memberikan gambaran yang sebaik mungkin dengan bilangan

responden tersebut. Mengenai saiz keluarga yang dianggotai oleh peminta kanak-kanak didapati 60 % daripada mereka mempunyai saiz keluarga antara 6 hingga 9 orang, manakala 40 % lagi antara 3 hingga 6 orang anggota keluarga. Daripada perangkaan tersebut dapat gambaran yang menunjukkan bahawa keluarga yang mempunyai bilangan anggota yang besar adalah lebih tinggi kadar kecenderungan untuk ahli-ahli anggotanya menjadi seorang peminta sedekah atas alasan-alasan tertentu. Mengenai aspek pekerjaan ibubapa peminta kanak-kanak , daripada kejadian menunjukkan 40 % daripada mereka tidak mempunyai ayah manakala 20 % daripada mereka sudah tidak mempunyai ibu. Jadual 3.4 yang menunjukkan tentang pekerjaan bagi ibubapa kanak-kanak tersebut menunjukkan 66.7 % daripada bapa kanak-kanak tadi terdiri daripada peminta sedekah manakala 33.3 % pula bekerja sebagai penoreh getah. Mengenai pekerjaan ibu kanak-kanak tersebut pula menunjukkan 50 % daripada mereka cuma menetap di rumah sebagai surirumah sahaja manakala yang bertindak sebagai peminta sedekah dan lain-lain kerja yang tak pasti masing-masing mewakili 25 % daripada keseluruhan responden. Berdasarkan kepada perangkaan tersebut menunjukkan keluarga yang miskin di mana ibubapa kanak-kanak tersebut hanya melakukan kerja yang berat-berat tetapi menerima pendapatan yang tidak seberapa juga telah mengakibatkan anggota keluarganya iaitu anak-anak mereka menjadi peminta sedekah. Ibubapa peminta kanak-kanak yang meminta sedekah itu mempunyai kaitan atau kecenderungan yang berat untuk anak-anak mereka melakukan aktiviti yang sama.

Akhirnya dalam memerhatikan tentang aspek keluarga peminta kanak-kanak, pengkaji turut menekankan kepada interaksi atau jalinan hubungan antara peminta kanak-kanak tersebut dengan keluarga mereka. Daripada jadual 3.5 menunjukkan 40 % daripada peminta kanak-kanak tersebut mempunyai hubungan yang baik dengan keluarga mereka. Jelasnya penjaga mereka selalu mengambil tahu akan hal ehwal kanak-kanak tersebut. Keadaan ini disebabkan penjaga kanak-kanak tersebut juga menjalankan aktiviti yang sama. Penjaga kanak-kanak tersebut kadang-kadang membawa anak-anak mereka bersama untuk meminta sedekah. Kadar yang sama juga iaitu sebanyak 40 % menganggapkan bahawa mereka (kanak-kanak itu) tiada mempunyai hubungan langsung atau tidak baik. Hal ini dibuktikan dengan peminta kanak-kanak tersebut bebas melakukan apa sahaja keinginan mereka tanpa bantahan yang kuat dari keluarga mereka. Manakala 20 % pula mengatakan bahawa bentuk hubungan mereka dengan keluarga mereka adalah buruk atau takut di mana kanak-kanak tersebut takut untuk berhadapan dengan keluarga mereka. Keadaan ini disebabkan keluarga mereka tidak menyenangi perbuatan mereka meminta sedekah tetapi kanak-kanak itu melakukannya di luar pengetahuan keluarga mereka bersama-sama dengan peminta dewasa yang lain.

			Pekerjaan Tbu		
Keluarga sendiri	3	80.0	Ramah/Sedekah	1	25.
Berkerjasama	1	25.0	Selaras	2	50.
			Tbu Bustu/Tbu sentuh	1	25.
Jumlah	3	100.0		3	100.0

JADUAL 3.2: TABURAN UMUR PEMINTA KANAK-KANAK

Umur (tahun)	Bil.	%
8 - 11	3	60
11 - 14	2	40
14 - 17	-	-
Jumlah	5	100 %
Purata	10.7 tahun	

JADUAL 3.3: SAIZ KELUARGA PEMINTA KANAK-KANAK

Saiz Ahli Keluarga	Bil.	%
Kurang dari 3	-	-
3 - 6	2	40
6 - 9	3	60
Jumlah	5	100 %

JADUAL 3.4: PEKERJAAN IBU DAN BAPA PEMINTA KANAK-KANAK

Pekerjaan Bapa	Bil.	%	Pekerjaan Ibu	Bil.	%
Peminta Sedekah	2	66.7	Peminta Sedekah	1	25
Penoreh Getah	1	33.3	Surirumah	2	50
			Tak Pasti/Tak tentu	1	25
Jumlah	3	100 %		4	100 %

JADUAL 3.5: PEMINTA KANAK-KANAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN IBUBAPA

Bentuk Hubungan	Bil.	%
Baik	2	40
Takut	1	20
Tidak Baik / Tiada Hubungan	2	40
Jumlah	5	100 %

JADUAL 3.6: BILANGAN ANAK ANAK PEMINTA SEDEKAH

Jumlah	Bilangan Anak-Anak	Bil.	%
	Kurang daripada 2	8	24.2
	2 - 4	7	21.2
	4 - 6	12	36.4
	6 - 8	4	12.1
	8 - 10	2	6.1
	Jumlah	33	100 %

JADUAL 3.7: TANGGUNGAN PEMINTA PEMINTA SEDEKAH

Tanggungan	Bujang		Kahwin		Cerai		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tiada langsung	5	71.4			10	83.3	15	37.5
Isteri / suami & anak-anak			21	100 %			21	52.5
Anak-anak shj.					2	16.7	2	5
Ayah dan ibu	2	28.6					2	5
Jumlah	7	100 %	21	100 %	12	100 %	40	100 %

JADUAL 3.8: SEBAB SEBAB KENAPA PEMINTA PEMINTA TIDAK BERGANTUNG KEPADA ANAK ANAK

Sebab-Sebab	Bil.	%
Anak-anak terlalu muda/tak bersekolah atau menganggur	6	30
Anak-anak mereka masih belajar	4	20
Anak-anak juga miskin dan keberatan membantu mereka	7	35
Tidak mengetahui di mana mereka berada	2	10
Tidak mahu bergantung kepada anak-anak	1	5
Jumlah	20	100 %

6. Tempat Tinggal Serta Penginapan

Daripada kajian yang dijalankan didapati hampir separuh daripada peminta sedekah di Kota Bharu menjadikan tempat-tempat yang terbuka seperti masjid, setesyen bas dan teksi serta lain-lain tempat sebagai tempat tinggal mereka. Jadual 3.9 menunjukkan tempat tinggal bagi mereka. Sebanyak 47.5 % daripada mereka memilih tempat-tempat yang begitu. Keadaan ini sebenarnya tidak dapat dielakkan kerana kebanyakan peminta sedekah yang terdapat di Kota Bharu berasal daripada luar bandar. Mereka terpaksa menjadikan tempat-tempat tersebut sebagai tempat tidur mereka kerana kos hidup di bandar yang tinggi dibandingkan dengan jumlah pendapatan mereka. Kebanyakan mereka ini merupakan peminta yang bujang setelah mengalami penceraian dan juga cacat. Sungguhpun kawasan seperti masjid melarang orang-orang ini tidur di kawasan tersebut tetapi memandangkan kebanyakan peminta-peminta tersebut datang dari luarbandar, penjaga masjid hanya membiarkannya sahaja.

Kebanyakan daripada peminta-peminta sedekah di Kota Bharu iaitu 52.5 % menetap di tempat-tempat yang tertutup iaitu sesuai sebagai tempat kediaman anggota keluarga. Daripada jumlah tersebut 20 % daripada mereka mempunyai rumah sendiri. Rumah-rumah serta tapak rumah tersebut sebenarnya merupakan warisan atau pesaka dari peninggalan orang tua mereka. Sebanyak 17.5 % daripada mereka pula menumpang di rumah saudara mara atau mendirikan bangsal sebagai tempat tinggal mereka di atas tapak yang bukan milik mereka.

Tempat tinggal yang sebegini sebenarnya kerana adanya rasa belas kasihan daripada saudara mara atau jiran sekampung mereka. Manakala 15 % pula daripada mereka berupaya atau sanggup menyewa rumah sebagai tempat tinggal mereka. Mereka biasanya menyewa rumah ini secara berkongsi dan sewa yang dikenakan pula adalah murah dan berpatutan dengan keadaan rumah tersebut. Contohnya, ada kes peminta sedekah yang menyewa rumah (bangsal) di Kota Bharu dengan hanya membayar 20 ringgit sahaja sebulan. Tempat-tempat kediaman seperti yang disebutkan di atas kebanyakannya didiami oleh peminta-peminta sedekah yang masih dalam ikatan perkahwinan termasuk juga peminta kanak-kanak. Peminta-peminta sedekah yang mempunyai kediaman tetap sebegitu biasanya selalu berulang alik daripada Kota Bharu ke rumah mereka serta jarang sekali tidur di merata-rata tempat.

JADUAL 3.9: TEMPAT TINGGAL SERTA PENGINAPAN PEMINTA-PEMINTA

Tempat	Bil	%
Rumah sendiri	8	20
Menyewa rumah	6	15
Menumpang rumah saudara mara atau membina bangsal di tapak orang lain	7	17.5
Stesyen bas atau teksi	5	12.5
Masjid	9	22.5
Lain-lain tempat / tidak tentu	5	12.5
Jumlah	40	100

7. Tingkat Pelajaran Peminta-Peminta

Turut diberi penekanan dalam penyelidikan ini ialah mengenai tingkat pelajaran yang dicapai atau diperolehi oleh peminta-peminta sedekah yang terdapat di Kota Bharu. Kajian tentang tingkat pelajaran ini hanya dikhususkan kepada persekolahan secara formal seperti pelajaran yang diterima daripada sekolah-sekolah yang disediakan oleh kerajaan. Bagi memudahkan analisa berkaitan dengan aspek ini pengkaji melakarkan satu jadual yang dapat menunjukkan dengan jelas tentang kadar persekolahan yang diterima oleh peminta-peminta. Kadar persekolahan atau tingkat pelajaran dirangkakan berdasarkan lama jangkamasa tiap-tiap peminta itu bersekolah adalah disebabkan oleh kesukaran untuk membuat jadual secara lebih khusus seperti peringkat sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sebagainya. Ini berikutan keseluruhan peminta-peminta sedekah tersebut bersekolah dalam jangkamasa yang singkat sahaja. Kemudiannya mereka berhenti atau sebab-sebab tertentu hingga ke peringkat sekolah rendah pun tidak sempat dihabiskan.

Daripada jadual 3.10 menunjukkan bilangan majoriti iaitu 82.5 % di kalangan peminta-peminta tersebut tidak pernah bersekolah. Dengan kata lain, golongan ini tidak pernah mengikuti apa-apa pelajaran secara formal dan dapat ditafsirkan sebagai buta huruf. Peminta-peminta yang bersekolah antara 1 hingga 3 tahun adalah sebanyak 12.5 % manakala hanya 5 % sahaja yang bersekolah antara 4 hingga 6 tahun. Majoriti yang tidak pernah bersekolah itu

memberikan berbagai-bagai alasan seperti kemiskinan, tiada perbelanjaan untuk bersekolah, akibat daripada kecacatan seperti buta, pekak atau lain-lain kecacatan anggota badan yang menyulitkan mereka untuk bersekolah, tidak minat belajar, sekolah sangat berjauhan dengan tempat asal mereka serta juga alasan yang menyatakan bahawa mereka tiada mempunyai tempat bergantung semenjak masih kecil lagi. Bagi peminta-peminta yang hanya bersekolah 1 hingga 3 tahun sahaja dan 4 hingga 6 tahun pula menyatakan mereka terpaksa berhenti sekolah kerana tekanan hidup yang dialami oleh ibubapa mereka yang miskin tambahan pula sewaktu mereka dahulu tidak ada bantahan seperti yang terdapat pada hari ini seperti skim pelajaran buku-buku teks, taawaran-tawaran biasiswa dan sebagainya. Ada juga yang mengatakan bahawa mereka dengan sukarela sahaja ingin berhenti untuk membantu kehidupan keluarga yang susah.

JADUAL 3.10: KADAR PERSEKOLAHAN PEMINTA-PEMINTA

Tahun Persekolahan	Bil.	%
1 hingga 3 tahun	5	12.5
4 hingga 6 tahun	2	5
7 hingga 9 tahun	-	-
Tidak bersekolah	33	82.5
Jumlah	40	100

7.1 Tingkat Pelajaran Anak-Anak Peminta Sedekah

Untuk penyelidikan kes ini pengkaji cuma meneliti sebanyak 20 sampel keluarga peminta untuk dianalisa data-data mengenai persekolahan anak-anak mereka. Daripada 20 keluarga peminta tersebut pengkaji dapat mengumpulkan seramai 62 orang anak-anak peminta untuk dijadikan sampel kajian. Berdasarkan kepada jadual di dapati majoriti daripada anak-anak peminta sedekah tersebut sudah tidak bersekolah ataupun berhenti bersekolah dan ada yang telah bekerja. Kumpulan ini mewakili 56.5 %. Daripada penyelidikan yang dijalankan tentang kenapa anak-anak mereka tak bersekolah ataupun berhenti sekolah, peminta-peminta tersebut menyatakan mereka sudah tidak mampu lagi membiayai anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi, anak-anak mereka gagal dalam peperiksaan yang dijalankan jadi lebih baik sahaja anak-anak tersebut berhenti dan cuba mencari pekerjaan. Ada juga peminta memberi alasan bahawa anak-anak mereka mengalami kecacatan jadi ini tidak memungkinkan kanak-kanak tersebut menguasai pelajaran. Dalam kes ini peminta tersebut terpaksa membawa anak-anak mereka bersama dalam aktiviti meminta sedekah. Alasan lain yang diberikan oleh peminta tersebut ialah jauhnya jarak kedudukan sekolah dengan tempat tinggal mereka menyebabkan anak-anak mereka mengalami kesukaran pengangkutan dan biaya yang tinggi diperlukan.

Bilangan anak-anak peminta yang belajar di sekolah rendah dan sekolah menengah pula ialah kira-kira 37.1 %, manakala

3.2' % pula mewakili anak-anak peminta sedekah yang belajar di sekolah menengah atas. Dari pada tinjauan yang dibuat juga terdapat di antara anak-anak peminta sedekah tersebut belajar di sekolah-sekolah berasrama penuh seperti Maktab Rendah Sains Mara seperti kes yang menyatakan bahawa salah seorang anak mereka sedang menuntut di Maktab Rendah Sains Mara, Machang, Kelantan. Juga didapati 3.2 % anak-anak peminta sedekah tersebut belajar di sekolah-sekolah yang mementingkankemahiran seperti sekolah-sekolah vokasional.

Hasil daripada analisa mengenai tingkat pelajaran anak-anak peminta sedekah tersebut didapati suatu perkembangan yang menggalakkan jika dibandingkan dengan tingkat pelajaran yang dicapai oleh peminta-peminta sedekah tersebut. Satu faktor yang menggerakkan atau menyedarkan mereka untuk menghantar anak-anak mereka belajar ialah kerana timbulnya kesedaran diri serta terdapat rasa malu atas kegiatan mereka iaitu sebagai peminta sedekah, dan berazam tidak mahukan anak-anak mereka turut mengikuti jejak langkah mereka tetapi ini tidaklah bermakna keseluruhan peminta beranggapan sedemikian. Secara tidak langsung perkembang an ini disebabkan oleh dasar pelajaran kebangsaan yang menyediakan pelbagai kemudahan di bidang akademik dalam usaha memajukan dan memberi pendidikan yang sebaiknya semua lapisan masyarakat. Di antara langkah-langkah tersebut ialah skim pelajaran buku teks, projek susu kanak-kanak, menyediakan peruntukan-peruntukan dalam bentuk biasiswa untuk kanak-kanak miskin serta cerdik, membina lebih banyak sekolah bagi menampung keperluan-keperluan yang

bertambah serta menyediakan guru-guru yang terlatih dan cekap. Walaupun demikian kita dapati perkembangan di segi pelajaran anak-anak peminta sedekah tersebut adalah tidak berterusan. Dengan kata lain taraf tertinggi, masih tidak tercapai oleh anak-anak mereka seperti belajar di mana-mana di institusi pelajaran tinggi di dalam negeri maupun di luar negeri. Kebanyakannya hanya sampai ke peringkat pertengahan sahaja seperti sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas dan adakah setakat tamat darjah enam sahaja. Keadaan ini pada interpretasi penulis serta hasil daripada maklumat yang dikutip adalah disebabkan sungguhpun wujud kesedaran di kalangan peminta-peminta sedekah tentang betapa pentingnya pelajaran untuk anak-anak mereka tetapi kesedaran tersebut adalah tidak mendalam lantaran faktor kemiskinan. Juga didapati oleh kerana kurangnya kemampuan daripada anak-anak peminta sedekah itu sendiri untuk menguasai bidang pelajaran tambahan pula sentiasa menghadapi tekanan-tekanan hidup akibat daripada kemiskinan keluarga.

JADUAL 3.11: TINGKAT PELAJARAN ANAK-ANAK

Tingkat Pelajaran	Bil.	%
Sekolah Rendah	13	21
Sekolah Menengah Rendah	10	16.1
Sekolah Menengah Atas	2	3.2
Vokasional	2	3.2
Tidak sekolah/berhenti/bekerja	35	56.5
Jumlah	62	100

8. Kadar Pendapatan

Penelitian terhadap aspek pendapatan yang diperolehi oleh peminta-peminta adalah perlu dalam melihat latarbelakang sosio-ekonomi mereka. Dalam mengira pendapatan yang diperolehi oleh peminta-peminta, pengkaji bukan sahaja mengira hasil pendapatan yang diperolehi dari aktiviti meminta sedekah sahaja tetapi mencampurkan sekali dengan lain-lain pendapatan seperti hasil dari kerja sambilan, bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Dalam jadual 3.12 menunjukkan tentang purata pendapatan bulanan bagi peminta-peminta sedekah. Jadual menunjukkan majoriti daripada mereka iaitu kira-kira 30 % menerima pendapatan bulanan dengan kadar \$ 50.00 hingga \$ 100.00. Sebanyak 25 % daripada mereka pula menerima antara \$ 100.00 hingga \$ 150.00 sebulan dan 15 % lagi daripada mendapat \$ 150 hingga \$ 200.00 sebulan. Manakala kadar pendapatan diantara \$ 200.00 hingga \$ 250.00 sebulan mewakili 10 % daripada peminta-peminta tersebut. Secara ringkasnya pendapatan purata bulanan bagi keseluruhan peminta sedekah di Kota Bharu ialah \$ 128.00 sebulan.

Peminta-peminta sedekah yang memperolehi pendapatan antara \$ 50.00 hingga \$ 150.00 mewakili 55 % daripada keseluruhan peminta. Peminta-peminta yang mempunyai jumlah pendapatan yang sebeginu kecil memberikan alasan bahawa mereka tidak mendapat bantuan bulanan dari mana-mana pihak berkenaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat serta anak-anak mereka juga menjalan-

kan aktiviti meminta sedekah dengan tidak bersungguh-sungguh. Tambahan pula ramai di antara mereka merupakan peminta kanak-kanak, peminta-peminta yang telah bercerai serta peminta-peminta bujang. Secara logiknya, pendapatan yang diperolehi oleh mereka ini sudah mencukupi dengan cara hidup mereka serta tidak mempunyai banyak tanggungan. Manakala sebanyak 45 % lagi terdiri daripada peminta-peminta yang mempunyai perolehan pendapatan antara \$ 150 hingga \$ 300.00. Jumlah pendapatan yang boleh dikatakan berpatutan ini kebanyakannya terdiri daripada peminta-peminta yang turut mendapat bantuan terutamanya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat secara bulanan dan jarang-jarang sekali daripada anak-anak mereka yang telah bekerja. Ada juga di antara mereka melakukan kerja sambilan seperti menoreh getah, menanam padi secara pawah serta membuat kerja-kerja kraftangan yang ringkas. Kebanyakan daripada mereka ini terdiri daripada peminta-peminta dewasa dan tua terutamanya yang masih dalam ikatan perkahwinan.

Berdasarkan kepada jumlah pendapatan yang diterima, secara puratanya corak pengagihan perbelanjaan mereka majoritinya iaitu kira-kira 70 % daripada jumlah pendapatan mereka dikhaskan untuk bahan makanan. Manakala sebanyak 30 % lagi adalah untuk lain-lain keperluan seperti rokok, pakaian persekolahan anak-anak, sewa rumah, pengangkutan dan lain-lain. Untuk keperluan persekolahan anak-anak mereka peminta-peminta sedekah tersebut biasanya bersedia daripada awal-awal lagi iaitu dengan mengumpulkannya secara sedikit-sedikit. Ini dilakukan memandangkan setiap tahun anak-anak mereka yang bersekolah memerlukan perbelanjaan

yang besar untuk menyediakan pakaian seragam, kasut serta buku-buku pelajaran.

Sejajar dengan melihat tingkat pendapatan, pengkaji juga turut memberi penekanan kepada aspek masa meminta sedekah. Aspek masa yang dimaksudkan di sini ialah berdasarkan harian contohnya berapa kali dalam seminggu mereka meminta-minta dan juga waktu meminta samada pagi sahaja, pagi hingga petang ataupun pagi sampai malam. Daripada analisa kajian mendapati peminta-peminta dewasa, tua serta cacat yang tidak mempunyai kerja selain daripada meminta sedekah menyatakan mereka sangat kerap meminta dan boleh dikatakan purata mereka meminta dalam seminggu ialah 6 hari. Keadaan ini disebabkan selain daripada mereka tiada kerja-kerja yang harus dibuat serta ramai yang tidak mempunyai penempatan yang tetap maka adalah lebih baik mereka memenuhi masa lapang dengan meminta sedekah. Masa yang dipilih oleh mereka pula sebahagian besarnya iaitu kira-kira 90 % memilih waktu meminta sedekah bermula daripada waktu tengahari sampai malam. Peminta-peminta yang mempunyai kerja sambilan dan mendapat bantuan bulanan pula biasanya jarang sekali melakukan aktiviti meminta-minta dibandingkan dengan peminta seperti yang disebutkan di atas. Purata mereka meminta dalam seminggu ialah 4 hari. Mereka hanya memilih hari-hari dan masa yang sesuai yang dirasakan mereka akan mendapat banyak wang seperti hari Jumaat dan Sabtu. Keadaan ini disebabkan mereka terpaksa membuat kerja sampingan yang lain seperti menoreh getah. Lagipun kebanyakan daripada

mereka juga mendapat pendapatan tetap kerana memperolehi bantuan bulanan terutamanya dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sebagai kesimpulannya, kadar pendapatan yang diperolehi oleh peminta-peminta sedekah di Kota Bharu amat rendah sekali. Ini jelas seperti yang ditunjukkan dalam jadual iaitu pendapatan purata bulanan bagi keseluruhan peminta-peminta sedekah tersebut hanyalah \$ 128.00 sebulan. Disebabkan keadaan inilah maka tidak hairanlah kehidupan peminta-peminta sedekah ini seolah-olah ada kelas tersendiri seperti yang disebutkan dalam sosiologi merujuk hal tersebut sebagai 'beggar sub culture' dibandingkan dengan orang-orang biasa yang lain. Peminta-peminta dapat dipastikan dengan pakaian-pakaian yang buruk, rumah yang buruk, serta tidak teratur dan ramai yang tidak mempunyai sebarang kediaman, menggunakan barang-barang murah serta berkualiti rendah, adakalanya berikutan mereka sendiri tidak terjaga dan sebagainya.

JADUAL 3.12: PENDAPATAN PURATA BULANAN BAGI PEMINTA SEDEKAH

Kadar Pendapatan (\$)	Bil.	%
Kurang daripada 50	-	-
50 hingga 100	12	30
100 hingga 150	10	25
150 hingga 200	6	15
200 hingga 250	8	20
250 hingga 300	4	10
300 ke atas	-	-
Jumlah	40	100
Purata	\$ 127.50	

9. Keadaan Fizikal Peminta-Peminta

Dalam melihat latarbelakang sosial peminta-peminta, pengkaji turut memperlihatkan tentang keadaan fizikal peminta-peminta tersebut. Dalam sudut ini apa yang ingin dijelaskan atau ditunjukkan ialah mengenai keadaan peminta-peminta sedekah di Kota Bharu samada mengalami kecacatan atau sebaliknya. Sebahagian besar daripada peminta-peminta di Kota Bharu, 72.5 % adalah terdiri daripada mereka-mereka yang mengalami kecacatan. Bentuk kecacatan terbesar yang dialami oleh peminta tersebut ialah kecacatan pancaindera terutamanya buta iaitu sebanyak 45 %. Sebanyak 25 % lagi daripada mereka mengalami kecacatan lain-lain anggota badan seperti kaki serta tangan yang tercedera. Maka hanya terdapat satu kes sahaja yang mewakili 2.5 % daripada peminta-peminta yang mengalami kecacatan otak. Peminta-peminta sedekah yang tidak mengalami apa-apa kecacatan pula merupakan 27.5 % daripada keseluruhan peminta-peminta dan sebahagian daripada mereka ini terdiri daripada peminta-peminta wanita serta juga peminta-peminta kanak-kanak.

Boleh dikatakan hampir keseluruhan peminta-peminta yang mengalami kecacatan menjadikan kecacatan mereka sebagai alasan utama kepada perlakuan meminta-minta. Dengan ini tidak hairanlah semasa mereka menjalankan aktiviti meminta-minta teknik utama yang mereka gunakan ialah mendedahkan atau menunjukkan kecacatan yang mereka alami kepada orang ramai. Alasan lain yang diberikan ialah tekanan hidup akibat kemiskinan sedangkan mereka mempunyai

tanggungan yang berat seperti anak-anak dan teman hidup (suami atau isteri) masing-masing. Lain-lain alasan ialah telah tua dan tidak berkemampuan atau tidak berdaya untuk bekerja serta untuk mengumpulkan modal bagi menjalankan projek-projek yang dirancangkan seperti ingin cuba bermiaga secara kecil-kecilan. Daripada tinjauan pengkaji juga didapati ada di antara peminta-peminta cacat tersebut pernah mendapat latihan kemahiran di sekolah orang-orang cacat di Jalan Bayam, Kota Bharu. Tetapi mereka tidak menggunakan kemahiran yang ada sebaliknya membuat kerja sampingan yang lain di samping menjalankan aktiviti meminta-minta. Manakala peminta-peminta yang tidak mengalami apa-apa kecacatan pula menyatakan usia yang lanjut menghalang mereka mencari rezeki dengan cara yang lain, kesusahan keluarga memaksa mereka meminta-minta serta mereka sendiri berminat untuk menjadi peminta sedekah kerana senang mendapatkan wang dan juga kerana terikut-ikut dengan lain-lain peminta sedekah. Ada juga alasan bahawa mereka tidak layak untuk bekerja disebabkan faktor umur serta tiada kemahiran. Perlu diingatkan alasan-alasan yang diberikan oleh peminta-peminta yang tidak mengalami apa-apa kecacatan banyak dipengaruhi oleh peminta kanak-kanak dan peminta wanita.

Sebagai kesimpulan, daripada huraian di atas dapatlah dinyatakan bahawa faktor kecacatan adalah mempunyai kaitan atau hubungan dengan penyelewengan perlakuan meminta-minta. Bukti yang ada jelas menunjukkan akan keadaan tersebut iaitu 72.5 %

daripada peminta yang ada di Kota Bharu terdiri daripada mereka mereka yang mengalami kecacatan. Bagi menunjukkan secara lebih jelas lagi pengkaji turut melampirkan jadual 3.13 yang dapat menunjukkan tentang jumlah peratusan kecacatan peminta-peminta sedekah.

Cita-cita mengenai kehidupan masa akan datang atau rencangan-rencangan yang akan dilakukan untuk masa akan datang bagi JADUAL 3.13: KECEDERAAN DAN KECACATAN PEMINTA-PEMINTA SEDEKAH individu. Bagaimana juga dalam pengkajian menunjukkan sikap peminta-

Kecacatan	Bil.	%
Kecacatan Pancaindera: buta/pekkak/bisu dll	18	45
Kecacatan anggota seperti tangan, kaki dll	10	25
Kecacatan otak	1	2.5
Sempurna atau tidak cacat	11	27.5
Jumlah	40	100

Masa depan peminta, juga menggambarkan tentang cita-cita yang ingin dicapai oleh peminta dalam hidup mereka. Secara keseluruhan nya aspek surau dan cita-cita masa depan peminta boleh diklasaskan kepada dua peratus besar iaitu semula ingin meneruskan hidup dengan menjadi peminta sedekah ataupun ingin berhenti daripada aktiviti mereka itu.

Dalam Jadual 4.1, tentang rencangan masa depan peminta, sebahagian besar daripada sampel yang dikumpulkan iaitu 57.1 % menunjukkan bahawa mereka lebih cenderung untuk meneruskan aktiviti meminta-minta. Daripada analisis yang bjalankan terhadap sikap mereka, sungguhpun di kelangan kategori tersebut menunjukkan

BAB IVPERLAKUAN, SIKAP DAN FAKTOR MEMINTA-MINTA1. Sikap Peminta-Peminta Terhadap Masa Depan

Cita-cita mengenai kehidupan masa akan datang atau rancangan-rancangan yang akan dilakukan untuk masa depan bagi menjamin kehidupan yang cemerlang merupakan impian kebanyakan individu. Begitu juga dalam pengkajian mengenai sikap peminta-peminta sedekah, pengkaji turut menekankan kepada aspek tersebut bagi melihat apakah serta bagaimana pendekatan mereka dalam hal itu. Daripada kajian luar yang dijalankan ke atas seramai 35 orang responden yang terdiri daripada peminta-peminta dewasa dan tua, pengkaji memperolehi pelbagai reaksi daripada mereka. Daripada jadual 4.1 yang menunjukkan tentang rancangan-rancangan masa depan peminta, ianya menggambarkan tentang cita-cita yang ingin dicapai oleh peminta dalam hidup mereka. Secara keseluruhan-nya aspek mengenai cita-cita masa depan peminta boleh dikelaskan kepada dua perkara besar iaitu samada ingin meneruskan hidup dengan menjadi peminta sedekah ataupun ingin berhenti daripada aktiviti mereka itu.

Dalam jadual 4.1, tentang rancangan masa depan peminta, sebahagian besar daripada sampel yang dikumpulkan iaitu 57.1 % menunjukkan bahawa mereka lebih cenderung untuk meneruskan aktiviti meminta-minta. Daripada analisa yang dijalankan terhadap sikap mereka, sungguhpun di kalangan kategori tersebut menunjukkan

bahawa sebahagian besar daripada mereka menyedari akan penyelewengan aktiviti meminta-minta yang mereka lakukan untuk masa hadapan. Tetapi kesimpulan pengkaji dapati kesedaran yang ada di kalangan peminta-peminta tersebut tidaklah mendalam, buktinya sebahagian besar daripada mereka tidak merasa malu atau tidak merasa ada apa-apa perasaan mereka sewaktu menjalankan aktiviti meminta-minta. Faktor-faktor yang mendorong mereka untuk meneruskan aktiviti meminta-minta ialah faktor tanggungan seperti sebanyak 52.5 % daripada mereka mempunyai tanggungan terhadap suami atau isteri dan anak-anak, 5 % terhadap anak-anak sahaja, 2 % terhadap ayah dan ibu. Secara keseluruhannya didapati 62.5 % daripada mereka punya tanggungan seperti itu. Lain-lain bentuk tanggungan seperti persekolahan anak-anak, sewa, pengangkutan dan sebagainya. Faktor lain ialah kecacatan contohnya 72.5 % daripada mereka adalah cacat samada kecacatan pancaindera ataupun lain-lain kecacatan anggota badan ditambah pula dengan faktor usia yang telah lanjut seperti kadar umur di antara 71 hingga 79 tahun. Apabila ditanya kenapa mereka tidak memilih untuk memasuki rumah kebajikan sahaja seperti yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Rumah Kebajikan Orang-Orang Tua Kemumin di Pengkalan Chepa, mereka memberikan berbagai alasan seperti ianya sunyi, tidak bebas dan lain-lain faktor lagi, yang menyebabkan mereka masih ingin meneruskan aktiviti meminta-minta seperti yang diterangkan di atas. Kadar umur di antara 71 hingga 79 yang merupakan bilangan majoriti peminta iaitu sebanyak 32.5 %, 62 hingga 70 tahun iaitu sebanyak 22.5 %

dan sebagai kesimpulannya 72.5 % daripada keseluruhan peminta peminta terdiri daripada peminta tua yang telah lanjut usianya. Purata umur peminta sedekah di Kota Bharu ialah 57.9 tahun. Daripada bincian yang dibuat ke atas kategori peminta ini, didapati lebih kurang 80 % daripada mereka pernah menduduki rumah-rumah kebajikan. Tetapi mereka akhirnya dibebaskan setelah mendapat jaminan daripada penjamin masing-masing serta rayuan yang mereka buat dan ada juga yang lari ataupun menyusup keluar daripada pusat kebajikan tersebut tanpa pengetahuan pihak penguatkuasa di situ.

Sungguhpun pendapatan yang diperolehi melalui aktiviti meminta-minta tidaklah seberapa contohnya bilangan majoriti yang menerima pendapatan antara \$ 50.00 hingga \$ 100.00 ialah 30 %, \$ 100 hingga \$ 150.00 mewakili 25 % dan hanya 30 % sahaja yang menerima pendapatan di antara \$ 200.00 hingga \$ 300.00 setelah dicampurkan dengan jumlah pendapat daripada sumber-sumber lain. Secara keseluruhannya pendapatan purata yang diperolehi oleh peminta-peminta ialah sebanyak \$ 127.50. Melihat kepada jumlah pendapatan yang minima yang diterima oleh tiap-tiap peminta sedekah tetapi mereka masih lagi ingin meneruskan aktiviti meminta-minta itu di masa hadapan. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas , mereka dapati aktiviti meminta-minta inilah sahaja jenis pekerjaan yang paling senang dan bersesuaian bagi mereka secara langsungnya seperti diketahui umum keadaan hidup mereka yang serba kekurangan.

Sehubungan dengan peratusan peminta-peminta yang ingin

meneruskan kegiatan meminta-minta terdapat satu lagi reaksi peminta-peminta yang mempunyai kaitan rapat iaitu kemungkinan yang lebih besar untuk terus meminta-minta. Dalam kes ini terdapat 5.7 % daripada peminta mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk masa hadapan. Mereka ini terdiri daripada peminta-peminta tua dan cacat serta memberikan alasan bahawa mereka tidak ingin memikirkan masalah tersebut dan terserahlah kepada keadaan dan takdir yang menentukan samada mereka akan meneruskan aktiviti meminta-minta atau sebaliknya.

Bagi peminta-peminta yang ingin berhenti daripada menjadi peminta sedekah di masa hadapan daripada setiap mereka menunjukkan selain daripada mempunyai kesedaran tentang penyelewengan kegiatan meminta-minta sebahagian besar daripada mereka juga turut merasa malu di atas perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan semasa meminta-minta. Peminta-peminta dalam kategori ini mempunyai rancangan tersendiri untuk masa depan mereka seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Dalam jadual 4.1 mengenai rancangan masa depan peminta menunjukkan 20 % daripada keseluruhan sampel mengatakan bahawa mereka ingin memohon bantuan bulanan sarahidup daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka berkata mereka amat memerlukan wang tersebut bagi membiayai segala keperluan dalam hidup mereka. Manakala 8.6 % pula mempunyai rancangan lain contohnya bekerja sendiri iaitu ingin meniaga secara kecil-kecilan. Mereka menyatakan buat masa ini mereka terpaksa meminta-minta untuk mengumpulkan modal serta mengharapkan

bantuan daripada lain-lain sumber seperti bantuan kewangan berupa modal daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Peminta-peminta ini kemudiannya akan melaksanakan cita-cita mereka setelah keperluan-keperluan asas dalam melakukan kerja secara persendirian dapat dipenuhi. Peratusan yang kedua terkecil sekali dalam rancangan masa depan ini ialah peminta-peminta yang memilih ataupun berhasrat untuk bekerja secara ma kan gaji. Tetapi adalah sukar dirasakan kerana selain daripada mereka tidak mempunyai kelayakan akademik, mereka juga tidak memiliki kemahiran serta mengalami kecacatan pula. Peratus terkecil sekali iaitu 2.9 % terdiri daripada responden yang ingin memasuki rumah kebajikan masyarakat dengan alasan di sana nanti masa depan mereka agak terbela sedikit kerana adanya pengjagaan, layanan, kesihatan dan rihat yang cukup dibandingkan dengan kehidupan mereka sebagai peminta sedekah ketika ini.

Sebenarnya dalam kajian ini iaitu soal peminta-peminta sedekah yang ingin berhenti daripada menjadi peminta sedekah setelah mencapai hajat atau keinginan masing-masing seperti setelah mendapat bantuan bulanan, mendapat kerja atau lain-lain tidaklah dapat diaplikasikan kepada umum secara tepat atau sepenuhnya kerana daripada kajian terdapat banyak bukti emphirical yang menunjukkan peminta-peminta sedekah di Kota Bharu ramai yang menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai kerja sampingan seperti menoreh getah, punya kebolehan untuk bekerja dan kemahiran yang ada serta mempunyai harta walaupun sedikit tetapi didapati mereka semua masih lagi meminta

sedekah. Dengan kata lain, satu pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan terlebih dahulu dalam mengambil langkah untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil oleh peminta tersebut untuk berhenti meminta-minta adalah muktamad.

JADUAL 4.1: RANCANGAN MASA DEPAN PEMINTA-PEMINTA

Rancangan-rancangan	Bil.	%
Ingin memasuki rumah-rumah kebajikan	1	2.9
Ingin meneruskan aktiviti meminta-minta	20	57.1
Berhajat untuk memohon bantuan sara hidup daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat	7	20
Ingin bekerja / makan gaji	2	5.7
Tiada rancangan	2	5.7
Lain-lain rancangan seperti berniaga	3	8.6
Jumlah	35	100

1.1 Sikap Peminta Kanak-Kanak Terhadap Masa Hadapan

Mengenai rancangan masa hadapan peminta kanak-kanak, pengkaji dapati agak sukar sedikit untuk mempersoalkan aspek ini dengan mereka disebabkan mereka masih mentah dan belum matang dalam soal-soal kehidupan yang seterusnya serta cabaran-cabaran yang harus dilalui lagi pun seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.3 purata umur bagi peminta kanak-kanak tersebut hanyalah 10.7 tahun sahaja. Memahami kedudukan ini pengkaji cuma menanyakan

mereka samada sekiranya diberi peluang untuk bersekolah adakah mereka berminat atau menerimanya ataupun sebaliknya. Tetapi terdapat juga peminta kanak-kanak yang menyatakan mereka meminta-minta cuma buat sementara sahaja sekadar menunggu masa untuk bekerja kerana keadaan sekarang masih tidak mengizinkan lagi untuk mereka bekerja. Daripada sampel yang diambil untuk peminta kanak-kanak terdapat seorang yang masih di bangku sekolah rendah.

Dalam jadual 4.2 mengenai ranangan masa depan peminta kanak-kanak menunjukkan sebanyak 60 % daripada mereka ingin bersekolah ataupun ingin meneruskan pelajaran mereka bagi responden yang masih di bangku sekolah. Ditanya kenapa mereka ingin belajar lagi, mereka menyatakan mereka ingin belajar seperti kanak-kanak lain dan menjawat jawatan-jawatan yang lain daripada menjadi peminta sedekah. Daripada analisa data mengenai peminta kanak-kanak tersebut sebelum ini yang tidak bersekolah ataupun sudah berhenti sekolah dalam masa yang singkat adalah disebabkan beberapa faktor kemiskinan keluarga mereka dapat dibayangkan dengan pekerjaan ibubapa mereka yang juga menjadi peminta sedekah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 3.5 ialah 66.7 %, manakala 25 % mewakili mereka-mereka yang mempunyai ibu yang juga meminta sedekah, manakala lain-lain pekerjaan yang dilakukan oleh penjaga mereka terdiri dari jenis pekerjaan kasar yang tidak memerlukan kemahiran serta mendapat upah yang rendah. Keadaan ini ditambah pula dengan saiz keluarga yang besar iaitu 60 % daripada mereka mempunyai anggota keluarga antara 6 hingga

9 orang. Berbalik kepada faktor-faktor tersebutlah mereka tidak bersekolah atau meneruskan pelajaran sedangkan mereka masih ingin bersekolah. Terdapat 40 % daripada peminta kanak-kanak tersebut mengatakan bahawa mereka tidak ingin bersekolah lagi walaupun diberi peluang. Alasan yang diberikan oleh mereka bahawa mereka tidak tahu apa-apa mengenai sekolah dan merasa seolah-olah takut untuk bersekolah. Tetapi faktor utama yang menyebabkan mereka tidak berminat untuk belajar ialah kerana buat masa ini mereka merasa senang sahaja untuk mendapatkan wang dengan hanya menghulurkan tangan sahaja, lagipun mereka cuma menunggu masa sahaja untuk melakukan sebarang jenis pekerjaan. Peminta kanak-kanak yang bersikap begitu adalah kesan daripada hubungan mereka dengan keluarga tidak berapa jelas atau tidak baik di mana keluarga mereka tidak mengambil berat atau tidak ambil tahu secara langsung mengenai anak-anak mereka sebaliknya mereka membiarkan sahaja tindak-tanduk tersebut.

JADUAL 4.2: RANCANGAN MASA DEPAN PEMINTA KANAK-KANAK

Rancangan-rancangan	Bil.	%
Ingin bersekolah	3	60
Tidak ingin bersekolah	2	40
Jumlah	5	100

pelajaran dan sebagainya. Setaktaanya apa yang dipergunakan oleh peminta-kadetka ini dalam menangani tanggungjawab yang mangku.

2. Sikap dan Tanggapan Peminta Terhadap Kegiatan Meminta-Minta dan Terhadap Pihak Berkuasa

Di dalam aspek di atas, apa yang pengkaji ingin perhatikan ialah mengetahui bagaimanakah sikap serta pandangan daripada mereka terhadap tindakan pihak-pihak berkuasa yang boleh menghalang mereka daripada menjalani kegiatan mereka dengan licin sepanjang masa. Mengenai kegiatan meminta-minta, pengkaji telah menanyakan kepada mereka apakah kegiatan tersebut bersetujuan dengan minat dan kebolehan mereka serta apakah peranan mereka sewaktu menjalankan kegiatan meminta-minta. Pengkaji juga menanyakan mereka bagaimanakah tanggapan mereka terhadap tindakan pihak-pihak berkuasa seperti khidmat polis dan lain-lain pegawai kerajaan yang mengambil tindakan ke atas mereka. Melalui contoh soalan seperti di atas dan seterusnya, dan daripada reaksi daripada mereka dapatlah bahan-bahan yang diperlukan bagi menyenangkan pengkaji membuat analisa yang seterusnya.

Berdasarkan kepada kegiatan meminta-minta, daripada jadual 4.3 menunjukkan 42.5 % menyatakan bahawa pekerjaan atau kegiatan meminta-minta yang mereka lakukan merupakan kerja yang menyenangkan serta mudah mendapatkan wang dan tidak menyusahkan sesiapa. Daripada analisa menunjukkan kenyataan ini ada benarnya memandangkan kerja meminta-minta tersebut tidak memerlukan syarat-syarat yang ketat misalnya tidak perlu mempunyai kemahiran, pelajaran dan sebagainya. Sebaliknya apa yang diperlukan oleh peminta-peminta hanyalah menadah tangan, tempurung atau mangkuk.

serta melakukan teknik-teknik yang berkaitan dengan meminta seperti mengaji Quran, menunjukkan kelemahan dan kecacatan, membawa anak-anak dan sebagainya. Sebab-sebab mereka beranggapan demikian adalah disebabkan beberapa faktor yang menekan mereka ke arah meminta-minta serta menafikan atau membenarkan sahaja penyelewengan yang mereka lakukan. Faktor-faktor tersebut seperti mereka punya keluarga yang harus ditanggong, contohnya 52.5 % daripada peminta tersebut mempunyai tanggungan terhadap pasangan hidup masing-masing serta anak-anak, keperluan persekolahan anak-anak, lagipun mereka tidak mempunyai pelajaran yang tinggi contohnya 82.5 % daripada mereka tidak pernah bersekolah. Kecacatan yang mereka alami juga menipiskan peluang untuk mereka melakukan sebarang kerja-kerja yang berat contohnya 72.5 % daripada mereka adalah dalam kategori peminta cacat ditambahkan pula dengan usia yang lanjut. Manakala bagi peminta-peminta yang muda serta sempurna contohnya peminta kanak-kanak, mereka merasa senang dan gembira melakukau aktiviti meminta-minta terutama di musim-musim tertentu kerana senang mendapatkan wang. Lagipun selama mereka bersama keluarga adalah sukar untuk mendapatkan wang kerana boleh dikatakan keseluruhan keluarga peminta kanak-kanak tersebut terdiri daripada keluarga miskin. Akibatnya mereka merasa lebih bebas dan senang untuk mencari wang sendiri dengan meminta-minta untuk keperluan sendiri dan adakalanya untuk diberikan kepada ibubapa contohnya terdapat 2 kes peminta kanak-kanak iaitu mewikili 5 % menyatakan bahawa mereka juga punya tanggungan terhadap ayah dan ibu mereka walaupun tidak

sepenuhnya. Wang yang diberikan oleh peminta kanak-kanak tersebut merupakan punca pendapatan tambahan kepada ayah dan ibu mereka.

Peminta-peminta yang beranggapan begitu juga mempunyai atau mengambil sikap tidak kisah sahaja terhadap tindakan pihak berkuasa dan kadang-kadang mereka juga turut menyatakan tindakan pihak berkuasa ke atas mereka adalah zalim dan tidak patut sebab mereka juga turut mencari nafkah untuk keperluan hidup. Sebab-sebab sebahagian dari mereka beranggapan atau mengambil sikap tidak kisah sahaja terhadap tindakan pihak berkuasa ialah kerana kata mereka, mereka biasanya dapat mengagak terlebih dulu bilakah masanya pihak-pihak tertentu akan bertindak serta ada juga yang memberi alasan bahawa mereka ada mempunyai hubungan dengan pegawai kerajaan yang akan bertindak ke atas mereka samada sebagai kenalan biasa ataupun hubungan persaudaraan. Lagipun, kebanyakan di kalangan mereka pernah ditangkap dan ditempatkan di rumah-rumah kebajikan, jadi mereka menganggap ini sudah menjadi kebiasaan dan pengalaman yang harus ditempuhi oleh mereka. Tapi hal yang jelasnya iaitu mereka juga menganggap tindakan pihak berkuasa itu zalim, kerana mereka selalu menganggu kegiatan mereka dan seolah-olah ingin menyekat punca rezeki mereka sedangkan walaupun ada bantuan yang dihulurkan oleh pihak-pihak tersebut seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat ianya adalah tidak mencukupi atau tidak memadai.

Daripada jadual 4.3 juga menunjukkan majoriti daripada

peminta iaitu 50 % beranggapan kerja meminta-minta adalah satu kegiatan yang memalukan tetapi mereka terpaksa juga melakukannya. Sebab-sebab yang memaksa mereka meminta-minta walaupun adanya rasa malu di hati mereka ialah kerana perkara-perkara yang telahpun diterangkan secara ringkas di atas seperti tanggungan, kemiskinan, tiada pekerjaan, kecacatan dan sebagainya. Dengan kata lain, sebab-sebab kepada perlakuan meminta-minta adalah sama sahaja dengan peminta di atas cuma yang membezakan mereka dengan peminta di atas ialah kerana mereka merasa malu dengan kegiatan yang mereka lakukan sedangkan peminta-peminta yang lain tidak merasa apa-apa. Peminta-peminta dalam kategori ini juga mempunyai sikap yang berlainan dalam aspek tanggapan mereka terhadapan tindakan-tindakan pihak berkuasa. Mereka secara jujur mengakui akan kesalahan serta penyelewengan mereka dan membenarkan terhadap tindakan pihak berkuasa. Sewaktu mereka meminta-minta mereka merasa dan bimbang disebabkan rasa malu bila berhadapan dengan orang ramai dengan tujuan untuk meminta sedekah tanpa melakukan sebarang kerja serta juga sebab takutkan serbuan dan tindakan dari pihak berkuasa. Dengan yang demikian, didapati sebahagian besar daripada mereka melakukan kegiatan meminta-minta jarang-jarang sekali seperti yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu purata mereka meminta dalam seminggu ialah empat hari sahaja. Keadaan ini disebabkan mereka juga mempunyai kerja sampingan yang lain serta ada juga yang menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam kes ini juga sebanyak 7.5 %

daripada peminta-peminta tidak menjawab atau memberikan sebarang reaksi terhadap kegiatan mereka. Dapatlah dinyatakan bahawa mereka enggan menyatakan sikap mereka atau mungkin peminta ini tidak tahu apa-apa dan hanya melakukan sahaja apa yang difikirkan tidak menyusahkan seperti meminta-minta. Tetapi apabila ditanya mengenai pihak berkuasa mereka menunjukkan rasa tidak senang dan benci kepada mereka semua serta menganggap tindakan pihak-pihak tersebut adalah zalim.

Mengenai sikap peminta-peminta iaitu aspek pergaulan di antara peminta serta orang ramai turut diperhatikan dan diselidiki. Analisa kajian menunjukkan kesemua mereka menyedari akan kedudukan mereka dalam masyarakat dan seolah-olah kewujudan kumpulan peminta-peminta tersebut adalah berlainan dan berasingan daripada masyarakat. Menyedari akan hakikat di ataslah maka kita dapat interaksi antara peminta-peminta dengan orang ramai hanyalah sekadar untuk menerima atau mendapatkan sedekah. Mereka tidak suka mengambil tahu atau membuat hubungan rapat dengan orangramai seperti berbual-bual dan mengikuti ke majlis-majlis formal kerana pada anggapan mereka tempat-tempat dan keadaan tersebut tidak sesuai dengan sikap serta budaya mereka. Tambahan pula masyarakat normal juga memandang mereka sebagai kumpulan-kumpulan yang berbeza dengan mereka dan tidak sewajarnya mereka berinteraksi secara langsung dan rapat dengan mereka. Hubungan peminta dengan saudara mara mereka juga tidaklah rapat memandangkan mereka miskin dan suka meminta-minta pula. Keadaan ini dapat

dibuktikan di antara mereka yang jarang sekali ziarah menziarahi kecuali ada urusan-urusan dan musim-musim tertentu sahaja contohnya saudara mereka akan mengunjungi mereka sekiranya berhajat untuk menghulurkan bantuan. Hubungan sesama peminta pula nampaknya lebih terbuka dan mesra. Keadaan ini dapat diperhatikan dengan sikap masing-masing memahami keadaan, sedia bertolak ansur bertegur sapa dan saling mengenali antara satu sama lain. Mereka juga bertanya khabar di antara mereka apabila telah lama tidak bersua. Keadaan ini tidaklah terkecuali kepada peminta-peminta yang sempurna sahaja tetapi juga kepada peminta-peminta yang cacat. Sikap tolak ansur boleh dilihat sekiranya satu-satu kawasan meminta terdapat ramai peminta-peminta maka peminta-peminta yang lain dengan sendirinya menarik diri daripada tempat tersebut untuk ke tempat lain bagi memberi peluang kepada peminta-peminta lain mencari nafkah di situ dengan lebih selesa. Mereka juga saling memahami keadaan misalnya di kalangan mereka jarang terdapat rasa iri hati dan dendam mendendam. Ini dapat dilihat bila pengkaji membuat perhatian dan menanyakan mereka apakah mereka tidak merasa cemburu sesama mereka dalam keadaan meminta-minta. Mereka menyatakan mereka semua mencari makan dan itu terpulanglah kepada rezeki masing-masing. Terdapat juga di kalangan mereka yang mempunyai sifat kepimpinan, contohnya terdapat satu kes yang menunjukkan peminta tersebut berhajat untuk mengumpulkan modal daripada kalangan mereka bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan serta menujuhkan persatuan di kalangan mereka sendiri dan juga berhajat untuk mendapatkan bantuan modal.

dan bimbingan dari pihak-pihak tertentu terutamanya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam usaha membantu dan menjaga kebajikan ahli.

Sebagai kesimpulan dalam melihat aspek sikap serta tanggapan peminta terhadap aktiviti meminta-minta dan pihak berkuasa, sungguhpun terdapat tiga reaksi atau tindakbalas besar seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.3 di bawah, bolehlah dianggap atau dibuat kesimpulan oleh pengkaji bahawa mereka semua telah menafikan atau memberarkan perlakuan penyelewengan meminta-minta. Ini dapat dibuktikan dengan jelas terutama pada tindak tanduk peminta dalam kategori pertama dan ketiga dalam jadual 4.3 iaitu mereka yang merasakan bahawa kegiatan meminta-minta itu suatu kerja yang senang, mudah mendapat wang, sesuai dengan keadaan mereka dan tidak menyusahkan sesiapa. Di dapati peminta-peminta dalam kategori tersebut secara jelas atau mengakui secara terang-terangan penyelewengan mereka melalui kata-kata dan perbuatan mereka. Kategori peminta kedua pula dalam jadual 4.3 sungguhpun mereka menyedari penyelewengan mereka melalui luahan kata-kata mereka tetapi mereka juga turut memberarkan atau menafikan penyelewengan tersebut dengan perbuatan mereka. Dengan kata lain peminta-peminta diKota Bharu walaupun terdapat kesedaran penyelewengan di dalam diri mereka tetapi mereka menafikan atau memberarkan sahaja penyelewengan itu berterusan sebagai satu cara hidup mereka.

JADUAL 4.3: SIKAP PEMINTA TERHADAP KEGIATAN MEMINTA-MINTA

Sikap dan Pandangan	bil.	%
Kerja yang menyenangkan serta mudah mendapat wang	17	42.5
Kerja yang memalukan tapi terpaksa dilakukan	20	50
Tidak menjawab / tiada reaksi	3	7.5
Jumlah	40	100

3. Faktor-Faktor Meminta Sedekah.

Di dalam bab-bab yang terdahulu, faktor-faktor yang membawa kepada meminta sedekah sudahpun disentuh secara tidak langsung. Tetapi apa yang jelasnya faktor-faktor tersebut dibuat hanyalah secara sepintas lalu sahaja menerusi penelitian terhadap aspek latarbelakang mereka. Menyedari akan hakikat ini, pengkaji merasakan mustahak untuk memberi penekanan secara khusus kepada aspek ini, berdasarkan kepada interpretasi pengkaji terhadap latarbelakang mereka dan yang lebih penting ialah fakta-fakta mengenai faktor tersebut didapati hasil daripada perbualan pengkaji secara khusus dengan peminta-peminta tersebut. Sebab-sebab yang membawa kepada perlakuan meminta-minta telah dibahagikan kepada dua bahagian oleh pengkaji, iaitu selain daripada untuk menyenangkan analisa, dapat memperihalkan dengan jelas faktor-

faktor tersebut tanpa berlaku pertindihan antara keduanya kerana antara kedua bahagian tersebut terdapat banyak perbezaan terutamanya dari segi fizikal, pendekatan dan objektif meminta-minta. Dua bahagian yang telah dibahagikan tersebut ialah;

- 1) Sebab-sebab meminta sedekah kepada peminta dewasa dan tua.
- 2) Sebab-sebab meminta sedekah kepada peminta kanak-kanak.

3.1 Sebab-Sebab Meminta Sedekah Kepada Peminta Dewasa dan Tua

Berkaitan dengan faktor meminta-minta adalah sukar bagi peminta sedekah dan penulis untuk memberikan sebab-sebab yang khusus dan tepat disebabkan faktor-faktor yang diberikan kepada pengkaji adalah saling berkaitan misalnya masalah kecacatan akan dikaitkan pula dengan usia yang lanjut dan sebagainya. Untuk mengatasi hal tersebut, pengkaji mengambil sebab-sebab yang utama atau faktor utama sahaja daripada penjelasan peminta sedekah tersebut. Dengan cara ini pengkaji dapat membahagikan sebab-sebab tersebut kepada 6 faktor meminta sedekah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.4.

Kebanyakan daripada peminta sedekah memberikan alasan kecacatan seperti ketiadaan tangan atau kaki akibat cedera atau lumpuh dan juga kecacatan pancaindera terutamanya buta merupakan 45 % daripada jumlah keseluruhan manakala 25 % pula terdiri daripada peminta sedekah yang mengalami kecacatan fizikal.

Tahap persekolahan yang minima serta tiada mempunyai kemahiran yang diperlukan menyebabkan mereka merasa sukar untuk menjalankan kerjaya hidup seperti individu-individu lain. Keadaan ini akan bertambah sulit lagi bila adanya tanggungan akibat daripada perkahwinan mereka. Walaubagaimanapun, pada anggapan mereka masalah-masalah tersebut akan dapat diatasi sekiranya mereka tidak mengalami kecacatan dan mereka juga tidak perlu bergantung kepada orang lain iaitu dengan menerima sedekah. Pada pandangan pengkaji, alasan kecacatan yang diberikan oleh peminta-peminta tersebut boleh dipertikaikan kerana telah menjadi bukti bahawa terdapat ramai orang-orang cacat yang berjaya dalam hidup seperti menjadi tenaga pengajar di universiti, memiliki kemahiran dan pada setiap tahun ramai di kalangan mereka berjaya memasuki ke pusat-pusat pengajian tinggi. Lagipun hasil penemuan pengkaji semasa melakukan kajian luar ada di antara peminta-peminta tersebut masih lagi muda dan bertenaga seperti yang terdapat dalam 2 kes peminata sedekah di mana usia mereka belum lagi menjangkau 40 dan sepatutnya mereka gunakan peluang yang ada untuk mencari kemahiran dan mendapatkan kerja-kerja yang sesuai dengan tidak menjadikan kecacatan sebagai alasan yang menghalang segala-galanya. Didapati juga peminta-peminta sebegini, pada kebiasaananya menjalankan aktiviti meminta-minta ini semenjak masih muda lagi di merata-rate tempat seperti Kuala Lumpur, Kuantan, Johor dan lain-lain.

Peratusan kedua terbesar sebanyak 28.6 % pula memberikan alasan mereka meminta sedekah disebabkan usia yang telah lanjut

serta menghalang mereka untuk melakukan sebarang kerja lain selain daripada meminta sedekah. Sebelum daripada ini, kebanyakannya daripada mereka telah melakukan pelbagai kerja yang terdaya serta sesuai untuk mereka seperti pernah menjadi pembantu rumah, tukang kebun, petani dan lain-lain kerja sampingan yang tidak pasti. Tetapi pada umumnya kerja-kerja yang dilakukan sebelum ini bolehlah dikelaskan sebagai peringkat buruh sahaja. Dengan itu tidak hairanlah apabila sahaja mereka merasakan sudah tidak layak lagi untuk meneruskan kerja seperti biasa, mereka dapatti tiada jaminan hidup yang seterusnya buat mereka. Untuk mengatasi masalah ini mereka terpaksa meminta-minta. Peminta-peminta dalam kategori ini ada juga yang mendapat bantuan walaupun tidak tetap daripada anak-anak mereka dan ada juga yang masih lagi meneruskan kerja-kerja mereka secara sambilan di samping aktiviti meminta sedekah. Mereka juga mengatakan bahawa mereka baru sahaja menjalankan kegiatan meminta-minta iaitu purata keseluruhan jangkamasa meminta di kalangan mereka ialah 4 tahun.

Peminta-peminta yang memberikan alasan suka meminta-minta dan tidak cukup bantuan penyaraan bulanan yang diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat masing-masing mewakili 11.4 % seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.4. Mengenai peminta sedekah yang menyatakan mereka suka meminta-minta secara terang-terangan disebabkan mereka merasa gembira dan senang menjalankan kegiatan yang dijalankan. Lagipun, mereka tidak mempunyai sebarang kerja lain yang dapat dilakukan akibat kekurangan yang ada pada mereka. Mereka juga melakukan kegiatan tersebut secara aktif dan sepenuh-

masa dengan pelbagai teknik meminta seperti mengaji Quran, merayu-rayu, menunjukkan kecacatan dan adakalanya juga menipu orangramai bahawa mereka sedang menghadapi kesulitan sedangkan wang yang diperolehi tersebut digunakan untuk bersenang-senang seperti membeli rokok. Bagi peminta yang memberikan alasan meminta disebabkan tidak cukup bantuan penyaraan bulanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya lebih bertujuan untuk menyatakan atau mendedahkan kemiskinan yang dialami oleh mereka. Mereka menyatakan bahawa mereka mempunyai tanggungan yang berat terutama pada anak-anak yang bersekolah sedangkan pendapatan bulanan yang diterima secara tetap tidak seberapa. Mereka juga tidak memiliki banyak harta yang dapat digunakan untuk keperluan mereka dan amat bergantung kepada orang lain. Pendapatan tetap yang salah satu daripadanya diperolehi secara bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah terlalu kecil dan tidak sesuai dengan masa kini di mana harga barang adalah tinggi dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini. Sebenarnya alasan yang diberikan oleh peminta tersebut adalah logik dan dapat diterima oleh pengkaji dan juga pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri tetapi mereka sebenarnya lupa pengertian tentang konsep pemberian bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bukan semata-mata untuk membolehkan mereka duduk bersenang lenang tanpa bekerja dengan hanya mengharapkan sumber bantuan sahaja tetapi bantuan dihulurkan kepada individu-individu yang berkelayakan, di samping menggalakkan mereka mencari kerja atau meneruskan kerja yang ada. Dengan kata lain bantuan yang diberikan adalah semata-mata

untuk menambahkan pendapatan yang diterima bagi membolehkan golongan peminta sedekah tersebut menjalani hidup seperti biasa iaitu sebaik-baiknya hidup berdikari. Mengikut cacatan serta penerangan daripada pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat, pada kebiasaan peminta-peminta sedekah akan diberi bantuan di bawah Skim Bantuan Penyaraan Orang-Orang Tua. Di bawah skim ini setiap individu akan menerima bantuan di mana jumlah maksima yang diberikan ialah \$ 50.00 manakala bagi pasangan suami isteri jumlahnya ialah di antara \$ 70.00 hingga \$ 80.00. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga ada menyediakan skim bantuan untuk kanak-kanak miskin bagi mengelakkan anak-anak mereka dari turut meminta sedekah. Kadarnya ialah sebanyak \$ 25.00 seorang tapi tidak boleh melebihi kadar maksima peruntukan iaitu \$ 115.00 walaupun anak-anak mereka bertambah, contohnya melebihi 5 orang. Tetapi apa yang jelasnya tidak semua peminta sedekah berpeluang menikmati peruntukan-peruntukan tersebut, buktinya dapat dilihat pada jadual 4.1 mengenai rancangan masa depan peminta sedekah di mana terdapat seramai 7 orang responden ataupun 20 % yang menyatakan mereka berhajat untuk memohon bantuan sara hidup daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sebanyak 5.7 % pula memberikan alasan mereka meminta sedekah ialah kerana tiada pekerjaan lain yang hendak dilakukan atau lebih tepat lagi mereka bolehlah digelar sebagai penganggur. Mereka menyatakan bahawa mereka berminat untuk bekerja sekiranya ada kerja-kerja yang sesuai dan berpatutan ditawarkan kepada mereka.

Tetapi mereka juga tidak merasa segan atau malu untuk meminta sedekah kerana sudah terpaksa. Sebenarnya mereka ini juga sebelumnya pernah membuat kerja-kerja lain selain daripada meminta sedekah tetapi atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan seperti pembayaran gaji yang murah, kerja yang terlalu membebankan menyebabkan mereka terpaksa berhenti daripada terus bekerja. Akhirnya mereka terpaksa meminta sedekah tetapi berharap sekiranya terdapat peluang mereka ingin kembali bekerja untuk tidak mengharapkan bantuan daripada orang lain semata-mata. Peratusan yang terkecil sekali iaitu masing-masing 2.9 % ialah disebabkan oleh faktor paksaan atau suruhan dan faktor kecacatan otak. Mengenai peminta yang mengalami faktor kecacatan otak ini, terdapat satu kes yang ditemui di mana peminta tersebut menjalankan kegiatan meminta mengikut sesuka hati sahaja dan pada kebiasaannya melalui teknik berjalan ulang-alik daripada setempat ke setempat yang menjadi tumpuan ramai seperti di Pasar Besar Kota Bharu. Peminta tersebut masih boleh berhubung dengan orang ramai walaupun mengalami gangguan sakit otak. Mengenai sebab paksaan atau suruhan ialah individu yang menjalankan aktiviti meminta-minta tersebut seolah-olah kerana terpaksa disebabkan takut kepada seseorang. Contohnya terdapat satu kes peminta sedekah wanita yang mempunyai anak telah dipaksa meminta sedekah oleh suaminya bagi menanggung keperluan mereka. Sungguhpun suami tersebut juga turut sama bekerja tetapi wangnya dihabiskan untuk dirinya sahaja serta berhibur seperti berjudi.

Sebagai kesimpulannya dalam meneliti faktor-faktor meminta sedekah bagi peminta dewasa dan tua seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.4, sebenarnya terdapat banyak lagi faktor-faktor sampingan yang lain dan berkaitan. Contoh sebab-sebab tersebut di samping menampung keperluan hidup sehari-hari juga untuk mengumpulkan modal bagi memulakan perniagaan, menubuhkan persatuan-persatuan untuk menjaga kebajikan ahli-ahli mereka tetapi semua sebab-sebab tersebut sudahpun diterangkan secara tidak langsung dalam aspek tanggapan masa depan peminta-peminta. Lain-lain faktor sampingan seperti tahap pelajaran, hubungan persaudaraan yang renggang, kemiskinan dan lain-lain juga sudah diterangkan dalam bab yang sebelumnya iaitu bab mengenai latarbelakang sosial ekonomi peminta sedekah.

JADUAL 4.4: FAKTOR FAKTOR NEMINTA SEDEKAH BAGI PEMINTA DEWASA DAN TUA

Sebab-Sebab	Bil.	%
Tua serta tidak berdaya untuk bekerja	10	28.6
Tiada kerja (menganggur)	2	5.7
Kecacatan pancaindera dan fizikal	13	37.1
Suruhan atau unsur paksaan	1	2.9
Suka meminta-minta	4	11.4
Kecacatan otak	1	2.9
Tidak cukup bantuan penyaraan bulanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat	4	11.4
Jumlah	35	100

3.2 Sebab-Sebab Meminta Sedekah Bagi Peminta Kanak-Kanak

Dalam jadual 4.5 yang menunjukkan sebab-sebab meminta sedekah bagi peminta kanak-kanak, menunjukkan di antara mereka memberikan alasan bahawa mereka meminta sedekah disebabkan mengikut jejak langkah orang-orang tua mereka yang juga peminta sedekah. Mereka menyatakan sungguhpun orang tua mereka tidak menggalakkan tetapi mereka tidak membantah bila anak-anak mereka turut serta dalam kegiatan tersebut. Peminta kanak-kanak itu juga mempelajari teknik meminta dari kedua ibubapa mereka dan juga dengan peminta-peminta sedekah dewasa yang lain. Pada permulaannya mereka mengikuti sahaja suruhan peminta sedekah yang lebih berpengalaman contohnya peminta kanak-kanak tersebut akan tangan peminta-peminta tua ke mana sahaja untuk meminta sedekah. Dengan cara ini secara tidak langsung mereka dapat mempelajari teknik meminta secara lebih berkesan ataupun dalam istilah antropologi dan sosiologi teknik penyertaan dan pemerhatian. Setelah itu maka peminta kanak-kanak tersebut tidak lagi segan atau takut untuk menjalankan kegiatan meminta walaupun secara sendirian.

Alasan seperti faktor minat sendiri merupakan 20 % daripada jumlah keseluruhan. Peminta kanak-kanak yang memberikan alasan sedemikian adalah kerana mereka terpengaruh dengan kegiatan peminta-peminta sedekah yang lain, yang pada anggapan mereka terlampaui senang mendapatkan wang. Dorongan tersebut ditambah pula dengan faktor sampingan iaitu keluarga peminta kanak-kanak

tersebut yang miskin menyebabkan kanak-kanak itu berikhtiar untuk mencari wang mereka sendiri. Tetapi sebenarnya perlakuan meminta-minta oleh kanak-kanak tersebut hanyalah untuk masa-masa yang tertentu sahaja misalnya dalam waktu-waktu musim perayaan di mana kanak-kanak tersebut seperti juga dengan lain-lain sifat kanak-kanak biasa. Mereka juga memerlukan wang untuk membeli barang-barang keperluan seperti baju dan seluar baru dan juga untuk berhibur.

Faktor-faktor arah dari penjaga dan menafikan meminta sedekah menunjukkan 40 % daripada alasan-alasan yang diberikan. Sebelum diterangkan secara lanjut, eloklah diperhatikan dahulu tentang bentuk hubungan antara peminta kanak-kanak dengan keluarga mereka. Bentuk hubungan itu sungguhpun tidak baik atau tiada hubungan seperti yang dijelaskan oleh peminta kanak-kanak tersebut, tetapi mereka juga bebas melakukan apa sahaja selain daripada arahan tersebut. Dengan itu dalam kes ini kanak-kanak itu terpaksa melakukan kegiatan menjual makanan ringan seperti kacang goreng di samping meminta sedekah. Keadaan ini dapat dilihat apabila kanak-kanak tersebut menerima wang tanpa menukarkan dengan barang yang dijualnya. Juga didapati satu kes di mana kanak-kanak tersebut menafikan bahawa beliau adalah peminta sedekah. Tetapi pada hakikatnya atau praktiknya beliau mengambil atau menerima pemberian orang kerana katanya 'orang memberi maka kita harus mengambilnya.'

Sebagai kesimpulan, pada kenyataan sebenarnya pengelibatan

kanak-kanak sebagai peminta sedekah terutamanya di Kota Bharu hanyalah sebagai satu proses atau kegiatan sementara sahaja. Keadaan ini disebabkan apabila usia mereka meningkat, maka rasa malu dan pemikiran mereka bertambah matang maka dengan sendirinya kegiatan tersebut akan dihentikan. Lagipun, daripada pengalaman pengkaji mendapati kebanyakkan peminta kanak-kanak adalah sukar ditemui di hari-hari biasa yang lain kecuali di musim-musim perayaan. Sebab-sebab lain yang dirasakan ialah kemungkinan kanak-kanak tersebut dapat meneruskan pelajaran (akademik) secara formal ataupun berusaha untuk mempelajari lain-lain bidang kemahiran. Tambahan pula sikap masyarakat dan juga pihak kerajaan yang amat menitikberatkan tentang perkembangan diri kanak-kanak yang dianggap sebagai generasi pelapis kepada pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Ini dapat dibuktikan contohnya banyak sekolah-sekolah dibuka terutamanya di kawasan luar bandar, pusat-pusat kesihatan juga pusat-pusat pemulihan bagi kanak-kanak nakal atau rosak akhlak atau lebih tepat lagi kerajaan menyediakan tempat yang dikenali sebagai 'rumah kanak-kanak' bagi menempatkan peminta kanak-kanak bagi diberi kan perhatian dan pemulihan supaya apabila dewasa nanti dapat kembali menjadi individu yang normal dan tidak meminta-minta lagi.

JADUAL 4.5: FAKTOR-FAKTOR MEMINTA SEDEKAH BAGI PEMINTA**KANAK-KANAK**

Sebab-Sebab	Bil.	%
Minat sendiri	1	20
Mengikut jejak langkah ibubapa	2	40
Arahan penjaga serta manafikan meminta sedekah	2	40
Jumlah	5	100

4. Teknik-Teknik Meminta Sedekah

Disebabkan secara umumnya, boleh dikatakan sebahagian besar daripada peminta-peminta sedekah yang ada di bandar Kota Bharu adalah terdiri daripada bangsa Melayu, maka teknik yang paling utama digunakan dalam aktiviti meminta ialah dengan merayu-rayu melalui nyanyian serta membaca ayat-ayat suci Al Quran. Berdasarkan kepada teknik-teknik yang dikumpulkan melalui responden-responden pengkaji seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.6 didapati majoriti daripada mereka iaitu sebanyak 27.5 % mengamalkan teknik seperti yang disebutkan di atas iaitu melalui nyanyian dan membaca Al Quran. Teknik membaca Al Quran paling kerap serta amat 'popular' di kalangan peminta sedekah terutamanya sewaktu menjalankan aktiviti di masjid-masjid. Cara mereka membaca Al Quran biasanya dengan

hanya menghafal di mulut sahaja kerana kebanyakannya daripada mereka adalah yang cacat pengelihatan. Mereka juga melakukan teknik tersebut dengan cara berdiri ataupun duduk di samping menghulurkan tangan atau bekas-bekas menadah wajah.

Peratusan kedua terbesar iaitu 22.5 % daripada mereka menggunakan teknik mempamerkan kecacatan yang mereka alami. Jenis-jenis kecacatan yang mereka tunjukkan untuk mendapatkan simpati orangramai ialah seperti buta, lumpuh, bisu dan ada juga yang tempang dan yang mengalami kecederaan tangan atau kaki seperti kaki kudung atau tangan yang cacat. Teknik menunjukkan kesedihan di samping membawa anak-anak kecil bersama mereka sewaktu meminta pada kebiasaanannya dilakukan oleh peminta-peminta sedekah wanita. Mereka menyatakan tiada siapa yang dapat menjaga anak-anak mereka di rumah. Pada realitinya anak-anak tersebut tidak semestinya anak mereka sendiri tetapi adakah anak-anak orang lain ataupun cucu-cucu mereka. Dengan ini dapatlah dikatakan juga bahawa tujuan mereka membawa kanak-kanak tersebut adalah juga bertujuan supaya orang ramai merasa belas kasihan terhadap mereka dan anak tersebut dan seterusnya menghulurkan derma atau sedekah. Teknik ini dilakukan oleh 17.5 % daripada kalangan peminta-peminta sedekah itu. Sebanyak 17.5 % juga daripada mereka mengamalkan teknik merayau dari satu kedai ke kedai lain atau dari satu rumah ke satu rumah. Teknik ini banyak dilakukan oleh peminta kanak-kanak, lagi pula secara semulajadinya sifat kanak-kanak adalah lebih cergas dan

berkenaan untuk bergerak dari setempat ke tempat yang lain. Teknik ini juga adakalanya digunakan oleh peminta dewasa dan tua yang biasanya ditemani oleh peminta kanak-kanak atau anak-anak mereka sendiri sebagai penunjuk jalan. Sebanyak 15 % daripada mereka pula mengamalkan teknik duduk secara bersahaja dan berkumpulan. Biasa juga didapati mereka sedang berbual-bual di antara satu sama lain.

Sebagai kesimpulannya teknik-teknik yang mereka gunakan adalah lebih cenderung kepada pendekatan saikologikal mengatasi pendekatan fizikal. Bukti 'emphirical' daripada jadual 4.6 menunjukkan 77.5 % mempraktikkan pendekatan tersebut berbanding dengan hanya 22.5 % sahaja yang mengamalkan pendekatan fizikal iaitu menunjukkan kecacatan yang mereka alami. Yang lain-lainnya teknik tersebut lebih menekankan penguasaan atau penggunaan emosi mereka untuk menarik perhatian seperti dengan merayu-rayu menunjukkan kesedihan, kelakuan, sikap dan pengucapan yang boleh menarik minat mangsanya iaitu pemberi sedekah. Mereka juga berjaya menarik perhatian ramai dengan cara menghulurkan tangan yang kosong ataupun bekas menadah wang yang hanya mengandungi beberapa keping wang syiling. Dengan cara itu orang ramai akan bersimpati dan menghulurkan sedekah kepada mereka.

JADUAL 4.6: TEKNIK-TEKNIK MEMINTA SEDEKAH

Teknik Digunakan	Bil.	%
Duduk di tempat-tempat terbuka seperti di tangga-tangga kedai	6	15
Menunjukkan kecacatan	9	22.5
Menunjukkan kesedihan di samping membawa anak-anak kecil	7	17.5
Merayu-rayu dengan nyanyian dan membaca ayat Al Quran	11	27.5
Berjalan dari kedai ke kedai atau dari rumah ke rumah	7	17.5
Jumlah	40	100

BAB V

Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan Dalam Usaha Menyelesaikan Masalah Peminta-Peminta Sedekah Di Kota Bharu

Mengikut penerangan salah seorang daripada pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan, masalah peminta sedekah bukanlah merupakan masalah yang serius. Peminta sedekah di sini tidaklah seperti di lain-lain bandar besar umpamanya di Kuala Lumpur kerana didapati sebahagian besar daripada peminta sedekah di Kelantan masih mempunyai keluarga walaupun bentuk hubungan kekeluargaan agak renggang. Mereka juga mengatakan kegiatan meminta-minta di Kota Bharu lebih merupakan satu kegiatan bermusim di mana pada satu-satu masa terdapat terlalu ramai peminta sedekah umpamanya di musim-musim perayaan dan begitulah sebaliknya iaitu didapati sedikit sahaja pada hari-hari kebiasaannya yang lainnya. Kenyataan ini ada juga benarnya kerana berdasarkan pengalaman pengkaji sewaktu melakukan kajian luar adalah sukar untuk menemui kumpulan pengemis dalam jumlah yang ramai sehingga pengkaji terpaksa melanjutkan tempoh kajian luarnya hingga kepada bulan puasa (musim perayaan).

Bagi mengatasi masalah peminta sedekah di Kota Bharu, pengkaji menyenaraikan antara beberapa langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

a) Rumah Orang-Orang Tua

Di Kota Bharu terdapat sebuah pusat sedemikian yang dikenali dengan nama Rumah Kebajikan Taman Sri Kenangan yang terletak di Kemumin, Pengkalan Chepa. Penghuni-penghuni di pusat ini terdiri daripada:-

- 1) Peminta sedekah dan kutu rayau yang ditangkap berikutan serbuan yang dibuat terhadap mereka dan kemasukan mereka ini dengan cara perintah mahkamah dan juga sukarela di bawah Akta Orang-Orang Papa, 1977.

- 2) Orang-orang tua yang lanjut usianya, miskin, daif dan uzur serta tidak mempunyai saudara mara yang sanggup menjaganya dan tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna dan kemasukan mereka ini semuanya adalah secara sukarela.

Penerimaan mereka ini adalah penting bagi mengelakkan mereka daripada menjalankan kegiatan meminta-minta sekiranya kesulitan mereka diabaikan sahaja.

- 3) Pelatih-pelatih cacat yang cacat anggota dari kalangan orang-orang muda yang miskin yang tidak mempunyai pelajaran yang sempurna untuk diberi latihan vokasional.

- 4) Pekerja-pekerja buta yang membuat perusahaan bakul rotan dari kalangan mereka yang telah mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut. Kemasukan mereka adalah dengan cara sukarela.

- 5) Wanita dan gadis iaitu mereka yang ditahan sementara di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Kemasukan mereka ini adalah dengan perintah mahkamah.

Pada asanya matlamat rumah ini ialah memberi jagaan dan perlindungan serta latihan kepada penghuninya dari kalangan sebilangan masyarakat yang kurang bernasib baik dari berbilang bangsa, adat resam dan ugama. Pada keseluruhannya, aktiviti-aktiviti di rumah ini bagi mencapai matlamat penjagaan dan perlindungan ialah memberikan khidmat bimbingan dan kaunseling, menggalakkan penghuninya melakukan kerja mengikut kebolehan dan keupayaan masing-masing contohnya di sini ada latihan vokasional seperti kelas jahitan, membaiki radio dan televisyen serta lain-lain bentuk latihan. Amalan ugama juga dititikberatkan di mana kemudahan dan kelengkapan disediakan bagi menjalankan ibadat. Kelengkapan untuk tujuan rekreasi juga turut disediakan.

Daripada serbuan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pihak Polis ke atas peminta sedekah di Kota Bharu bagi tahun 1985 seperti yang telah ditunjukkan dalam penyata perangkaan mengenai orang-orang papa, seramai 2 orang telah ditangkap, tetapi kemudian dibebaskan dengan dikembalikan kepada penjaga mereka yang menjamin mereka. Manakala pada tahun 1986 pula seramai 17 orang telah ditangkap. Tindakan yang diambil ialah seramai 5 orang yang telah diserahkan ke Pejabat Imigresyen untuk tindakan selanjutnya. Seramai 2 orang daripada mereka pula telah dihantar ke rumah orang-orang

tua, 7 lagi dikembalikan kepada keluarga masing-masing, seorang dimasukkan ke rumah orang tua (seksyen 4) manakala 2 orang lagi berjaya melarikan diri sebelum dibicarakan.

Dengan kata lain melihatkan kepada kategori penghuni Rumah Orang-Orang Tua serta matlamatnya bolehlah dikatakan salah satu peranan rumah ini ialah bagi mengatasi masalah peminta sedekah di Kota Bharu.

b) Menghantar Peminta Sedekah Ke Pusat Pemulihan Di Mersing.

Tujuan utamapusat ini ialah untuk memberi penjagaan, penahanan dan kegiatan pemulihan ke atas peminta sedekah serta kutu rayau dan bagi menolong mereka membantu semula peribadi dan sikap, memiliki kemahiran bagi membantu serta membimbing mereka seberapa yang boleh untuk membolehkan mereka berdikari atau hidup tanpa bergantung kepada bantuan orang lain. Pusat ini terletak di Mersing, Johor yang dibina pada tahun 1966 serta mampu menempatkan seramai 350 orang penghuni. Para penghuni di sini diberi latihan pertukangan, ternakan dan pertanian. Latihan tersebut bertujuan mengajar mereka berdikari dan mendapatkan pekerjaan yang sesuai apabila dibebaskan kelak. Para peminta sedekah yang dihantar ke sini ditempatkan selama 3 tahun dan tempoh itu akan dilanjutkan 3 tahun lagi jika perlu. Tetapi apa yang jelasnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan mereka menyatakan tidak terdapat kes sebegini, buktinya berdasarkan kepada jadual bagi tahun 1985 dan 1986, tiada kes peminta

sedekah yang dihantar ke Mersing. Sebelum ini pun mengikut keterangan pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan, mereka menyatakan tiada terdapat kes peminta sedekah yang dihantar ke Mersing. Sungguhpun memang terdapat peminta-peminta sedekah yang berkelayakan untuk dihantar ke situ tetapi pihak Jabatan enggan menghantarnya atas beberapa alasan seperti peminta sedekah di Kota Bharu masih mempunyai saudara mara yang sanggup menjaga mereka tetapi daripada penemuan pengkaji didapati ramai peminta sedekah yang telah dibebaskan kembali semula meminta sedekah. Tetapi pada penilaian pengkaji alasan tersebut ada benarnya jika dikatakan Pusat Pemulihan Peminta Sedekah di Mersing sudah tidak dapat menampung lagi bilangan peminta sedekah yang bertambah dari semasa ke semasa. Lagipun daripada pernyataan oleh Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Abu Hassan Haji Omar di Ipoh pada 16hb. Jun, 1986 bahawa:-

"Kerajaan akan mendirikan pusat penempatan pengemis berharga dua juta ringgit di Slim River tahun depan. Pembinaan pusat ini perlu disegearkan bagi menampung keperluan pengemis yang semakin meningkat di samping bagi menyediakan latihan kemahiran kepada mereka.
 (Utusan Malaysia, Jun, 1986)

c) Menghantar Peminta Sedekah Kanak-Kanak Ke Rumah Kanak-Kanak

Sebenarnya setakat ini tiada lagi kes peminta kanak-kanak yang dihantar ke Rumah Kanak-Kanak bagi membantu kanak-kanak tersebut memperkembangkan bakat dan kerjaya mereka untuk masa hadapan. Sekiranya adapun kes peminta sedekah kanak-kanak, biasanya

mereka akan kembali kepada penjaga dan jika layak akan diberikan bantuan kanak-kanak iaitu minimanya sejumlah \$ 25.00 tiap-tiap seorang. Manakala peminta kanak-kanak asing yang ditangkap di Kota Bharu biasanya akan diserahkan ke Pejabat Imigresyen untuk tindakan selanjutnya.

d) Skim Bantuan Orang-Orang Tua Berkeperluan

Matlamat skim bantuan ini ialah untuk membolehkan orang-orang tua menjalani hidup dengan berkeyakinan dalam masyarakat dan memathi norma-norma sosial serta budaya hidup masyarakat mereka. Bagi membolehkan orang-orang tua mendapatkan atau menikmati kemudahan daripada skim ini mereka mestilah mempunyai kelayakan-kelayakan minima seperti:-

- 1) Individu tersebut mestilah berumur melebihi 60 tahun.
- 2) Tinggal seorang diri
- 3) Tiada saudara mara atau keluarga ataupun mereka enggan untuk menyara individu tersebut.
- 4) Tiada mempunyai lain-lain punca pengeluaran yang dapat mengeluarkan hasil yang secukupnya untuk keperluan mereka.

Kadar minima bagi penerima-penerima skim ini seperti yang dilaporkan oleh pegawai penguatkuasa ialah sebanyak \$ 50.00. Daripada penemuan pengkaji semasa kajian luar kebanyakan penerima skim ini terdiri daripada mereka-mereka yang masih mempunyai keluarga serta tinggal bersama mereka, contohnya bersama isteri

dan anak-anak. Individu tersebut juga masih menjalankan kegiatan meminta sedekah. Kelonggaran syarat yang diberikan oleh pihak berkuasa dalam meluluskan bantuan tersebut ialah kerana memandangkan sungguhpun ramai peminta sedekah masih mempunyai keluarga atau hubungan persaudaraan tetapi mereka tetap dalam kemiskinan dan hubungan yang adapun tidaklah erat. Lagipun bilangan peminta sedekah di Kelantan adalah kecil kecuali pada waktu-waktu tertentu kerana ia lebih merupakan kes bermusim.

e) Elaun Perangsang Untuk Orang-Orang Cacat

Elaun galakan ini diberikan kepada orang-orang cacat yang mempunyai pekerjaan tetapi menerima jumlah pendapatan yang rendah. Skim ini bertujuan untuk membolehkan mereka hidup dengan yakin dalam pengelibatan mereka dengan masyarakat biasa. Syarat pemberian elaun ini, individu itu mestilah berumur antara 18 hingga 55 tahun. Individu tersebut juga mestilah mendaftarkan diri dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan mengenai kecacatan yang mereka alami. Mereka juga mestilah tidak menerima lain-lain bantuan daripada lain-lain punca seperti daripada badan kerajaan yang lainnya ataupun pihak swasta. Mereka juga mestilah mempunyai pendapatan iaitu minimanya \$ 20.00 dan tahap maksima pendapatan \$ 300.00. Pada kebiasaan penerima skim ini ialah sebanyak \$ 50.00 seorang. Hasil dari kajian pengkaji mendapati pegawai-pegawai yang

meluluskan peruntukan tidaklah menyiasat dengan berhati-hati dan tidak mengikut syarat-syarat yang ditentukan dengan tegas kerana didapati ada di antara penerima skim ini turut meminta sedekah. Sebelumnya mereka menyatakan bahawa diri mereka adalah masih bekerja tetapi sebenarnya itu hanyalah semata-mata bertujuan untuk memperolehi skim bantuan tersebut. Jenis-jenis kecacatan para penerima skim ini pula ialah seperti buta, kecacatan fikiran dan juga kecacatan anggota.

f) Skim Bantuan Kanak-Kanak

Skim ini bertujuan bagi membantu kanak-kanak miskin serta meringankan beban penjaganya. Ia juga secara tidak langsung innin mengelakkan daripada kanak-kanak tersebut dari meminta sedekah. Kadar minima bagi penerima skim ini ialah \$ 25.00 dan maksimanya pula ialah \$ 115.00. Kadar ini adalah bermaksud bagi seorang kanak-kanak mereka boleh menerima \$ 25.00 sebulan tetapi walaupun bilangan anak-anak mereka ramai atau telah bertambah kadar pemberian bantuan terhadap anak-anak mereka tidaklah boleh melebihi \$ 115.00. Penerima-penerima skim bantuan kanak-kanak ini biasanya diterima oleh anak-anak daripada kalangan peminta sedekah dan lain-lain keluarga miskin.

g) Lain-lain langkah yang dimainkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang secara tidak langsung bertujuan untuk mengelakkan daripada kegiatan meminta sedekah daripada kalangan mereka-

mereka yang tidak berasib baik ialah seperti skim bantuan yang di bawah peruntukan kerajaan negeri Kelantan. Kadar minima skim ini ialah \$ 30.00 dan kadar maksimanya pula ialah \$ 100.00. Bantuan jenis berkelompok juga disediakan terutamanya bagi badan-badan sukarela yang menjaga atau beroperasi dalam kebajikan ramai seperti pusat melatih orang-orang cacat di Jalan Bayam, Kota Bharu. Kadar maksima bagi bantuan berkelompok ini pula ialah sebanyak \$ 30,000.00

Berdasarkan kepada peranan-peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat terutamanya seperti langkah-langkah yang telah disebutkan di atas kebanyakannya boleh dikatakan secara langsung atau tidak langsung ingin mengatasi kegiatan meminta-minta. Tetapi masalah nyata yang dihadapi oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memainkan peranan tersebut ialah masalah kekurangan peruntukan terutamanya di waktu negara sedang mengalami zaman kemelesetan ekonomi. Contohnya dapat dilihat dalam peruntukan dari kerajaan negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan bagi tahun 1986 dan 1987.

5.1 PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN KEPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 1986 DAN 1987

Jenis Peruntukan	1986	1987
Bantuan Am Bulanan	1 800 000.00	1 500 000.00
Bantuan Kelopok	200 000.00	150 000.00
Bantuan Malapetaka	150 000.00	100 000.00
Bantuan Projek Jayadiri	75 000.00	40 000.00
Bantuan Persekolahan	75 000.00	70 000.00
Jumlah	2 300 000.00	1 860 000.00

Melihatkan kepada angkutanjuk peruntukan tersebut bagi tahun 1986 dan 1987 didapati keseluruhan bentuk peruntukan dipotong sedangkan bilangan kes yang perlu diberi perhatian semakin bertambah setiap tahun. Contohnya mengikut keterangan pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan baru-baru ini setakat bulan Januari 1987, telah terdapat 100 kes yang diterima dan harus diproses sedangkan peruntukan bagi tahun 1987 adalah berkurangan 19 % daripada peruntukan 1986. Sebenarnya kejayaan dalam proses mengatasi masalah peminta sedekah memerlukan penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak dan bukannya daripada langkah pihak berkuasa sahaja. Pengkaji akan menerangkan secara jelas dalam bab kesimpulan di bawah tajuk saranan-saranan yang dicadangkan. Selain daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Negeri Kelantan juga ada memainkan

peranan secara langsung dalam membantu meringankan beban fakir miskin supaya mereka tidak menjalankan kegiatan meminta-minta. Contohnya ialah bantuan bulanan sebanyak \$ 20.00 sebulan. Dalam tahun 1984 seramai 629 orang telah diberikan bantuan berbanding 1983 seramai 395 orang yang menerima bantuan tersebut. Manakala bagi tahun 1986 pula pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan telah memperuntukkan sejumlah \$ 350,000.00 untuk bantuan bulanan kepada kira-kira 1000 fakir miskin. Bantuan bulanan tersebut telah dinaikkan kepada \$ 35.00 sebulan berbanding dengan \$ 20.00 sebelumnya.

1.1 Rumusan teoridap 'The theory of Differential Association'

Dilipasang analisa data, bahagian perasanan serta bukti mengenal sebab-sebab keminta-kedaan-kedaan yang mengguncangkan perlakuan tersebut serta juga dapat menjawab persoalan lalu kenapakah aktiviti meminta-minta tidak sehebat berlaku kepada orang yang benar-benar miskin tapi turut melibatkan kanak-kanak wanita, orang-orang yang sempurna sifatnya serta juga kepada orang-orang dewasa yang masih bertengaga untuk bekerja.

Dasar teori 'The Differential Association' adalah berasaskan kaisukan meminta-minta itu terlebih dahulu dipelajari dan bukannya satu sifat atau sikap yang diwarisi sejak turun leluurum. Individu-individu yang ingin meminta sedekah sebenarnya terlebih dahulu telah meneliti selalui teknik pemerhatian, monitor dan akhirnya turut mempraktikkannya dengan cara menggabungkan diri ke dalam golongan pesinta sedekah.

BAB VIPENUTUP**1. Rumusan Teori**

Berdasarkan kepada penganalisaan data-data yang dikutip semasa kajian luar, beberapa penemuan serta bukti-bukti sejajar dengan latarbelakang teori telah diperolehi yang dapat menjelaskan tentang perlakuan serta kedudukan peminta-peminta.

1.1 Rumusan terhadap 'The theory of Differential Association'

Dariapada analisa data, beberapa penemuan serta bukti mengenai sebab-sebab meminta, keadaan-keadaan yang menggerakkan perlakuan tersebut serta juga dapat menjawab persoalan iaitu kenapakah aktiviti meminta-minta tidak sahaja berlaku kepada orang yang benar-benar miskin tapi turut melibatkan kanak-kanak wanita, orang-orang yang sempurna sifatnya serta juga kepada orang-orang cacat yang masih bertenaga untuk bekerja.

Dalam teori 'The Differential Association' adalah benar bahawa kelakuan meminta-minta itu terlebih dahulu dipelajari dan bukannya satu sifat atau sikap yang diwarisi sejak turun temurun. Individu-individu yang ingin meminta sedekah sebenarnya terlebih dahulu telah meneliti melalui teknik pemerhatian, meniru dan akhirnya turut mempraktikkannya dengan cara menggabungkan diri mereka ke dalam golongan peminta sedekah.

Sungguhpun terdapat anak-anak peminta sedekah yang turut meminta sedekah tetapi sebenarnya mereka juga telah terlebih dahulu mempelajarinya. Lagipun peminta-peminta sendiri mengetahui bahawa mereka bukanlah secara semulajadinya sukaan aktiviti meminta-minta tetapi disebabkan sesuatu sebab contohnya tiada pekerjaan menyebabkan mereka meniru kegiatan meminta-minta di mana pada akhirnya iaitu setelah mereka memiliki sifat tersebut mereka seakan-akan terpengaruh dengan gaya hidup seperti itu dan berazam meneruskannya.

Proses pembelajaran mengenai perlakuan meminta-minta juga dipelajari melalui interaksi antara individu dengan peminta yang berlaku setiap hari. Didapati hubungan peminta sedekah sesama mereka adalah agak rapat. Keadaan ini dapat dijelaskan kerana didapati antara mereka sering bertukar pandangan dan bertanyakah kahbar antara satu sama lain. Sifat tanggungjawab dan mengambil berat di antara mereka boleh dilihat contohnya sewaktu pengkaji membuat penyelidikan secara langsung dengan responden, maka ada peminta lain yang turut campurtangan untuk memberi pendapat yang menyokong kenyataan yang diberikan oleh responden. Sifat itu juga terlihat apabila ada di antara mereka sering mengingatkan rakan-rakan peminta yang lain supaya berhati-hati terhadap tindakan pihak berkuasa lebih-lebih lagi apabila mereka menyangkakan pengkaji juga adalah salah seorang daripada pegawai penguatkuasa.

Peminta-peminta sedekah yang ditemui di Kota Bharu juga telah menggunakan pelbagai teknik dalam aktiviti mereka yang bersesuaian

dengan sifat-sifat dan keadaan semula jadi mereka seperti yang cacat akan menunjukkan kecacatannya manakala peminta kanak-kanak pula lebih agresif selalunya berjalan di samping menadahkan tangan. Kesemua teknik yang dilakukan itu adalah berasesuaian dan bergantung kepada keadaan serta sikap individu-individu. Kesemua teknik-teknik tersebut adalah dipelajari serta diubahsuai mengikut keadaan melalui pengalaman. Peminta-peminta tersebut juga mengetahui tentang objektif dan matlamat teknik tersebut, sikap yang harus dilahirkan serta tindakan tindakan yang bakal akan mereka terima daripada perlakuan tersebut oleh pihak berkuasa.

Adalah juga benar bahawa kegiatan meminta-minta selain dari akibat interaksi individu dengan peminta-peminta sedekah tetapi juga adalah akibat daripada terasingnya mereka daripada budaya serta nilai-nilai masyarakat yang dominan iaitu masyarakat biasa. Lagipun pengkaji mendapati kebanyakkan orang memandang rendah serta hina kepada peminta sedekah dan mereka cuma bersedia menghulurkan sedekah tetapi tidak mahu membantu mereka berdikari malahan peminta-peminta sendiri merasakan bahawa mereka hanya layak atau lebih baik berinteraksi sesama mereka sahaja kerana masing-masing telah memaklumi akan keadaan di antara mereka. Keadaan ini dapatlah diistilahkan sebagai 'isolation from anti-derience pattern.'

Bagi peminta kanak-kanak pula didapati dalam teori 'The Differential Association' juga dapat menjelaskan bahawa perlakuan

yang 'lawful' dan 'derience behavior' adalah terbentuk semenjak 'early child hood.' Jadi apabila perlakuan-perlakuan yang 'lawful' lemah maka perlakuan-perlakuan yang 'lawful' lemah maka perlakuan-perlakuan yang menyeleweng akan menguasai kanak-kanak tersebut. Sungguhpun begitu andaian ini boleh dipertikaikan lagi kebenarannya iaitu hasil daripada penemuan iaitu bagaimanakah keadaannya seorang kanak-kanak yang menjalankan kegiatan meminta kerana terpaksa atau telah disuruh oleh orang lain iaitu penjaganya.

Akhirnya pengkaji juga menyetujui dalam saranan teori ini yang menyatakan bahawa perlakuan meminta-minta adalah dari 'general needs and value' tetapi ianya tidak pula dijelaskan oleh general needs and values' kerana keseluruhan perlakuan bukan meminta-minta juga adalah disebabkan oleh keperluan tersebut contohnya daripada responden-responden pengkaji yang bekerja, salah satu sebabnya ialah kerana memenuhi 'general needs and values.'

1.2 Rumusan Daripada 'Techniques of Neutralization Theory'

Setelah diaplikasikan ke dalam penyelidikan pengkaji dapati memang benar wujudnya sikap penyesuaian dan pemberanakan penyelewengan di kalangan peminta-peminta sedekah di Kota Bharu. Di dapati kebanyakkan peminta-peminta di sini menyedari serta mengakui bahawa kegiatan serta perlakuan meminta-minta adalah menyeleweng dari segi nilai-nilai yang dipegang oleh

masyarakat dan juga bersalah di segi undang-undang iaitu telah melakukan kesalahan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 yang diantara lainnya tidak membenarkan mereka menjalankan aktiviti meminta-minta di tempat-tempat tertentu terutamanya di kawasan awam yang jika didapati sabit kesalahannya boleh diambil tindakan oleh pihak berkuasa. Tetapi pada realitinya peminta-peminta tersebut seolah-olah bersikap tidak ambil hirau atau menafikan kesalahan-kesalahan mereka kerana pada pandangan mereka bahawa aktiviti meminta-minta yang mereka jalankan bukanlah kehendak semulajadi mereka tetapi terdapat angkubah-angkubah lain yang memaksa mereka melakukan aktiviti tersebut seperti faktor tanggungan, faktor usia dan lain-lain faktor sosial dan ekonomi. Dengan ini mereka seolah-olah tidak mengakui bahawa diri mereka adalah bersalah sebaliknya meletakkan segala kesalahan tersebut kepada angkubah-angkubah lain seperti ibubapa mereka yang miskin serta tidak memberi kemahiran, pelajaran yang secukupnya dan masyarakat yang hanya tahu menghina sahaja.

Para peminta yang beranggapan bahawa adalah menjadi tanggung-jawab masyarakat membantu mereka yang terdiri dari kalangan yang tidak bernasib baik ini. Juga tidaklah menjadi kesalahan kepada mereka meminta-minta daripada orangramai kerana mereka terdiri dari kalangan orang-orang yang berada. Jadi segala teknik yang mereka gunakan bukanlah bererti bahawa mereka telah menipu masyarakat. Tetapi sebaliknya mereka seolah-olah mendakwa bahawa mereka yang teraniaya contohnya penindasan berlaku ke atas

mereka oleh golongan berada. Hakikat ini seolah-olah mereka telah menafikan bahawa masyarakat telah menjadi mangsa kepada kegiatan mereka.

Sungguhpun di kalangan peminta, mereka mengakui hak dan tanggungjawab pihak berkuasa tetapi sikap dan tindakan mereka adalah seperti menafikan atau tidak menyenangi akan tindakan pihak tersebut. Sejajar dengan itu kita juga dapat simpulkan bahawa kebanyakan peminta sedekah adalah beranggapan yang persoalan meminta-minta adalah masalah mereka sendiri dan orang lain tidak seharusnya merasa satu ancaman atau iri hati terhadap kumpulan mereka. Dengan ini tidak hairanlah mengapa apabila pengkaji mendapati terdapat peminta sedekah yang mengatakan bahawa tindakan pihak berkuasa adalah zalim. Mereka juga tidak mengambil hirau akan cemuhan serta hinaan orangramai terhadap aktiviti mereka kerana orangramai tidak mengetahui akan kedudukan mereka dan hanya pandai mencemuh sahaja. Ada juga peminta yang secara terang-terangan memahari sikap sesetengah orang yang mencemuh mereka dengan mengatakan bahawa mereka itulah yang seharusnya dicemuh kerana langsung tidak ada rasa simpati ke atas mereka.

Akhirnya didapati peminta-peminta yang menjalankan aktiviti meminta-minta di Kota Bharu adalah mempunyai hubungan yang agak rapat. Keadaan ini disebabkan mereka memiliki sifat-sifat serta gaya hidup yang sama seperti yang diistilahkan sebagai 'Beggar sub-culture' (Zaiton Bachik, Thesis 1974/75, m.s 74)

Dengan ini kegiatan meminta-minta yang mereka lakukan seolah-olah kerana wujudnya kesedaran bahawa mereka secara tidak langsung telah membantu serta membela kumpulan masyarakat mereka yang minoriti. Sifat ini terbukti dengan adanya rasa persefahaman antara mereka semasa aktiviti meminta-minta, sedia bertolak ansur dan adakalanya mengambil tahu hal masing-masing seperti masalah serta juga terdapat di antara mereka secara ikhlas ingin membela nasib kumpulan peminta dengan rancangan-rancangan kemajuan yang tertentu seperti ingin menubuhkan persatuan yang dapat membela nasib serta kebaikan ahli-ahlinya yang terdiri daripada peminta-peminta sedekah yang terdapat di Kota Bharu.

2. Kesan-Kesan Daripada Masalah Peminta Sedekah

Sebelum pengkaji mengutarakan atau membuat saranan-saranan adalah lebih baik dilihat dulu secara ringkas kesan-kesan atau akibat daripada masalah peminta sedekah. Kesan yang paling nyata atau ketara ialah ianya boleh menjelaskan imej negara dan bangsa, lebih-lebih lagi ketika kita sedang giat memajukan bidang pelancongan terutama di kawasan Pantai Timur khasnya Kelantan. Adalah amat memalukan sekiranya kedatangan pelancong pelancong asing ke Kota Bharu disambut oleh sebilangan peminta sedekah yang ramai lebih-lebih lagi jika mereka turut diganggu oleh peminta-peminta tersebut. Pengalaman sedemikian akan

dibawa balik oleh pelancang tersebut ke negara mereka dan dengan ini secara tidak langsung akan memberikan gambaran yang buruk terhadap negara kita Malaysia contohnya mereka akan mengatakan negara kita banyak berlaku penyelewengan dan penindasan di segi ekonomi yang menyebabkan ramai rakyatnya terpaksa menjadi peminta sedekah.

Masalah ini juga sekiranya dibiarkan akan merebak dan bukan sahaja menambahkan lagi kesulitan untuk mengatasi bahkan dapat menggugat projek pembangunan yang dirancangkan. Keadaan ini disebabkan kebanyakannya peminta sedekah yang terdapat di Kota Bharu majoriti daripadanya tidak pernah bersekolah, manakala yang lain-lainnya hanya mempunyai taraf pendidikan yang minima dan ini akan melahirkan satu masyarakat yang sukar untuk menerima perubahan serta pembaharuan sosial. Ia juga akan melahirkan satu kumpulan masyarakat yang malas berusaha, lagipun banyak wang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan untuk menyara kehidupan mereka. Adalah lebih baik sekiranya wang peruntukan tersebut digunakan oleh pihak kerajaan untuk lain-lain projek pembangunan contohnya untuk membuka kawasan-kawasan pertanian.

Kegiatan meminta-minta juga boleh menimbulkan atau mendatangkan gangguan psikologi kepada orangramai. Orangramai akan sentiasa merasa tekanan ke atas perasaan mereka terutamanya apabila di tempat-tempat yang sering terdapat para peminta sedekah contohnya di pusat-pusat membeli belah iaitu di Pasar Pusat Buluh Kubu di Kota Bharu. Orangramai merasakan mereka

terpaksa menghulurkan sedekah terutama apabila dihampiri oleh peminta-peminta tersebut terutamanya peminta kanak-kanak.

Keadaan fizikal peminta dengan rupa dan pakaian yang tidak terurus juga akan lebih memburukkan lagi keadaan. Pemberian sedekah yang seolah-olah terpaksa ini bukan sahaja tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada orang ramai malah seolah-olah lebih merupakan faktor penggalak kepada kegiatan meminta-minta ini.

Sementara itu, tindakan pihak berkuasa menangkap, memenjara atau menempatkan peminta-peminta sedekah di pusat kebajikan ataupun menghantar balik peminta-peminta asing ke negara asal mereka akan memakan belanja yang banyak. Lebih buruk lagi ia memberi peluang kepada mereka mengambil kesempatan untuk mendapatkan bantuan daripada institusi kebajikan masyarakat. Kita tentu tidak mahu melihat institusi yang bertujuan membantu mereka yang benar-benar tidak bernasib baik itu menjadi tempat tumpuan mereka yang malas berusaha. Dengan yang demikian maka pegawai-pegawai yang meluluskan bantuan haruslah berhati-hati dan tegas dalam aspek ini kerana kita tidak mahu sebahagian besar wang yang boleh disalur kepada projek-projek pembangunan yang lebih bermanfaat digunakan untuk membiayai mereka yang tidak sepatutnya. Oleh itu langkah-langkah yang berkesan haruslah diambil untuk mengatasi masalah ini.

3. Langkah-Langkah Yang Disarankan Untuk Mengatasi Masalah Peminta Sedekah

Melihatkan akan kesan-kesan buruk daripada masalah peminta-peminta sedekah, maka di sini pengkaji menyarakan beberapa langkah untuk diambil perhatian.

i) Saranan kepada pihak berkuasa

- a) Pegawai-pegawai Pengkuatkuasa seharusnya mempunyai pengalaman serta pendidikan yang khusus dalam persoalan peminta sedekah supaya langkah-langkah, dasar dan pemulihan ke atas peminta sedekah berjaya mewujudkan kesedaran di kalangan mereka dan dengan itu tidak akan mengulangi lagi aktiviti yang sama setelah mereka dibebaskan daripada pusat pemulihan.
- b) Sebuah unit khas untuk mengatasi masalah peminta sedekah di Kota Bharu haruslah ditubuhkan. Anggota unit ini haruslah mempunyai pengetahuan yang meluas tentang keadaan dan masalah peminta sedekah serta bersedia untuk mengatasinya. Unit ini juga seharusnya bertindak dengan menangkap peminta-peminta sedekah tidak hanya waktu-waktu tertentu sahaja contohnya waktu Persidangan PATA atau pada minggu-minggu kebaikan negara sahaja seperti yang diamalkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat selama ini. Sebaliknya unit ini haruslah bergerak cergas sepanjang masa.

- d) Pihak berkuasa juga seharusnya menggalakkan badan-badan sukarela atau syarikat-syarikat swasta supaya mengambil inisiatif terhadap golongan-golongan mereka yang tidak bernasib baik itu. Sumbangan mereka dapat dihulurkan melalui derma-derma atau bantuan kepada pusat-pusat tertentu seperti Pusat Penempatan Orang-Orang Tua ataupun mereka mendirikan pusat-pusat pemulihan tersendiri bagi mengatasi masalah peminta sedekah tersebut. Lagipun di Kota Bharu, tiada lagi badan-badan sukarela yang tampil ke hadapan bagi menubuhkan pusat-pusat penempatan peminta sedekah.
- e) Pihak berkuasa juga seharusnya menekankan aspek pemberian pendidikan kepada peminta-peminta sedekah. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK) juga seharusnya bergiat aktif contohnya memberi pendidikan ugama yang meluas kepada peminta sedekah supaya menimbulkan rasa kesedaran di kalangan mereka bahawa kegiatan meminta-minta adalah bertentangan dengan kehendak-kehendak ugama Islam. Peminta kanak-kanak pula seharusnya diberi peluang untuk belajar seperti kanak-kanak biasa yang lain dan prestasi mereka dalam pelajaran haruslah di nilai dari semasa ke semasa.
- f) Ditubuhkan sebuah penempatan yang khusus untuk anak-anak peminta sedekah supaya kesedaran di kalangan mereka wujud semenjak kecil lagi serta diberi pendidikan yang

sempurna agar jangan terjadi keciciran. Langkah ini adalah penting kerana didapati kebanyakan anak-anak peminta sedekah yang ditemui tidak mendapat pelajaran yang memuaskan atau hanya separuh jalan sahaja.

- g) Pihak berkuasa juga seharusnya mengkaji semula Akta Orang-Orang Papa 1977 kerana didapati akta ini tidak ada mempunyai peruntukan untuk mengikat seseorang peminta sedekah yang dibebaskan ataupun diletakkan di bawah jaminan dengan secara Bon yang mengandungi hukuman denda seperti yang dilaksanakan di bawah Akta Dadah Merbahaya Akta Mahkamah Budak-Budak. Pada lazimnya kes-kes peminta sedekah yang dibebaskan oleh pihak mahkamah hanya dengan amaran sahaja dan ini menimbulkan berbagai masalah kerana cara yang demikian menyebabkan mereka kembali semula meminta sedekah setelah dibebaskan walaupun mereka diberi bantuan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Akta ini juga tidak memberi peruntukan bagi mereka dijamin oleh orang-orang yang sesuai dan bertanggungjawab dan yang demikian walaupun penjamin hadir pada hari pembicaraan mereka tidaklah terikat di segi undang-undang seperti yang dikenakan kepada penjamin di bawah Akta Mahkamah Budak-Budak dan ini menimbulkan masalah terutama sekali di kalangan peminta-peminta sedekah yang masih muda di mana penjamin tidak menitikberatkan tanggungjawab mereka selepas kes ini dibebaskan seperti yang perlu di bawah

Akta Mahkamah Budak-Budak Seksyen 12 1(b) dan (d).

- h) Mengenai peminta-peminta sedekah asing dan peminta kanak-kanak, suatu undang-undang yang tegas dan berat haruslah dibuat bagi mencegah penggunaan atau memperalatkan kanak-kanak untuk meminta dan juga terhadap peminta asing seperti yang disebutkan oleh Hamzah Isa iaitu:-

"Hukuman yang berat hendaklah dikenakan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab memperalatkan kanak-kanak bagi kepentingan diri sendiri. Tindakan yang lebih tegas harus diambil bagi memastikan tidak ada orang asing yang menggunakan kesempatan untuk mengemis. Suatu langkah yang lebih berkesan mesti difikirkan bagi memastikan setiap peminta asing yang dihantar pulang tidak datang lagi dan mengemis di negara ini." (Dewan Masyarakat, Disember, 1985)

ii) Saranan umum

- a) Para peminta sedekah sendiri tidak seharusnya merasa rendah diri dan menjadikan kecacatan mereka sebagai satu alasan untuk meminta-minta. Sebaliknya mereka haruslah berusaha memajukan diri dengan kemahiran yang ada, menanam semangat untuk berdikari dan menghapuskan sikap sentiasa mengharapkan belas kasihan orang lain. Dengan pendirian sebegini mereka bukan sahaja boleh hidup berdikari, lebih dari itu mereka akan lebih disegani oleh masyarakat."

- b) Orangramai seharusnya turut mengambil bahagian dalam mengatasi masalah ini dengan cara berhenti dari memberi wang kepada para peminta sedekah. Sebaliknya segala derma ikhlas mereka itu haruslah disalurkan melalui badan-badan tertentu, sebaik-baiknya badan di bawah Kementerian Jabatan Kebajikan Masyarakat. Orangramai juga boleh membantu dengan sukarela melatih mereka dalam lapangan tertentu. Sokongan sebegini boleh mendorong peminta sedekah tersebut untuk berdikari.
- c) Masyarakat seharusnya sedar tentang perlunya sikap mengeratkan lagi jalinan kekeluargaan atau tali persaudaraan sejajar dengan kehendak ajaran Islam. Kenyataan ini ada disebutkan di dalam Hadis yang bermaksud:-

"Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga kamu mencintai saudara kamu sepetimana kamu mencintai diri kamu sendiri."

Ajaran Islam juga menjadikan antara keluarga saling menjamin dan mencukupi iaitu di mana sebahagian meringankan penderitaan anggota yang lain, yang kuat membantu yang lemah, yang kaya membantu yang miskin, yang mampu memperkuatkan yang tidak mampu dan sebagainya. Kenyataan ini terdapat di dalam Al Quran yang bermaksud:-

"Dan anggota keluarga, sebahagian lebih berhak terhadap anggota keluarga yang lain, menurut kitab Allah."

(Surah Al Anfal, ayat 75)

Lagipun di dalam ajaran Islam tidak ada gunanya atau tidak bererti menyambung keluarga tanpa memberi nafkah kepada yang berhak. Langkah mengikut pendekatan Islam ini disyorkan memandangkan ikatan kekeluargaan di kalangan peminta sedekah khasnya adalah longgar dan boleh dikatakan masing-masing telah melupakan rasa tanggungjawab antara mereka. Keadaan ini tidak sahaja berlaku di kalangan peminta sedekah tetapi juga kepada kebanyakan orang dewasa ini yang kebanyakannya lebih suka menerapkan nilai individualistik, materialistik, dan sebagainya serta merlupakan kehendak-kehendak ajaran Islam.

4. Kesimpulan

Berdasarkan kepada syor-syor yang telah diberikan dan dijelaskan di atas, maka adalah amat penting penglibatan serta kerjasama semua pihak dalam usaha mengatasi masalah peminta sedekah. Masyarakat biasa juga haruslah mengubah sikap mereka iaitu memandang rendah dan hina terhadap peminta-peminta sedekah tetapi sebaliknya cuba membantu mereka bagi mengembalikan mereka ke dalam kehidupan normal iaitu dengan hidup berdikari. Lagipun, sikap negatif tersebut akan lebih memburukkan lagi keadaan, kerana seolah-olah ada sempadan yang memisahkan atau membezakan antara masyarakat biasa dan kumpulan peminta sedekah. Disebabkan

kebanyakkan peminta sedekah di Kota Bharu (Kelantan amnya) terdiri daripada orang-orang Melayu yang berugama Islam maka pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan haruslah mengambil inisiatif yang drastik serta berterusan dalam menyedarkan golongan peminta-peminta sedekah bahawa perbuatan mereka tersebut telah menyeleweng daripada kehendak sebenar ugama Islam kerana dalam ajaran Islam perbuatan mengemis dan meminta-minta adalah satu perbuatan yang rendah lagi hina. Sepotong hadis Nabi juga ada menerangkan tentang betapa bodohnya orang-orang yang malas bekerja tetapi mengharapkan rezeki yang datang menggolek ataupun berserah kepada takdir sahaja tanpa berusaha. Maksud ini dikiaskan oleh pengkaji dari hadis yang berbunyi:-

"ikatlah terlebih dahulu untamu itu, kemudian barulah engkau bertawakkal." (R. Tarmidzi, Ibnu Majah)

Dengan yang demikian maka peminta-peminta sedekah sendiri haruslah berusaha dengan sedaya-upaya mereka terlebih dahulu dalam memenuhi keperluan-keperluan dan kehendak hidup, setelah itu barulah boleh berserah kepada takdir Allah. Dengan yang demikian perbuatan meminta sedekah haruslah dihindarkan dan dijauhi oleh masyarakat.

a. Abdullah, Tuan Haji Abdul H. Md. Ali, "Theories of Reliance and Discretionary of the Poor in Islam", Second International Islamic Conference, Kuala Lumpur, Malaysia, 1975.

b. Abdullah, H. Md. Ali, "The Economics of the Poor", Second International Islamic Conference, Kuala Lumpur, Malaysia, 1975.

BIBLIOGRAFI

1. Ahmad Mahdzan Ayob. 'Kaedah Penyelidikan Sosial - Suatu Pengenalan.' Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1965.
2. Anderson N. 'The Hobo, University of Chicago Press, Chicago, 1923.
3. Matza D. 'Becoming Deviant', Prentice Hall Inc. Englewood Cliffs, New Jersey, 1969.
4. Mc Caghy C.H. 'Deviant Behavior: Crime Conflict and Interest Groups', Mac Millan Publishing Co. Inc. New York, 1976
5. Orwell J. 'Down and out in Paris and London', Aron, New York, 1933.
6. Rose J. D. 'Introduction to Sociology', Rand Mc Nally, Chicago 1971.
7. Rushing W. A. 'Deviant Behavior and Social Process.' Rand Mc Nally Publishing Co. 1975.
8. Stuart H. Traub and Craig B. Little, 'Theories of Deviance' State University of New York at Cortland, Peacock Publishers Inc. Itasca, Illinois, 1975.
9. Sutherland E. H and Cressey D. R., 'From Criminology', J. B. Lippincott Company, New York 1970.

10. Syeikh Yusof Qardhawi, 'Problem Kemiskinan: Apa Konsep Islam.' P. T. Bina Ilmu, Surabaya, 1980.
11. Umar Khayam; 'Gelandangan: Mengapa Hidup Menggelandang?' Universitas Islam Indonesia, 1984.
12. Wan Azmi Ramli, 'Masyarakat: Satu Kajian Ilmiah Dalam Konteks Kebajikan Am', Utusan Publication and Distributors SDN. BHD. Kuala Lumpur, 1978.

Latihan Ilmiah.

1. Mariani Bt. Mansor," Kelonggaran Ikatan Sosial dan Jenayah Juvena " Jabatan Antro/Sosio. , Universiti Malaya, Sesi 1984/85.
2. Zaiton Bt. Bachik, " Masalah Perlakuan Meminta-minta dan Peminta Sedekah di Bandaraya Kuala Lumpur ", Jabatan Antro/Sosio., Universiti Malaya, Sesi 1975/76.

ARTIKEL, LAPORAN DAN MAJALLAH

1. Act 183, Destitute Persons Act 1977, Laws of Malaysia,
Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1977
2. Akhbar Utusan Malaysia, Jun 1986.
3. Journal Pusat Pemulihan Pengemis Mersing, 1978.
4. Laporan Tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
1977.
5. Laporan Mengenai Pengemis dan Kutu Rayau di Semenanjung
Malaysia, 1974 / 1975.
6. Majalah Dewan Masyarakat.
7. Social Survey On Beggars And Vagrants, Central Welfare
Council, Federation of Malaya, 1958.
8. The American Heritage Dictionary of the English Language
(Boston American Heritage Publishing and Houghton Mifflin)
1973.

Gubuk 2 : Pengemis-pengemis lelaki, Wanita Berita Kanak -
kanak di Masjid Perayaan di Perkarangan Masjid
di Kota Bharu.